

**Bil. 2**

**Isnin  
21 Mac 2022**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGKAL KELIMA  
MESYUARAT PERTAMA**

# KANDUNGAN

<b>MENGANGKAT SUMPAH DUA ORANG AHLI</b>	
Lantikan Baharu	(Halaman 1)
<b>PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA</b>	
Mengalu-alukan Pelantikan Dua Orang Ahli	(Halaman 1)
Ahli-ahli Mengangkat Sumpah di Luar Dewan	(Halaman 3)
Pindaan Takwim Persidangan	(Halaman 3)
Titah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia	
Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong	(Halaman 4)
Memperkenankan Akta-akta	(Halaman 4)
<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 5)
<b>USUL-USUL:</b>	
Jalan-jalan Masuk Ke Parlimen	(Halaman 31)
Pelantikan Ahli Jawatankuasa Pemilih di Bawah P.M 70	(Halaman 31)
Usul Menjunjung Kasih Titah	
Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong	
<i>[YB Senator Dato' Zaiedi bin Haji Suhaili]</i>	(Halaman 32)

**AHLI HADIR**

1. Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Negara, Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim (Dilantik)
2. “ Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, Dato' Sri Dr. Haji Mohamad Ali bin Haji Mohamad (Dilantik)
3. “ Dato' Dr. Mah Hang Soon [Timbalan Menteri Pendidikan I] (Dilantik)
4. “ Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah (Negeri Sembilan)
5. “ Tuan Haji Ahmad bin Yahaya (Kedah)
6. “ Dato' Ajis bin Sitin (Pahang)
7. “ Tuan Aknan a/l Ehtook (Dilantik)
8. “ Dato' Arman Azha Abu Hanifah (Dilantik)
9. “ Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad (Dilantik)
10. “ Datuk Haji Bashir bin Haji Alias (Dilantik/ Wilayah Persekutuan Labuan)
11. “ Datuk Bobbey Ahfang bin Suan (Sabah)
12. “ Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai (Dilantik)
13. “ Puan Fadhlina binti Dato' Sidek (Pulau Pinang)
14. “ Dato' Haji Husain bin Awang (Terengganu)
15. “ Dato' Isa bin Ab Hamid (Dilantik)
16. “ Datuk Iskandar Dzulkarnain bin Abdul Khalid (Perak)
17. “ Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian (Dilantik)
18. “ Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan (Johor)
19. “ Datuk John Ambrose (Dilantik)
20. “ Puan Noraini binti Idris (Sabah)
21. “ Dato' Juhanis binti Abd Aziz (Pahang)
22. “ Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair (Negeri Sembilan)
23. “ Tuan Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin (Dilantik)
24. “ Datuk Wira Koh Nai Kwong (Melaka)
25. “ Puan Lim Hui Ying (Pulau Pinang)
26. “ Datuk Mohan a/l Thangarasu (Dilantik)
27. “ Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad (Kelantan)
28. “ Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya (Dilantik/ Wilayah Persekutuan Putrajaya)
29. “ Tan Sri Dato' Seri Mohd Radzi bin Tan Sri Sheikh Ahmad (Dilantik)

**AHLI HADIR (samb/-)**

30. Yang Berhormat Datuk Mohd Ridhwan bin Mohd Ali (Dilantik)
31. “ Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip (Dilantik/ Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur)
32. “ Dato’ Nelson a/l Renganathan (Dilantik)
33. “ Dato Dr. Nuing Jeluing (Sarawak)
34. “ Dato’ Wira Othman bin Aziz (Kedah)
35. “ Datuk Paul Igai (Dilantik)
36. “ Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi (Dilantik)
37. “ Datuk Razali bin Idris (Dilantik)
38. “ Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol (Dilantik)
39. “ Tuan Robert Lau Hui Yew (Dilantik)
40. “ Tuan Seruandi bin Saad (Perlis)
41. “ Dato’ Shamsuddin bin Haji Abd. Ghaffar (Perak)
42. “ Puan Susan Chemerai Anding (Dilantik)
43. Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu (Dilantik)
44. “ Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff (Kelantan)
45. “ Dato Zaiedi bin Haji Suhaili (Sarawak)
46. Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa (Dilantik)

**AHLI TIDAK HADIR**

1. Yang Berhormat Tengku Datuk Seri Utama Zafrul bin Tengku Abdul Aziz [Menteri Kewangan] (Dilantik)
- 2 “ Datuk Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin [Menteri Kanan Pendidikan] (Dilantik)
- 3 “ Tuan Haji Idris bin Haji Ahmad [Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)] (Dilantik)
- 4 “ Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Timbalan Menteri Perpaduan Negara] (Dilantik)
- 5 “ Dato' Dr. Ahmad Masrizal Muhammad [Timbalan Menteri Pengajian Tinggi] (Dilantik)
- 6 “ Dato’ Sri Ti Lian Ker [Timbalan Menteri Belia dan Sukan] (Dilantik)
- 7 “ Tuan Ir. Md Nasir bin Hashim (Dilantik)

**AHLI TIDAK HADIR  
(DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 83)**

1. Yang Berhormat Datuk Lim Ban Hong [Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri] (Dilantik)
2. “ Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee (Dilantik)
3. “ Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri (Dilantik)
4. “ Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan (Dilantik)
5. “ Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh (Terengganu)
6. “ Tuan Haji Aziz bin Ariffin (Perlis)

**HADIR BERSAMA**

1. Yang Berhormat Dato Sri Alexander Nanta Linggi [Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna] (Kapit)
2. “ Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Menteri Tenaga dan Sumber Asli] (Kota Bharu)
3. “ Datuk Seri Rina binti Mohd Harun [Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat] (Titiwangsa)
4. “ Datuk Halimah binti Mohd Sadique [Menteri Perpaduan Negara] (Kota Tinggi)
5. “ Dato’ Sri Dr. Adham bin Baba [Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi] (Tenggara)
6. “ Datuk Dr. Haji Abd Latiff bin Ahmad [Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas)] (Mersing)
7. “ Dato’ Sri Haji Ismail bin Mohamed Said [Timbalan Menteri Dalam Negeri I] (Kuala Krau)
8. “ Datuk Mastura binti Tan Sri Dato’ Mohd Yazid [Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-Tugas Khas)] (Kuala Kangsar)
9. “ Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia] (Padang Besar)
10. “ Dato’ Eddin Syazlee bin Shith [Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi)] (Kuala Pilah)
11. “ Dato’ Dr. Haji. Noor Azmi bin Ghazali [Timbalan Menteri Kesihatan I] (Bagan Serai)
12. “ Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang)] (Masjid Tanah)
13. “ Datuk Willie anak Mongin [Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi II] (Puncak Borneo)
14. “ Datuk Seri Jalaluddin bin Alias [Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan] (Jelebu)

**DEWAN NEGARA**

**Ketua Pentadbir Parlimen**  
Datuk Nor Yahati binti Awang

**Setiausaha Dewan Negara**  
Muhd Sujairi bin Abdullah

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**

-

**PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (HANSARD)**

Monarita binti Mohd Hassan  
Azhari bin Hamzah  
Halijah binti Mat Sin  
Rosna binti Bujairomi  
Alzian binti Baharudin  
Muhammad Qhidir bin Mat Isa

Noraidah binti Manaf  
Siti Norlina binti Ahmad  
Nor Hamizah binti Haji Hassan

Sherliza Maya binti Talkah  
Nor Liyana binti Ahmad  
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir  
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan  
Hafilah binti Hamid  
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli  
Nor Effazimmah binti Maliki  
Nur Annisa binti Hamid  
Herdawati binti Mohd Amir Abbu  
Hasnah Sakinah binti Mohd Hashim  
Nur Hazwanie binti Mohd Rozali  
Yoogeswari a/p Muniandy  
Muhamad Fazal bin Mahat  
Nor Aizafasya binti Zainal  
Ahmad Syahril bin Haji Sikari @ Sik'ari

Azmir bin Mohd Salleh  
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa  
Nor Kamsiah binti Asmad  
Aifarina binti Azaman  
Noorfazilah binti Talib  
Farah Asyraf binti Khairul Anuar  
Julia binti Mohd. Johari  
Syahila binti Ab Mohd Khalid  
Ismalinda binti Ismail  
Hazliana binti Yahaya  
Amir Arshad bin Ab Samad  
Hizamihatim Maggisa bin Juara  
Muhammad Firdaus bin Ahmad  
Izzul Syazwan bin Abdul Halim  
Maryam binti Azinuddin  
Mohd Aizuddin bin Pahrol Laili  
Nurul Syakirah binti Ibharim  
Suhaila binti Sariffuddin  
Siti Fatimah Nurain binti Mohamad  
Nor Afina binti Mohamed Rashid  
Nik Muhammad Ismail bin Karim

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**  
**PENGGAL KELIMA**  
**MESYUARAT PERTAMA**

Isnin, 21 Mac 2022

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**MENGANGKAT SUMPAAH DUA ORANG AHLI**

**Setiausaha:** Mengangkat sumpah dua orang Ahli.

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara, Ahli-ahli Yang Berhormat dan para hadirin sekalian, Majlis Mengangkat Sumpah pada hari ini mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 4(1), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara, dan mengikut Jadual Keenam, Perlembagaan Persekutuan.

Dengan hormatnya saya menjemput Ahli Yang Berhormat berikut untuk mengangkat sumpah di hadapan Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara.

**LANTIKAN BAHARU**

1. Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad
2. Yang Berhormat Senator Datuk Mohd Ridhwan bin Mohd Ali

*[Upacara Mengangkat Sumpah tamat]*

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**MENGALU-ALUKAN PELANTIKAN DUA ORANG AHLI**

**Tuan Yang di-Pertua:** *Assalamualaikum*, salam sejahtera dan selamat pagi. Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan mengalu-alukan pelantikan Ahli-ahli Dewan Negara yang telah mengangkat sumpah sebentar tadi iaitu:

- (i) Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad, Ahli Lembaga Pengarah Pharmaniaga Berhad. Pemegang Doktor Falsafah Politik dan Kerajaan, Universiti Putra Malaysia (Lantikan baharu - Lantikan Yang di-Pertuan Agong) Berkuat kuasa mulai 21 Mac 2022 hingga 20 Mac 2025... *[Tepuk]*; dan

- (ii) Yang Berhormat Senator Datuk Mohd Ridhwan bin Mohd Ali, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka. Pemegang Sarjana Muda dengan Kepujian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, *University of Auckland* (Lantikan baharu - Lantikan Yang di-Pertuan Agong) Berkuat kuasa mulai 21 Mac 2022 hingga 20 Mac 2025... [Tepuk]

#### ■1010

Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, marilah kita galas tanggungjawab ini dengan sebaik mungkin dan tunaikan segala sumpah yang telah dilafazkan dengan penuh amanah. Oleh sebab Dewan Negara ketika ini sedang melalui fasa transformasi yang memerlukan penglibatan dan penyertaan aktif para Senatonya secara menyeluruh, agar peranan Dewan yang mulia ini dalam memperjuangkan suara rakyat menjadi tersohor serta dihormati. Kita sering menyatakan bahawa antara sumpah dengan perbuatan, antara sumpah dengan pelaksanaan, antara sumpah dengan politik sentiasa tidak ada diamalkan secara berbudi dan semarak perjuangan untuk tanah air.

Semoga dengan transformasi yang sedang dalam proses pelaksanaan ini, setiap Ahli Dewan Negara wajar mematuhi senarai tanggungjawab yang perlu dilunaskan dan hasilnya dinilai bagi mengukur sejauh mana pencapaian kita selaku Ahli Yang Berhormat. Zaman Ahli Yang Berhormat Dewan Negara seperti dahulu harus kita kikis. Zaman baharu perlu kita terapkan dan jadikan realiti. Senarai Tugas tersebut telah diberikan kepada semua Ahli Dewan Negara dan diharapkan Ahli-ahli Yang Berhormat menggunakan kepakaran masing-masing sebagaimana digariskan pada Perkara 45, Perlembagaan Persekutuan, untuk menjuarai apa-apa jua bidang yang terkait dengan Senarai Tugas tersebut.

Pada masa ini, Dewan Negara sudah mempunyai tiga Jawatankuasa Pilihan Khas yang ada kuasa perundangan, dengan Jawatankuasa Pilihan Khas Tadbir Urus, Integriti dan Antirasuah yang saya sendiri mempengeruskannya.

Kedua, Jawatankuasa Pilihan Khas Kesejahteraan Rakyat yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Sri Dr. Haji Mohamad Ali bin Haji Mohamad, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara.

Ketiga, Jawatankuasa Sosiobudaya, Komunikasi dan Pendidikan yang diketuai Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook.

Ketiga-tiga Jawatankuasa Pilihan Khas ini merupakan sekutu kepada agenda transformasi Parlimen. Persoalannya ialah apa Jawatankuasa ini boleh buat? Jawatankuasa-jawatankuasa ini bersandar kepada peruntukan undang-undang dan peruntukan undang-undang yang terkandung di bawah Akta Keistimewaan Parlimen 1952, iaitu menanggung segala urusan rasmi, termasuk memanggil atau menyaman pihak untuk hadir di Mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa itu.

Tugas dan khidmat kita tidak berakhir pada bunyi loceng Parlimen. Khidmat kita lantasi ke lapangan rakyat di kampung dan di pekan, di ladang dan sawah, di bandar dan di luar bandar.

*Apa tanda kain pelekat;  
Raginya halus dibentang lebar.  
Apa tanda pemimpin rakyat;  
Budinya halus orangnya sabar.*

Pada minggu lepas, saya telah menerima kunjungan hormat daripada Menteri Kesihatan yang mencadangkan agar semua Ahli Dewan Negara diwajibkan menjalani program saringan kesihatan secara berkala. Umumnya, kita sangat bersetuju dan meminta semua Ahli Yang Berhormat dapat menyertai program tersebut demi menjaga dan memantau kesihatan kita pada semua aspek kehidupan, fizikal dan mental.



Kesihatan amat penting demi kelangsungan pelaksanaan tugas yang diberikan kepada kita. Pemantauan terhadap penyakit tidak berjangkit- *non-communicable diseases* iaitu NCD seperti kanser, jantung, darah tinggi, obesiti dan sebagainya perlu dilakukan kerana penyakit-penyakit tersebut tidak dapat dipandang dengan mata kasar. Saya ingin mendapatkan khidmat Ahli-ahli Yang Berhormat setimpal.

Justeru, cadangan yang dipersetujui oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan itu harus kita terima dengan hati terbuka dan kesungguhan. Kita pernah menyatakan bahawa Rukun Negara perlu dijadikan tonggak dalam Perlembagaan Persekutuan. Prinsip yang kelima, 'Kesopanan dan kesusilaan' menuntut kita agar sentiasa mengutamakan kesopanan semasa berkomunikasi dan mengamalkan tatasusila dalam berbicara.

Justeru Ahli-ahli Yang Berhormat, berbicaralah dengan hormat dan kesusilaan yang tinggi agar menjadi ikutan dan contoh terbaik kerana kita ialah cerminan rakyat Malaysia. Berbicara dengan bahasa yang betul, intonasi yang penuh dengan adab, sapaan penuh hormat dan sulaman kata-kata hikmat sebagai seorang pemimpin yang tinggi darjat, sesuai dengan status Dewan Negara itu sendiri.

Saya juga berharap semasa sesi perbahasan, Ahli-ahli Yang Berhormat tidak membaca keseluruhannya tetapi cuba dengan keupayaan, membahaskan dan menjuarakan sesuatu perkara menurut lunas berbahas di Parlimen. Mungkin kita harus melihat bagaimana *The House of Lords* berbicara. Mungkin juga kita lihat bagaimana *The House of Commons* berbicara. Kita ambillah sebahagian daripada kebolehan mereka itu dan tidak sepertinya dikatakan kemudian bahawa kita sebagai Ahli Parlimen di Dewan yang tertinggi sentiasa membaca sahaja dan tidak berbahas seperti yang dituntut oleh Peraturan Mesyuarat 34(6).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, persidangan Dewan Negara pada kali ini akan dipancarkan secara langsung di stesen RTM... [*Tepuk*] Perkara ini harus kita terima dengan sebaiknya, dan Dewan Negara mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga pada Jabatan Penyiaran Malaysia atas komitmen yang diberikan. Dengan kata-kata itu, kita mulakan Mesyuarat Pertama Penggal Kelima, Parlimen Ke-14, tahun 2022.

### **AHLI-AHLI MENGANGKAT SUMPAH DI LUAR DEWAN**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Peraturan Majlis Mesyuarat 4(3), saya dengan ini memberitahu Majlis iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat yang berikut telah mengangkat sumpah di luar Majlis Mesyuarat Dewan mengikut Jadual Keenam dalam Perlembagaan Persekutuan pada tarikh yang dinyatakan seperti berikut:

#### **Pada 20 Januari 2022:**

1. Yang Berhormat Senator Datuk Iskandar Dzulkarnain bin Abdul Khalid. Lantikan baharu - pilihan DUN Perak;
2. Yang Berhormat Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd. Ghaffar. Lantikan baharu - pilihan DUN Perak.

### **PINDAAN TAKWIM PERSIDANGAN**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka menyatakan bahawa Majlis ini telah menerima satu perutusan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Ketua Majlis. Menurut Peraturan Mesyuarat 10(2), meminda Takwim Mesyuarat Pertama Dewan Negara, Penggal Kelima yang berjalan sekarang seperti berikut:

Perbahasan ke atas Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah selama tiga hari bermula Isnin 21 Mac 2022 hingga hari Rabu 23 Mac 2022, diikuti dengan jawapan Yang Berhormat Menteri selama dua hari bermula 24 Mac 2022, dan 28 Mac 2022.

#### ■1020

Seterusnya tiga hari diuntukkan bagi perbahasan rang undang-undang yang Urusan Kerajaan. Sementara yang lain mula hari Selasa 29 Mac 2022 sehingga Khamis, 31 Mac 2022. Saya meminta Setiausaha Dewan supaya mengedarkan Pindaan Takwim tersebut serta butirannya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

### TITAH KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, anggota Dewan Negara yang dihormati, dengan sukacita saya memaklumkan kepada Majlis ini iaitu pada 28 Februari 2022, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan bertitah dalam kedua-dua Majlis Parlimen secara bersesama.

Saya telah menerima salinan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong itu, dan seterusnya sekarang saya mengarahkan supaya salinan Titah Diraja itu dibentangkan di atas meja Mesyuarat, dan seterusnya dicetak dalam Penyata Rasmi.

*[Titah Diraja terdapat dalam Penyata Rasmi 28 Februari 2022, di Portal Parlimen]*

### MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam Mesyuarat Penggal yang lalu seperti berikut:

- (i) Akta Perbekalan 2022;
- (ii) Akta Perihal Dagangan (Pindaan) 2021;
- (iii) Akta Ordinan Peguam Bela (Sabah) (Pindaan) 2021;
- (iv) Akta Kewangan 2021;
- (v) Akta Langkah-langkah Sementara bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) (Pindaan) 2021;
- (vi) Akta Lembaga Angkasa Malaysia 2022;
- (vii) Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) (Pindaan) 2021;
- (viii) Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (Pindaan) 2021;
- (ix) Akta Perlembagaan (Pindaan) 2021;
- (x) Akta Hak Cipta (Pindaan) 2021;
- (xi) Akta Pemeliharaan Hidupan Liar (Pindaan) 2021; dan
- (xii) Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Pindaan) 2021.

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tan Sri Dato' Seri Mohd Radzi bin Tan Sri Sheikh Ahmad** minta Perdana Menteri menyatakan, adakah dalam Perlembagaan Persekutuan, undang-undang yang menghalang seseorang warganegara Malaysia untuk dicalonkan, atau dipilih atau dilantik sebagai Ahli Parlimen (Dewan Rakyat atau Dewan Negara) jika dia telah disabitkan atas sesuatu kesalahan oleh sesuatu mahkamah, dan dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun, atau denda tidak kurang daripada RM2,000 (dua ribu Ringgit) dan dia tidak dapat pengampunan bebas walaupun dia telah mengemukakan rayuan terhadap keputusan mahkamah tersebut.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin]:** Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan Perkara 48(1)(e) dibaca dengan Fasal (5), Perkara 48, Perlembagaan Persekutuan, mana-mana Warganegara Malaysia yang telah disabitkan atas suatu kesalahan oleh mana-mana mahkamah di Persekutuan dan dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun atau denda tidak kurang daripada RM2,000, dan tidak mendapat pengampunan bebas akan kehilangan kelayakan untuk dicalonkan bagi penamaan, pemilihan atau pelantikan ke mana-mana satu Majlis Parlimen.

Masa atau tarikh kuat kuasa kehilangan kelayakan sebagai Ahli Parlimen dalam hal penamaan, pemilihan atau pelantikan mana-mana orang ke mana-mana Majlis Parlimen bagi orang-orang yang telah disabitkan dan dihukum seperti yang diperuntukkan di bawah Perkara 48(1)(e) Perlembagaan Persekutuan adalah berbeza dengan masa atau tarikh kuat kuasa kehilangan kelayakan seseorang sebagai Ahli Parlimen yang telah dipilih ataupun dilantik.

Fasal (4) Perkara 48 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan tarikh kuat kuasa hilang kelayakan Ahli Parlimen yang telah dipilih atau dilantik antaranya disebabkan oleh sabitan dan hukuman menurut Perkara 48(1)(e) Perlembagaan Persekutuan hendaklah berkuat kuasa selepas tamatnya tempoh 14 hari dari tarikh sabitan dan hukuman itu atau selepas tamatnya tempoh 14 hari dari tarikh pelupusan rayuan atau lain-lain mahkamah itu. Jika petisyen pengampunan telah difailkan, tarikh kuat kuasa hilang kelayakan tersebut adalah sebaik sahaja petisyen itu dilupuskan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Silakan.

**Tan Sri Dato' Seri Mohd Radzi bin Tan Sri Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Kenapa kita ada peraturan sedemikian rupa yang memberi kelonggaran ataupun membenarkan Ahli Parlimen ataupun Ahli Dewan Negara terus menjadi Ahli Dewan Negara, ataupun Dewan Rakyat walaupun dia didapati bersalah dan dihukum lebih daripada had yang telah disebut tadi tetapi dia telah mengemukakan rayuan. Akan tetapi seorang orang biasa yang didapati bersalah dan dihukum lebih daripada had yang disebutkan tadi dan membuat rayuan tidak dibenarkan untuk bertanding di mana-mana Kerusi Dewan Rakyat ataupun dipilih sebagai Ahli Dewan Negara?

Jadi, adakah sampai masanya kita meminda Perlembagaan ini untuk menyelaras, membuatkan satu undang-undang yang memberi, mencerminkan kesucian dan memelihara kemuliaan institusi Parlimen ini Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat yang telah pun menyatakan soalan tambahan itu tadi yang mana kita memahami hasrat dan juga semangat yang ingin dilontarkan dalam soalan tersebut.

Jadi di sini, saya hendak menyatakan bahawa, justifikasi perbezaan kedudukan hilangnya kelayakan Ahli Parlimen yang telah dipilih atau dilantik dan hilang kelayakan kepada dicalonkan kepada mana-mana Majlis, penamaan, pemilihan ataupun pelantikan ke mana-mana satu Majlis Parlimen antara lain seperti berikut kerana hasrat penggubalan berdasarkan rujukan yang telah dibuat pada Penyata Rasmi Dewan Rakyat bertarikh 1 Ogos 1983, Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan), Bacaan Kali Kedua, dan juga Ketiga, Perdana Menteri pada ketika itu Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah pun menjelaskan bagi Pindaan Perkara 48 Perlembagaan Persekutuan, tiada penangguhan kehilangan kelayakan setelah sabitan mahkamah bagi maksud penamaan, pemilihan atau pelantikan mana-mana orang ke mana-mana satu Majlis.

Petikan Penyata Rasmi ini adalah terdapat dalam muka 8557 hingga 8558 yang mana ia menyatakan seperti berikut, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dicadangkan kepada Perkara 48 adalah untuk menetapkan iaitu mana-mana Ahli Parlimen yang hilang kelayakan di bawah peruntukan Perkara 48(1)(e), atau Perkara 48(2), maka hilang kelayakan itu hendaklah berkuat kuasa hanya selepas 14 hari daripada tarikh sabitan dan hukuman menurut peruntukan perkara-perkara itu, dan pindaan ini juga memperuntukkan jika dalam tempoh 14 hari Ahli itu membuat rayuan, atau membawa lain-lain prosiding mahkamah berkenaan sabitan dan hukuman tersebut, maka bilangan kelayakan hendaklah mula berkuat kuasa hanya selepas tamatnya tempoh 14 hari daripada pelupusan rayuan atau lain-lain prosiding mahkamah.

Jika Ahli itu masukkan satu Petisyen untuk mendapat ampun dalam 14 hari daripada pelupusan rayuan atau lain-lain prosiding mahkamah, hilang kelayakan itu hendaklah mula berkuat kuasa sebaik sahaja Petisyen itu dilupuskan.

Jadi peruntukan mengenai penangguhan kuat kuasa hilang kelayakan yang tersebut tidak terpakai bagi maksud penamaan calon pilihan raya atau pelantikan ke mana-mana Dewan Parlimen. Jadi, antara perkara lain ya, sebab ialah kita memahami perbezaan antara keduanya tetapi ini juga bagi mengelakkan implikasi yang besar seperti kos tambahan bagi mengadakan pemilihan semula Ahli Parlimen ataupun Dewan Negara dan sebagainya yang telah dipilih ataupun telah dilantik, dan juga terdapat risiko yang lebih besar kepada Ahli Parlimen berbanding individu yang telah dicalonkan bagi penamaan, pemilihan atau pelantikan ke mana-mana satu Majlis Parlimen.

Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, sewajarnya individu yang dicalonkan bagi penamaan, pemilihan atau pelantikan ke mana-mana satu Majlis Parlimen hendaklah layak, dan bersih daripada sebarang sabitan mahkamah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Timbalan Menteri. Tentu sekali Ahli Yang Berhormat mendengar dengan jelas apa yang telah dihuraikan. Namun, isu ini saya yakin ini satu isu yang sedang tergantung dan dipercayai amat diminati oleh semua Ahli Yang Berhormat.

#### ■1030

Bersama-sama kita doakan supaya fungsi ketiga-tiga bahawa- kerajaan yakni Parlimen, kehakiman, dan eksekutif, dapat memikirkan apa yang seharusnya diperbuat demi Malaysia tercinta. Ada tambahan?

**Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, *straight to the point*. Dalam hal ini, saya ingin bertanya menarik perhatian Yang Berhormat Menteri, apa pandangan Yang Berhormat Menteri mengenai kedudukan contoh, Ahli Parlimen Pekan sekarang, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak. Beliau sekarang ini telah pun melepasi Mahkamah Rayuan, dan akan ke Mahkamah Persekutuan. *Straight to the point*. Beliau boleh bertanding atau tidak pada pilihan raya akan datang? Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya membenarkan untuk dijawab.

**Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin:** Terima kasih Yang Berhormat yang telah pun bertanya soalan. Kes ini sedang dalam prosiding, jadi saya tidak boleh mengulas tentang perkara ini tetapi kita berbalik kepada- maksudnya semangat yang ditunjukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan. Maka sekali lagi saya menyatakan bahawa ia termaktub di bawah Fasal 48, Fasal 1, Fasal 4 dan juga Fasal 5 yang telah pun saya nyatakan sebentar tadi bahawa sekiranya ia didapati bersalah dan sebagainya, maka dalam tempoh 14 hari itu baharu ia akan hilang kelayakan. Jadi saya tidak hendak mengulas ya, saya hanya menyatakan tentang perkara yang termaktub sebagaimana yang ada dalam Perlembagaan Persekutuan kerana kes sedang pun berjalan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik. Ahli Yang Berhormat, kita beralih dari satu kepada soalan yang kedua. Puan Fadhlina binti Dato' Sidek.

**Puan Fadhlina binti Dato' Sidek:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selamat Hari Wanita Sedunia. Soalan saya nombor 2.

**2. Puan Fadhlina binti Dato' Sidek** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, status terkini pelaksanaan Pelan Literasi Komprehensif Pendidikan Seksual dan Reproduktif, serta kajian impak keberkesannya dalam masyarakat khususnya bagi menangani kehamilan luar nikah dan pembuangan bayi.

**Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Seri Rina binti Mohd Harun]:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan juga Yang Berhormat yang bertanyakan soalan tadi.

Kementerian Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sentiasa memandang serius isu kepincangan seksual dalam kalangan masyarakat, terutama dalam golongan kanak-kanak dan juga wanita. Secara formalnya, Pelan Literasi Komprehensif Pendidikan Seksual dan Reproduktif, dan sosial tidak pernah diwujudkan secara khusus. Namun, soalan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Senator, saya rujuk kepada komponen Advokasi di bawah dasar dan Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEKERTI) yang telah dibangunkan dan dilaksanakan sejak tahun 2009. Beberapa kajian penilaian impak berkaitan keberkesanan Pelan Tindakan PEKERTI ini boleh dihukum melalui beberapa kajian:

- (i) melalui kajian faktor risiko dan pelindung terhadap kesihatan reproduktif dan seksual remaja di Semenanjung Malaysia 2011 melibatkan remaja berumur 13 sehingga 24 tahun mendapati pengetahuan mengenai kesihatan seksual dan reproduktif membantu menangani isu kesihatan reproduktif dalam kalangan remaja;
- (ii) kajian oleh Unit Perunding Universiti Malaya pada tahun 2017 bagi penilaian program ini dari tahun 2013 hingga 2016, menunjukkan sebanyak 64 peratus peserta remaja melaporkan program ini sangat memberi manfaat dan sekali gus terdapat peningkatan dalam pengetahuan mereka mengenai pendidikan kesihatan reproduktif; dan
- (iii) kajian intervensi bagi remaja amalan terbaik bagi program intervensi remaja di Malaysia. Pada tahun 2017 telah dijalankan dan mendapat Modul Kesihatan Reproduktif di Malaysia memenuhi keperluan dan kemahiran kesihatan reproduktif dan seksual.

Justeru, satu Modul Pendidikan Kesihatan Reproduktif Sosial yang lengkap dan komprehensif berdasarkan perbandingan semua modul PKRS di Malaysia dan luar negara dihasilkan dengan nama model ACE iaitu tepat, komprehensif dan juga berkesan.

Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) juga telah pun mengadakan satu modul ini yang diterbitkan pada tahun 2022. Golongan lelaki juga tidak terkecuali dalam pembangunan kemahiran kesihatan reproduktif di mana satu modul khusus untuk Modul Cakna Diri Lelaki juga telah dibangunkan.

Sehubungan dengan itu, Kementerian juga telah mengambil pendekatan konsultatif termasuk mengadakan bengkel bersama pihak berkepentingan yang terdiri daripada agensi kerajaan, akademik, pakar dalam bidang kesihatan dan pertubuhan bukan NGO sepanjang 2021 untuk meningkatkan kerjasama program intervensi bersama semua Kementerian dan juga agensi.

Untuk makluman, data kehamilan remaja bawah umur 18 tahun antara tahun 2019 sehingga 2021 yang diperoleh daripada Kementerian Kesihatan Malaysia juga telah menunjukkan terdapat trend penurunan. Terima kasih.

**Puan Fadhlina binti Dato' Sidek:** Soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, silakan.

**Puan Fadhlina binti Dato' Sidek:** Yang Berhormat Menteri, soalan saya dalam kes seorang gadis yang berumur 15 tahun yang dituduh membunuh bayinya sendiri, saya ingin bertanya, apa sebenarnya terdapat akses kepada gadis ini, dan apa sebenarnya perlindungan untuk kes-kes bagi kehamilan bawah umur dan juga perlindungan dan juga *assessment*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, bagi kesihatan mental kanak-kanak ini. Ini kes yang sedang berlaku, dan apa persediaan Kementerian sekiranya berlaku lagi-perindungan kepada kanak-kanak yang hamil luar nikah ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi dalam isu perkara ini, yang pertama sudah pasti kita memerlukan daripada advokasi dalam kalangan keluarga dan juga ahli keluarga.

Kedua daripada segi isu yang telah dibangkitkan kanak-kanak yang berumur 15 tahun itu, di pihak Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat, kita telah pun meletakkan remaja ini di bawah perlindungan di pusat jagaan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat di mana remaja ini juga telah diberikan perlindungan dan juga daripada segi kaunseling untuk dia kembali dan itu yang telah dilaksanakan di pihak Kementerian.

Dalam masa yang sama, kita lihat bahawa ada beberapa kes yang sebegini yang sebenarnya apa yang diperlukan daripada segi advokasi. Oleh sebab itu, apabila kita menerbitkan PEKERTI untuk tahun 2022 ini, antara penambahbaikan yang kita laksanakan, bukan sahaja maklumat kepada remaja wanita, tetapi remaja lelaki juga kita adakan satu modul khas kepada remaja lelaki. Jadi ini perlindungan yang telah diberikan kepada anak itu, sekarang anak itu berada di bawah institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat. Terima kasih.

**3. Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip** minta Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa menyatakan:

- (a) apakah pendirian Malaysia berhubung konflik antara Rusia dan Ukraine terutamanya daripada segi ekonomi dan politik; dan
- (b) apakah langkah-langkah bagi menangani kesan ekonomi ke atas Malaysia akibat konflik tersebut

**[Soalan No. 3 – Yang Berhormat Menteri Kanan/Timbalan Menteri Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri tidak hadir]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip- menunjukan kepada Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Saya dimaklumkan beliau tiada di Dewan, dan jika tidak ada di Dewan, Yang Berhormat Timbalan Menterinya dibenarkan untuk menjawab. Jika tidak ada Yang Berhormat Timbalan Menterinya menjawab, saya mahu Dewan ini mencatatkan bahawa ini tidak selaras dengan Peraturan Mesyuarat dan juga semangat akta... [Tepuk]

Oleh sebab hal ini penting diketahui oleh semua pihak, seseorang Yang Berhormat Menteri yang tidak dapat menjawab di Dewan yang mulia ini, hendaklah mengarahkan Timbalannya menjawab sesuatu soalan. Sekiranya Timbalan itu tidak dapat menjawab, boleh diwakilkan kepada mana-mana Yang Berhormat Menteri untuk menjawab bagi pihak pentadbiran.

Jika itu tidak dapat dilakukan, catatan ini harus menjadi sebahagian daripada prosiding, dan satu jawapan bertulis hendaklah diberi oleh Yang Berhormat Menteri kepada Dewan yang mulia ini. Itu adalah *ruling* yang harus....

**Dato' Wira Othman bin Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, sekadar pencerahan. Adakah apabila sesuatu soalan itu tidak dapat dijawab oleh Yang Berhormat Menteri atau Timbalannya, bolehkah soalan tersebut dibawa ke hari hadapan, hari esok atau hari kemudian? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau semua orang berbuat sedemikian, kita mainkan peranan "*Pak Tangguh*" dan Dewan ini tidak berkeadaan sedemikian. Sama ada kita melihat peraturan di *House of Lords* ataupun yang ada dalam amalan demokrasi lain, ini tidak harus dibenarkan kecuali atas sesuatu perkara yang sangat mendera atau terpicul oleh pihak yang berkenaan.

#### ■1040

Oleh sebab pihak saya tidak ada menerima secara khusus hal ini, maka ia berada dalam penentuan seperti yang saya tegaskan sebentar tadi.

Sementara diucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang menyoal- Yang Berhormat Senator Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip, saya terpaksa mengalih kepada soalan Yang Berhormat Senator Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya.

**4. Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan, apa pandangan atau pendirian DBKL terhadap cadangan *Malaysian Institute of Road Safety Research* (MIROS) untuk melaksanakan had laju kenderaan dengan kelajuan 30kmj hingga 50kmj di kawasan-kawasan terpilih mengikuti jejak langkah Bandaraya Paris yang mewartakan had laju tersebut pada Ogos 2021.

**Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Datuk Seri Jalaluddin bin Alias]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Sebelum itu, saya ingin menyampaikan ucapan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Senator Datuk Iskandar Dzulkarnain bin Abdul Khalid, Yang Berhormat Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd. Ghaffar, Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad, dan Yang Berhormat Senator Datuk Mohd Ridhwan bin Mohd Ali atas pelantikan sebagai Ahli Dewan Negara sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai permulaan, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya untuk soalan yang telah dikemukakan kepada Kementerian Wilayah Persekutuan.

Untuk makluman Ahli Dewan yang mulia ini, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur berpandangan, cadangan yang dikemukakan oleh pihak MIROS pada akhir Disember 2021 untuk melaksanakan had laju kenderaan dengan kelajuan 30kmj hingga 50 kmj di Pusat Bandar Kuala Lumpur ini adalah merupakan antara cadangan yang baik kerana ianya bagi meningkatkan lagi ciri-ciri keselamatan pengguna jalan raya yang lain seperti penunggang basikal dan juga pejalan kaki.

Untuk makluman Ahli Dewan yang mulia, cadangan yang dikemukakan oleh MIROS merupakan antara perkara yang sedang dalam penelitian dan kajian oleh pihak MIROS untuk dikemukakan kepada pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Berdasarkan perancangan, Kertas Cadangan akan dibentangkan kepada DBKL pada April 2022. Kemudian pengumpulan data dan analisis akan dibuat, dan dijangka kajian ini akan selesai pada bulan September 2022.

Bagi penjelasan untuk Ahli Dewan, kawasan yang terlibat hanya bagi kawasan yang mempunyai had laju 60kmj, dan bagi kawasan had laju 40kmj sahaja. Bagi kawasan 80kmj dan 70kmj, tidak terlibat dalam kajian dan penelitian cadangan ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya:** Soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sekiranya pihak Kementerian Wilayah Persekutuan masih lagi dalam proses meneliti cadangan MIROS, apakah langkah-langkah yang kementerian ambil bagi mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di Ibu Kota Kuala Lumpur sekarang?

**Datuk Seri Jalaluddin bin Alias:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Senator tentang masalah kesesakan di Bandaraya Kuala Lumpur merupakan satu masalah yang harus diambil serius oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur terutamanya melalui Kementerian Wilayah Persekutuan. Antara perkara dan faktor yang melibatkan kesesakan ini pertamanya, oleh sebab sistem lampu isyarat yang kita ada pada hari ini perlu ditambah baik, Tuan Yang di-Pertua.

Kita ada dua sistem yang berasingan. Satu, sistem yang mengawal trafik di kawasan bandar raya, dan satu lagi yang mengawal trafik di kawasan pinggir bandar. Ini diuruskan oleh sistem oleh *InSync Traffic* dan satu lagi oleh SCARTS. Kedua-dua sistem ini dikawal oleh Pusat Kawalan Kuala Lumpur, Tuan Yang di-Pertua. Maka pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sedang meneliti untuk memutuskan bagi satu sistem integrasi kedua-dua sistem untuk memutuskan satu sistem bagi integrasi sistem trafik ini untuk memastikan dan membantu bagi mengawal kesesakan di Bandaraya Kuala Lumpur. Itu yang pertama.

Yang keduanya Tuan Yang di-Pertua ialah kerana masalah pengangkutan awam. Lambakan kenderaan yang memasuki Kuala Lumpur hampir dua juta sekarang. Maka, kesesakan bertambah dan jajaran jalan raya yang kita ada di dalam kawasan Bandaraya Kuala Lumpur ini tidak mampu untuk ditambah dan diluaskan kerana sudah terlalu padat dan jalan raya. Maka sistem pengangkutan awam ini, pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah melakukan beberapa pembaikan untuk ditambah baik, dan apa penumpuan yang diberikan oleh pihak kementerian sekarang adalah untuk menaik taraf- *first mile*, dengan izin. Yakni laluan pertama dari rumah ke pusat pengangkutan awam, dan laluan akhir daripada hentian pusat pengangkutan awam ke pejabat masing-masing.

Yang ketiganya Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin sedikit untuk tambah, Tuan Yang di-Pertua. Yakni tentang halangan laluan yang berlaku seharian. Tiap-tiap hari berlaku kemalangan Tuan Yang di-Pertua, di Kuala Lumpur ini. Kemalangan kecil dan kemalangan besar termasuk mereka yang tidak bertanggungjawab untuk meletakkan kenderaan sesuka hati di tepi jalan menghalang lalu lintas.



Perkara ini juga dalam- pihak penguatkuasaan untuk kita lipat gandakan lagi penguatkuasaan bagi yang menghalang, dan memastikan kenderaan-kenderaan menghalang lalu lintas ini daripada tidak terus berleluasa, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip:** Tuan Yang di-Pertua, boleh satu lagi soalan Tuan Yang di-Pertua?

**Datuk Razali bin Idris:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Razali bin Idris:** Saya? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip:** Tuan Yang di-Pertua, di Kuala Lumpur sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekejap.

**Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip:** Oh, berebut?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris. Silakan.

**Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip:** Okey. Dengan segala hormatnya dipersilakanlah... *[Ketawa]*

**Datuk Razali bin Idris:** Ya, terima kasih... *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekejap, sekejap. Macam ini, Yang Berhormat. Tadi, beliau mengemukakan soalan tetapi orang tak datang jawab, sebab beliau bangun. Oleh sebab Yang Berhormat berdiri dahulu, saya beri peluang untuk bercakap dahulu. Selepas ini kita minta beliau ada peluang pula.

**Datuk Razali bin Idris:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada sahabat saya, Yang Berhormat Senator Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip, beri peluang kepada saya untuk bertanya soalan tambahan.

Okey, Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya nak tahu berkenaan dengan lorong Intrakota. Dulu ada selorong di bandar raya untuk laluan bas Intrakota. Apakah terjadi sekarang? Kita nampak dah tak ada lagi *line* itu, yang pertama.

Yang keduanya Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kenderaan berat. Dulu ada jadual kenderaan berat akan masuk ke Kuala Lumpur pada pukul sekian-sekian tetapi saya nampak sekarang, kenderaan berat pagi pun ada, tengah hari pun ada, malam pun ada. Jadi saya nampak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur perlu kena prihatin dengan apa yang saya sebutkan tadi. Jadi saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Jalaluddin bin Alias:** Tuan Yang di-Pertua, laluan Intrakota ini merupakan antara alternatif dan juga pendekatan yang dilakukan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bagi mengurangkan kesesakan. Laluan Intrakota pada awalnya tidak boleh digunakan sama sekali oleh pengguna-pengguna jalan raya selain daripada bagi laluan-laluan kenderaan awam yang telah dikhaskan tetapi ini tidak berlaku kerana beberapa sebab dan juga halangan yang dialami oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mengikut peruntukan undang-undang yang ada sekarang.

Maka, kajian dan juga penelitian segera ya. Kalau saya sebut kajian nanti Yang Berhormat Senator kata asyik kaji sahaja tetapi kita terpaksa meneliti daripada satu kaedah kepada satu kaedah yang lain. *Insyah-Allah* kita akan melihat semula perkara ini.

Keduanya, kerana kemasukan kenderaan ini, saya akan tengok balik Tuan Yang di-Pertua tentang peraturan dan penguatkuasaan yang sedang berada. Saya akan hantar secara bertulis kepada Yang Berhormat Senator berkaitan dengan had-had kemasukan kenderaan berat ke Bandaraya Kuala Lumpur. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dewan mengucapkan terima kasih. Saya jemput Tuan Muhammad Zahid bin Md. Arip untuk mengemukakan soalan tambahan seterusnya.

**Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip:** Terima kasih banyak Tuan Yang di-Pertua. Masih dalam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mengenai lalu lintas ini. Kadang-kadang kita bina jalan besar, jalan cantik tetapi selepas pembinaan itu dibuat, diserahkan untuk digunakan oleh rakyat tetapi diletakkan kon-kon yang menjijikkan, yang meloyakan biji mata memandang. Contoh. saya petik di jalan di kawasan *Little India* di Brickfields. Jalan besar untuk kegunaan tetapi diletakkan kon-kon yang dah usang, boleh merosakkan pemandangan dan juga mengganggu lalu lintas.

Saya mohon pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk tengok perkara ini bukan sahaja di Brickfields tetapi di tempat-tempat lain juga. Amalan ini saya ingat perlu ada kajian jugalah. Terima kasih. *Assalamualaikum*.

**Datuk Seri Jalaluddin bin Alias:** Tuan Yang di-Pertua, ini pandangan yang baik. *Public opinion monitoring*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Maknanya, pandangan rakyat itu memang kita ambil kira untuk bagi peningkatan taraf perkhidmatan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur kepada rakyat. Terima kasih kepada Yang Berhormat. Kon ini saya akan tukar baharu tetapi... [*Dewan ketawa*] Akan tetapi kita letak kon Tuan Yang di-Pertua, bukan letak sahaja. Kadang-kadang itu Tuan Yang di-Pertua, kita ada masalah sedikit tentang laluan. Kita terpaksa alih laluan menggunakan kon.

#### ■1050

Akan tetapi pandangan Yang Berhormat tentang kon yang meloyakan ini saya akan pastikan supaya kon yang ceria dan cantik akan kita letakkan di sepanjang tempat itu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebab sudah jawab banyak. Selepas itu perkara yang meloyakan itu tadi. Saya terpaksa beralih kepada Tuan Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin.

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** Tuan Yang di-Pertua, satu sahaja lagi soalan tambahan. Boleh kah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah. Sudah banyak soalan yang telah dihalakan kepada beliau. Kita beralih kepada pihak menyoal yang lain pula. Silakan.

**Tuan Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera kepada semua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, soalan 5.

5. **Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan, apa faktor yang menyebabkan kejatuhan kedudukan Malaysia dalam laporan *Global Innovation Index* (GII) yang dikeluarkan oleh *World Intellectual Property Organization* bagi tahun 2021, dan apa pelan tindakan kementerian dalam usaha untuk menaikkan semula pencapaian dalam GII ini.

**Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Dato' Seri Dr. Adham bin Baba]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merekodkan bahawa soalan nombor 3 tadi adalah berkaitan dengan lawatan Menteri MITI ke Vietnam, dan saya dapati bahawa Senator Datuk Lim Ban Hong tidak sihat, dan telah menghantar surat kepada Dewan Negara, dan soalan akan dijawab secara bertulis.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Insyallah*. Mungkin Setiausaha Dewan boleh ambil ingatan atas penjelasan tersebut.

**Dato' Seri Dr. Adham bin Baba:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Ir. Ts Haji Khairil Nizam bin Khirudin atas soalan yang sangat baik.

Tuan Yang di-Pertua, prestasi negara dalam *Global Innovation Index* (GII) pada tahun lepas iaitu 2021, ada menunjukkan sedikit kemerosotan daripada segi kedudukan iaitu daripada kedudukan ke-36 berbanding kedudukan ke-33 pada tahun sebelumnya daripada 132 buah negara.

Walaupun terdapat penurunan, Malaysia merupakan negara yang ketiga paling berinovatif selepas Negara China dan Bulgaria dalam kalangan 34 buah negara berpendapatan menengah tinggi iaitu pendapatan kurang daripada USD32 ribu.

Manakala bagi negara ASEAN, Malaysia kekal berada di tempat kedua di belakang Singapura iaitu kita dapat mengatasi Thailand, Vietnam, Filipina, Brunei Darul Salam, Indonesia, Kemboja, Laos dan juga Myanmar.

Tuan Yang di-Pertua, kemerosotan kedudukan negara dalam GII 2021 adalah disebabkan oleh faktor utama seperti berikut iaitu pertama prestasi negara yang menurun dalam beberapa *indicator* utama yang melibatkan perbelanjaan negara dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (GERD) masih rendah. Kedua, terdapat perubahan metodologi pengiraan GII setakat ini.

Untuk itu, prestasi inovasi negara secara keseluruhan walaupun menurun, ia tetap selaras dengan jangkaan tahap pembangunan ekonomi berpendapatan menengah tinggi. Kedudukan ini juga menunjukkan perkembangan positif di mana pencapaian Malaysia dalam konteks penghasilan output inovasi adalah lebih tinggi berbanding tahap pelaburan inovasi iaitu input.

Justeru, melalui pelaksanaan menyeluruh, Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021-2030, Malaysia dijangka akan beralih daripada sebuah negara pengguna teknologi kepada pencipta teknologi dan kesannya prestasi GII negara akan meningkat. Untuk meningkatkan prestasi, kerajaan memerlukan pendekatan, dengan izin, *Whole-of-Government and Whole-of-Nation approach* melalui semua agensi kerajaan, swasta, industri dan akademia untuk sama-sama meningkatkan tahap inovasi negara. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin:** Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tambahan?

**Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan. Di luar sana terdapat beberapa orang penganalisis yang melaporkan bahawa Malaysia sedang menghadapi masalah kekeringan otak pintar domestik atau disebut sebagai *domestic brain drain*, dengan izin, yang berlaku ramai daripada cerdik pandai graduan jurutera serta sains dari dalam dan luar negara mencari pekerjaan di luar negara atas faktor ekonomi, politik dan sosial sehingga memberi kesan kepada kedudukan dalam *Global Innovation Index* ini.

Soalan saya ialah, sejauh mana kebenaran pandangan ini dan apakah usaha kerajaan untuk menyelesaikan masalah ini.

**Dato' Seri Dr. Adham bin Baba:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang betul. Kita mengakui bahawa dalam GII, kita ada 81 *indicator*, tujuh pilar ataupun tujuh kerangka induk. Di antaranya melibatkan *human capital dan research* iaitu *talent* kita dan juga *research* yang berlaku.

Untuk itu, langkah-langkah yang kita laksanakan pada hari ini perlu meningkatkan kekuatan di dua sektor iaitu *Board of Engineers* dan juga *Malaysia Board of Technologists* (MBOT). Yang Berhormat Senator juga seorang *technologists*, TS dan TC bahawa kita dapati hari ini daya saing negara perlu ditingkatkan melalui tujuh *pillar* tersebut dan juga 81 *indicators*.

Untuk itu, kita sebagai *upper middle income group economy* sentiasa melihat dengan kedudukan negara-negara lain di ASEAN. Seperti saya maklumkan tadi kita hanya di bawah Singapura tetapi mengatasi negara-negara lain di ASEAN. Semua *talents* ataupun bakat-bakat yang kita akan latih pada tahun ini melalui bajet 2022 telah pun tersenarai untuk kita terus membawa pulang *talent*, dan juga mengekalkan yang sedia ada. Contoh, pembangunan vaksin COVID-19. Kita telah pun mendapat keputusan iaitu sepuluh *subject matter expert* dikekalkan dalam negara kita, selain mereka boleh ke luar negara untuk berkhidmat. Terima kasih.

**6. Datuk Bobbey Ahfang bin Suan** minta Menteri Kesihatan menyatakan, adakah kementerian akan menyelaraskan harga Ujian Pengesanan- *Reverse Transcription-Polymerase Chain Reaction* (RT-PCR) COVID-19 di seluruh negara memandangkan terdapat perbezaan harga yang amat besar antara kos ujian pengesanan di Kuala Lumpur yang berjumlah RM150, dan di Sabah yang berjumlah RM300.

**Timbalan Menteri Kesihatan I [Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Bobbey bin Suan. Tuan Yang di-Pertua, semasa Ordinan Darurat berkuat kuasa, caj pengujian COVID-19 bagi makmal swasta telah diselaraskan, RM150 untuk di Semenanjung dan RM200 untuk di Sabah dan Sarawak iaitu di bawah peruntukan seksyen 4.

Namun, kadar caj ini terbatal, susulan pengungkaian Ordinan Darurat pada 8 Disember 2021. Mengambil kira kebajikan rakyat, KKM telah melaksanakan beberapa inisiatif untuk memberi perkhidmatan ujian PCR secara percuma di premis kesihatan awam iaitu kepada individu yang bergejala dan kontak rapat kepada kes positif. Oleh itu, sekiranya individu memohon untuk menjalankan ujian PCR di premis kesihatan, penilaian risiko akan dilakukan sebelum ujian dijalankan ke atas individu tersebut.

Selain itu, perkhidmatan ujian percuma juga diberikan kepada warga Malaysia yang akan ke luar negara bagi urusan rasmi kerajaan dan warga Malaysia yang pulang ke tanah air. Berkenaan dengan harga RT-PCR yang di caj di fasiliti swasta, perkara ini sering dibincangkan daripada masa, ke semasa dengan pihak KPNDHEP.

Antara cabaran yang dikenal pasti iaitu kos input seperti *reagents* yang tinggi serta cabaran pertukaran mata wang asing. Ujian RT-PCR juga mengambil masa yang lama untuk diproses selain memerlukan kepakaran profesional serta keperluan makmal dengan kelengkapan yang canggih. Perkara-perkara sebegini menyebabkan kos ujian RT-PCR adalah tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan negara sedang menuju ke fasa peralihan endemik, maka sewajarnya lah rakyat tidak lagi bergantung pada ujian RT-PCR dalam menentu sahkan sama ada seseorang itu dijangkiti COVID-19 atau tidak. Protokol Kementerian Kesihatan dalam mengendalikan ujian ini ditumpukan kepada, dengan izin, *symptomatic testing* atau ujian bergejala dengan menggunakan ujian RTK antigen sendiri yang mana kaedah ini lebih murah dan lebih pantas. Individu yang disahkan positif melalui ujian sendiri dapat mengasingkan diri dengan lebih awal sekiranya dibandingkan dalam tempoh menunggu keputusan RT-PCR yang sudah tentu mengambil masa yang lebih lama.

Dalam peringkat peralihan ini, RT-PCR ini sepatutnya hanya perlu digunakan untuk pengembara atau di dalam *clinical setting*, dengan izin sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebelum saya memberi peluang kepada soalan berikut, ada situasi di KLIA di mana caj RM250 ini dikenakan kepada setiap pelawat yang masuk. Pejabat saya telah menerima aduan bahawa kos itu dianggarkan sangat tinggi dan sekiranya lima orang anak dibawa, maka RM250 kali lima tentulah suatu jumlah yang besar. Saya telah memberitahu Yang Berhormat Menteri Kesihatan bahawa hal ini wajar bagi kementerian melihat dari dekat. Oleh sebab didapati yang mengendalikan di KLIA itu ialah syarikat. Sekarang saya menjemput penyوال yang berikutnya. Silakan.

**Datuk Bobbey Ahfang bin Suan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Timbalan Menteri atas jawapan. Soalan tambahan saya adakah kerajaan melalui KKM berhasrat untuk menurunkan lagi harga siling bagi kit ujian pantas COVID-19 ini. Memandangkan bahawa negara kita telah berjaya untuk menghasilkan kit ujian pantas sendiri dengan ketepatan 100 peratus. Terima kasih.

■1100

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebelum itu Tuan Yang di-Pertua, masalah yang dibentangkan oleh Tuan Yang di-Pertua tadi saya ambil maklum dan akan berbincang dengan Yang Berhormat Menteri sekali lagi. Ya, sekarang ini kita- Yang Berhormat Menteri Kesihatan telah memaklumkan bahawa kita sepatutnya fokus kepada RTK-Antigen sebab ia mudah, cepat dan jauh lebih murah. Pada satu ketika dahulu, semasa mula-mulanya saya ingat lagi harganya mencecah RM19.90. Kemudian, kita telah selaraskan dan telah turunkan harganya sampai serendah- saya ingat boleh mencapai lima Ringgit pun. Lima Ringgit pun. Jadi, bergantung pada kedai-kedai.

Oleh sebab sekarang Tuan Yang di-Pertua, lebih daripada 80 jenama telah diluluskan oleh MDA. Bermaknanya, memang ada persainganlah antara mereka daripada segi *business*. Maka, kalau kita lihat hari ini dengan begitu banyaknya yang telah diluluskan dan juga dengan sensitiviti yang baik, yang lebih daripada 95 peratus, maka mereka berlumbalah antara mereka. Saya dapati ada yang berharga sepuluh Ringgit, ada yang berharga RM15 dan serendah-rendahnya boleh dapat sampai lima Ringgit. Jadi, pada ketika ini, inilah harga yang saya rasa sesuai untuk rakyat menggunakannya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff:** Terima kasih. Saya menerima aduan daripada pekerja swasta yang mensyaratkan membuat RT-PCR selepas tamat tempoh kuarantin. Jadi, bagi saya tidak rasional syarat ini. Jadi, apakah tindakan kerajaan untuk syarikat-syarikat yang sebegini? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jelas, jelas ya?

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali:** Maknanya, dimestikan buat RTK-Antigen. Begitu?

**Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff:** RT-PCR, selepas tempoh kuarantin.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali:** Oh?

**Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff:** Ada syarikat-syarikat swasta yang mensyaratkan staf mereka berbuat demikian.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Mungkin- mungkin diminta butiran.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali:** Ya, saya ambil maklum tentang soalan ini. Mungkin- dan juga syarikat, kalau ada dapat nanti beritahu syarikat yang buat ujian ini, yang dikira boleh menyusahkan. Walau bagaimanapun, sekarang ini protokol kita bukanlah begitu. Kita hanya melakukan apa yang dipanggil *symptomatic testing*, dengan izin. Apabila bergejala, kita *test*. *Test* yang kita hendak buat ialah RTK-Antigen. Kalau tidak, kita perlu kepada RT-PCR, pada ketika ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, terima kasih

**Puan Noraini binti Idris:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, ya

**Puan Noraini binti Idris:** Terima kasih...

**Tuan Yang di-Pertua:** Oleh sebab pokoknya, penting. Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh disambung sedikit hujah dan jua huraian. Silakan.

**Puan Noraini binti Idris:** Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apakah pihak kementerian akan memberikan penerangan yang lebih jelas kepada rakyat? Oleh sebab rasanya ramai di luar sana yang tidak tahu tentang kepentingan dan kandungan nilai kitaran ambang- *CT Value*, apabila seseorang itu menjalani ujian pengesanan RT-PCR dan jika didapati positif. Jadi, *CT Value* ini kalau orang yang pernah positif ini dia tahulah. *CT Value* yang baik untuk orang yang negatif ialah 40. Jadi, *CT value* ini adalah antara kayu pengukur kepada seseorang individu yang dijangkiti sama ada mereka akan mengalami gejala ringan, sama ada kategori satu, kategori dua, kategori tiga ataupun empat mahupun yang lebih teruk. Mohon penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mendapat tuisyen daripada mantan Menteri Kesihatan di sebelah saya ini... [Ketawa] Dia bagi tuisyen balik. "Kau ingat tidak?", dia cakap... [Ketawa] *CT Value*, ya. Terima kasih banyak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dividen berdampingan.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali:** Ya, itu ia. *CT Value* itu *kan, cycle threshold*, maknanya *CT Value* apabila kita buat RT-PCR, kita dapat menentukan apakah kes itu kes yang baharu atau kes yang sudah lama. Jadi, memang jarang diperkatakan dan ramai orang juga tidak faham dan ramai orang tidak tanya. Seperti itu juga *R-naught*; ramai orang sudah cerita fasal *R-naught* sekarang ini. Akan tetapi kalau *CT value* itu, angka yang dikatakan *threshold* itu 30, kalau ia melebihi, bermakna kes itu sudah agak lama dan maknanya *viral load* nya sudah agak rendah. Akan tetapi kalau *CT value* nya katakan 15, bawah daripada 30 dan 25, maka kes itu ialah kes yang baharu dan *viral load* nya adalah lebih tinggi. Itu yang saya tahulah. Jadi, itu menandakan bahayanya.

Jadi walau bagaimanapun, pada ketika ini seperti yang saya katakan tadi, kita tidak akan- dan kita memasuki fasa peralihan endemik, kita bergantung pada RTK-Antigen, memadai untuk menentusahkan. Seperti yang kita katakan tadi, kalau tidak bergejala dan sebagainya, kita hanya kuarantin di rumah. Kalau kes- katakan menurun dan menjadi teruk, kita mesti lapor pada CAC atau pergi ke hospital atau klinik yang berdekatan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Puan Lim Hui Ying.

7. **Puan Lim Hui Ying** minta Menteri Tenaga dan Sumber Asli menyatakan, langkah untuk memastikan Harimau Malaya di Malaysia tidak pupus.

**Menteri Tenaga dan Sumber Asli [Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan]:** *Assalamualaikum* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab soalan nombor 7 daripada Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying.

Soalan yang bagi saya cukup penting berkaitan dengan Harimau Malaya, sejenis haiwan ikon negara. Di belakang Tuan Yang di-Pertua, ada dua ekor harimau, di atas jata negara kita. Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada Dapatan *Survey* Harimau Pertama atau, dengan izin, *First National Tiger Survey* (NTS1) yang telah dilaksanakan mulai tahun 2016 sehingga tahun 2020, anggaran populasi Harimau Malaya terkini adalah kurang daripada 150 ekor sahaja. Pada bilangan ini, Malaysia dijangka akan kehilangan spesies ikon negara 'Harimau Malaya' ini dalam tempoh lima atau sepuluh tahun, sekiranya tidak ada tindakan drastik ataupun, dengan izin, *extraordinary actions* diambil dengan segera.

Selaras dengan itu, Jemaah Menteri pada 16 Jun 2021 telah membuat satu keputusan mengarahkan kementerian saya, KeTSA melalui Jabatan Perhilitan, telah menerajui tindakan-tindakan luar biasa ini bagi konservasi Harimau Malaya dan habitatnya bagi tempoh sepuluh tahun iaitu mulai tahun 2021 sehingga tahun 2030. Dalam hal ini, Pasukan Petugas Kebangsaan Bagi Konservasi Harimau Malaya, dengan izin, *National Tiger Conservation Task Force* (MYTTF) yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah mengadakan mesyuaratnya pada 10 Januari 2022. Di mana MYTTF ini berperanan menyelaras pelaksanaan dan pemantauan tindakan-tindakan strategik bagi konservasi Harimau Malaya serta memperkukuhkan kerjasama pihak-pihak berkepentingan, khususnya kerajaan-kerajaan negeri.

MYTTF ini yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dianggotai oleh semua Yang Amat Berhormat Menteri Besar dari negeri-negeri yang disebut negeri rayauan harimau iaitu negeri Kedah, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Johor, Pahang, Kelantan dan Terengganu yang mana negeri-negeri rayauan harimau ini merupakan negeri yang mempunyai jajaran hutan yang masih berfungsi sebagai habitat Harimau Malaya dan kawasan keliaran Harimau Malaya ini.

Mesyuarat MYTTF telah bersetuju atas beberapa tindakan berikut, Tuan Yang di-Pertua. Pertama, mempergiatkan pengawasan di lapangan- *boots on the ground*. Kedua, mengekalkan dan mengukuhkan habitat dan pengurusan guna tanah yang mampan. Ketiga, meningkatkan kawasan berhutan sedia ada dengan sasaran negara kita 50 peratus menjelang tahun 2040; sekarang ini kita hanya mempunyai 43.41 peratus kawasan berhutan.

Keempat, memperkasa urus tadbir berkesan melalui Unit Konservasi Harimau Malaya. Kelima, memperkasa instrumen kewangan inovatif. Keenam, ini penting juga Tuan Yang di-Pertua, kempen 'Selamatkan Harimau Malaya' yang kita adakan secara yang amat serius. Antaranya promosi kempen di atas bas-bas RAPID di sekitar Lembah Klang dan juga video-video pengumuman perkhidmatan awam di stesen radio dan televisyen milik kerajaan dan swasta dengan kerjasama pelbagai pemegang taruh. Antaranya, Yayasan Hijau Malaysia, Yayasan Sime Darby dan Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) dan yang menarik Tuan Yang di-Pertua, sebuah pertubuhan bersifat nasional yang menggunakan nama 'Pasukan Harimau Malaya' iaitu Persatuan Bola Sepak Malaysia juga telah dirunding oleh kementerian ini supaya mereka terlibat untuk menimbulkan kesedaran masyarakat, betapa pentingnya kita menjaga kewujudan ikon negara- Harimau Malaya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1110

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan.

**Puan Lim Hui Ying:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri jawapan yang amat terperinci. Pendek sahaja soalan tambahan saya.

Adakah Kementerian mewujudkan pusat penyelidikan khas untuk meningkatkan populasi Harimau Malaya ini seperti program pembiakan yang telah dilaksanakan seperti untuk panda di Chengdu di negeri China sebab itu pun amat penting pembiakan harimau itu. Terima kasih.

**Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan:** Tuan Yang di-Pertua terima kasih kepada Yang Berhormat Senator yang bertanya soalan tambahan itu. Itu adalah cukup penting. Sudah tentulah jawapannya langkah-langkah telah diambil dan sedang diambil oleh Kementerian khususnya melalui Jabatan PERHILITAN untuk kita mengadakan proses untuk memperbanyakkan populasi Harimau Malaya ini sebagai contohnya ini jawapan yang tepat.

Kita mempunyai sebuah pusat yang dinamakan, dengan izin, *Malayan Tiger Conservation Centre* di Lanchang, Pahang yang mana pusat ini kalau kita dapat pergi melawat, elok juga Yang Berhormat Senator. Ia sebuah pusat yang mengadakan langkah-langkah tindakan untuk memperbanyakkan, menyuburkan dan juga memperbanyakkan pembiakan Harimau Malaya ini.

Begitu juga beberapa tempat-tempat lain sebagai contohnya di negeri Perak juga ada pusat-pusat ini yang mana saya sendiri pernah melawat dan diadakan pelbagai bentuk rawatan seumpama manusia juga klinik untuk pembiakan Harimau Malaya ini Tuan Yang di-Pertua kerana kita tidak mahu Harimau Malaya ini tinggal di jata sahaja selepas ini dan juga dipasukan bola sepak negara Harimau Malaya yang juga kurang mengaum sekarang ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Soalan tambahan.

**Dato' Isa bin Ab Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebelum Datuk jawab itu. Kita pun dengar juga harimau sudah keluar ini.

**Dato' Isa bin Ab Hamid:** Saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat Menteri-banyak isu harimau telah berkeliaran di Kampung Orang Asli terutamanya Pos Bihai. Pos Bihai ini nama Bihai ini pun nama harimau- 'kampung harimau', maka banyaklah harimau di kawasan ini.

Cuma soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, sejauh mana Kementerian ini melibatkan komuniti Orang Asli mungkin juga kawasan FELDA di pendalaman, supaya menjadi pemberi maklumat harimau yang berkeliaran ini, supaya tidak terdedah dengan pembunuhan haram. Sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah disebabkan- Yang Berhormat Menteri boleh jawab bahawa hutan sudah banyak sangat ditebang sebab itu harimau keluar. Mungkin jugalah tetapi terserah kepada Yang Berhormat Menteri hendak jawab. Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya amat hargai pandangan Tuan Yang di-Pertua kerana saya tahu Tuan Yang di-Pertua seorang pencinta alam dan juga haiwan-haiwan di negara kita ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab Hamid yang soalnya cukup *relevant* berkaitan dengan komuniti Orang Asli. Saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa memang benar baru-baru ini berlaku satu insiden, satu kejadian di mana seorang masyarakat Orang Asli telah pun menemui ajalnya di tangan 'pak belang' ini yang telah masuk ke sebuah kampung di namakan Pos Bihai di Gua Musang Kelantan, di negeri saya.



Perkara ini sebenarnya telah diberikan perhatian yang cukup serius oleh kementerian ini di mana berdasarkan jawapan saya berikan tadi Jawatankuasa Pasukan Petugas Kebangsaan Bagi Konservasi Harimau Malaya (MyTTF) cukup memberikan perhatian supaya perkara ini di ambil perhatian juga oleh masyarakat atau komuniti Orang Asli kerana mereka ini lebih dekat dengan tempat atau habitat Harimau Malaya ini iaitu dengan adanya program yang dipanggil *boots on the underground* atau pengawasan di lapangan ini ia melibatkan saya boleh sebutkan Jabatan PERHILITAN, Polis Diraja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia, veteran Angkatan Tentera Malaysia, veteran PDRM dan komuniti Orang Asli itu sendiri amat-amat dilibatkan secara serius, Tuan Yang di-Pertua.

Saya hendak maklumkan bahawa seorang masyarakat Orang Asli yang telah menjadi mangsa kepada Harimau Malaya ini sebenarnya telah diberikan perhatian oleh kementerian ini di mana kerajaan mempunyai tabung. Tabung yang dinamakan Tabung Kumpulan Wang Amanah Bantuan Mangsa Serangan Binatang Buas yang diletakkan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat Menteri di sebelah saya ini. Kita telah mendapat maklum bahawa jawatankuasa ini telah meluluskan sejumlah peruntukan yang agak besar untuk diberikan sebagai sumbangan tanda simpati kerajaan kita, prihatin kerajaan kita kepada masyarakat ini telah diluluskan pada 21 Januari 2022 dan saya difahamkan ia dalam proses untuk pembayaran kepada masyarakat Orang Asli ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Alhamdulillah* terima kasih. Silakan.

**Tuan Haji Ahmad bin Yahaya:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ada kaitan dengan apa yang disebut oleh Tuan Yang di-Pertua iaitu sejauh mana kebenaran. Kajian yang mengatakan aktiviti pembalakan bagus, baik untuk harimau sehingga menimbulkan sindiran-sindiran terhadap kenyataan tersebut. Terima kasih.

**Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kepada sahabat saya Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahmad bin Yahaya dari Kedah. Memang ada satu kenyataan kalau tidak silap saya seorang Pengarah Jabatan Perhutanan di sebuah negeri mengatakan, pembalakan itu satu yang baik untuk pembiakan harimau. Saya difahamkan Tuan Yang di-Pertua bahawa kenyataan Pengarah Perhutanan itu berdasarkan kepada satu kajian juga yang dibuat oleh pengkaji-pengkaji daripada *Oxford University* kalau tidak silap saya, tetapi pendekatannya itu saya tidak pastilah.

Akan tetapi antara yang saya boleh ingat ialah beliau mengatakan bahawa apabila ada pembalakan dibuat secara tersusun, teratur- sebab Majlis Perhutanan Negara meletakkan, dipanggil Catuan Tebangan Tahunan (CTT) yang perlu dipatuhi oleh setiap negeri. Jadi ada juga mungkin faktor-faktor pembalakan dibuat secara tersusun itu akan memastikan habitat ataupun tempat asal kedudukan harimau Malaya ini terjaga, dan tidak dimusnahkan sewenang-wenangnya. Itulah mungkin maksud pada kenyataan ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya lah sebab harimau ini mustahak. Silakan... *[Ketawa]*

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang kerajaan telah belanja berjuta Ringgit untuk panda Negara China. Saya hendak Yang Berhormat Menteri jelaskan, jumlah kerajaan belanja untuk pemeliharaan untuk segala yang berkaitan dengan Harimau Malaya kita. Terima kasih.

**Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai yang bertanya- berminat juga dengan harimau ini.

Memang dalam projek untuk pertukaran panda antara negara kita dengan Republik Rakyat China, memang banyak peruntukan diberikan untuk panda ini kerana ia satu projek yang cukup bermakna kepada negara. Ada pun untuk konsentrasi Harimau Malaya ini, saya tidak ada *figure* yang tepat.

Saya akan beri kepada Yang Berhormat Senator secara bertulis. Apa pun ia terletak di bawah peruntukan yang diberikan di bawah Jabatan PERHILITAN, di bawah kementerian saya ini.

Saya baru terima anggaran- dipanggil Operasi Bersepadu Khazanah (OBK). Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM30 juta setahun. Tidaklah besar sangat. Saya akan cuba dapatkan lebih banyak lagi kerana ini tidaklah besar sangat.

Tadi untuk *Malayan Tiger Conservation Centre* ini sebanyak RM40 juta. Jadi, agak banyak jugalah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. *Alhamdulillah.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Senator Datuk Mohan a/l Thangarasu.

#### ■1120

**8. Datuk Mohan a/l Thangarasu** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, penjelasan data sebenar individu-individu warganegara yang hilang MyKad dan membuat laporan palsu bagi mengelakkan penalti yang tinggi. Keadaan ni menyebabkan kadar indeks jenayah negara meningkat, dan adakah kementerian merancang untuk mengurangkan denda tersebut pada kadar yang nominal bagi memudahkan pemohon dan mengelakkan laporan palsu.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga untuk Yang Berhormat Senator Datuk Mohan dan juga untuk maklumat Ahli Dewan semua.

Berdasarkan rekod Polis Diraja Malaysia bagi tahun 2019 hingga tahun 2021 sebanyak 1,546 laporan palsu berkaitan dengan kehilangan Kad Pengenalan telah kita rekodkan di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut bagi tahun 2019, sejumlah 372, bagi tahun 2020, 368, dan bagi tahun 2021, 806.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator kita kena kan fi denda bagi Kad Pengenalan yang hilang yang ditetapkan di bawah Peraturan-peraturan Pendaftaran Negara 1990 adalah antara tujuannya empat perkara. Pertama mendidik masyarakat akan kepentingan Menjaga Kad Pengenalan. Kedua, mengawal penyalahgunaan pengurangan fi yang hilang. Ketiga, mengekang peningkatan kadar kehilangan Kad Pengenalan. Keempat adalah untuk memastikan pelaksanaan urus niaga gantian hilang tersebut lebih berkesan.

Sehubungan dengan itu, kementerian setakat ini belum bercadang untuk mengurangkan kadar denda bagi gantian Kad Pengenalan yang hilang. Walau bagaimanapun, seperti mana yang termaktub di bawah sub-peraturan 19(2), Ketua Pengarah Pendaftaran Negara boleh menetapkan secara terperinci kadar pengecualian dan pengurangan bayaran fi bagi permohonan gantian hilang bagi Kad Pengenalan iaitu Jabatan Perdana Menteri menetapkan pengecualian terhadap dua iaitu hanya kepada kategori jenayah, hilang kerana akibat daripada jenayah.

Kedua kerana bencana. Bagi kategori yang cuai, ada tiga kategori yang kita kenakan bagi fi denda hilang kad pengenalan. Pertama, kecuaiian pertama sejumlah RM100, kecuaiian kedua RM300, dan bagi kecuaiian ketiga sebanyak RM1,000.

Selain itu juga, kerajaan juga prihatin kepada golongan-golongan orang yang kurang upaya atau kelainan upaya. Kerajaan memberikan keistimewaan kepada mereka jika didapati Kad Pengenalan hilang kita akan memberikan pengecualian dan juga boleh kita pertimbangkan dari semasa ke semasa. Kita pandang serius kehilangan Kad Pengenalan ini kerana melibatkan laporan polis yang palsu untuk tujuan mengecualikan bayaran. Tindakan-tindakan kalau seseorang individu membuat laporan palsu akibat daripada Kad Pengenalan yang hilang adalah di bawah seksyen 182, Kanun Keseksaan. Jika dia didapati bersalah boleh dikenakan hukuman penjara sehingga enam bulan atau denda sehingga RM2,000 atau dua-duanya sekali. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Mohan a/l Thangarasu:** Soalan tambahan saya. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Memiliki MyKad merupakan hak wajib semua warganegara. Apa rancangan alternatif kerajaan untuk mengendali isu ini supaya golongan pendapatan rendah tidak tertekan akan situasi untuk membuat laporan palsu dan menghadapi masalah lain seperti meminjam untuk membayar penalti tertuduh di mahkamah mahupun berdepan dengan hukuman penjara.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Seperti mana yang telah saya sebutkan tadi bahawa kerajaan sangat bertimbang rasa terhadap mana-mana individu yang mempunyai masalah sebenar dan juga mempunyai pendapatan yang kurang boleh datang berbincang dengan jabatan atau pejabat Jabatan Pendaftaran Negara yang berhampiran. Kita akan membincangkan untuk memberikan kadar pengurangan yang setimpal dengan masalah yang dihadapi oleh rakyat sekalian. Terima kasih.

**9. Datuk Iskandar Dzulkarnian bin Abdul Khalid** minta Perdana Menteri menyatakan, jumlah usahawan khususnya dari negeri Perak yang mendapatkan Dana Usahawan NCER pada tahun 2020 dan tahun 2021.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) [Dato' Eddin Syazlee bin Shith]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum*, dan dengan izin Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Datuk Iskandar Dzulkarnian atas soalan yang diberikan.

Tuan Yang di-Pertua Program Dana Usahawan NCER ataupun, dengan izin, *Northern Corridor Economic Region* merupakan sebuah dana pemudah cara yang diwujudkan sebagai *tipping point* untuk inisiatif pelaburan swasta bumiputera di Wilayah Ekonomi Koridor Utara. Program ini bertujuan untuk membantu syarikat-syarikat bumiputera untuk menjadi lebih berdaya saing dan sebagai pemangkin pelaksanaan projek-projek di wilayah itu. Untuk inisiatif ini, syarat adalah yang ditawarkan iaitu sehingga 15 peratus atau maksimum RM2 juta yang mana lebih rendah daripada nilai keseluruhan kos projek.

Dana ini diberikan kepada syarikat yang mempunyai kelayakan sekurang-kurangnya RM250 ribu untuk pembelian mesin ataupun RM1.5 juta untuk pembangunan infrastruktur. Antara lain untuk membantu syarikat bumiputera terutamanya yang melibatkan sektor-sektor teras NCIA.

Program Dana Usahawan NCER, dengan izin, di negeri Perak telah merekodkan pencapaian yang memberangsangkan iaitu daripada tiga buah syarikat pada tahun 2020, telah meningkat kepada 10 buah syarikat penerima Dana Usahawan NCER bagi tahun 2021, iaitu berjaya menarik nilai pelaburan RM137.9 juta dengan 359 peluang pekerjaan daripada nilai pelaburan yang dianggarkan bernilai lebih kurang RM19 juta pada tahun sebelumnya, 2020.

Selain itu, Dana Usahawan ataupun NCER yang telah meningkatkan liputan daerah kepada lapan buah daerah penerima dengan keseluruhan 12 buah daerah di negeri Perak bagi tahun 2021 dengan daerah Batang Padang berjaya menarik pelaburan tertinggi sebanyak RM34.5 juta. Di samping itu juga, Program Dana Usahawan NCER turut memberi limpahan ekonomi kepada 5,228 orang usahawan yang terlibat dalam ekosistem perniagaan di negeri Perak. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Iskandar Dzulkarnian bin Abdul Khalid:** Tuan Yang di-Pertua saya ada dua buah soalan tambahan. Pertama adakah pemantauan sesi *mentoring* dilaksanakan oleh pihak NCER setelah dana usahawan tersebut diberikan?

Soalan kedua, adakah kerajaan berhasrat untuk menurunkan syarat seperti *turnover company* syarikat RM300 ribu kepada RM100 ribu agar lebih banyak usahawan yang terkesan daripada COVID-19 dapat dibantu dan diselamatkan?

**Dato' Eddin Syazlee bin Shith:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Iskandar Dzulkarnian atas soalan tambahan.

Pertama soalan berkaitan dengan *mentoring*. *Mentoring* ini memang satu perkara yang dilakukan secara berterusan kepada syarikat-syarikat yang menerima Dana Usahawan NCER bagi memastikan bahawa syarikat-syarikat tersebut terus kekal berdaya saing dan mampu melaksanakan semua syarat yang telah ditetapkan. Selalunya sistem permentoran ini dilakukan untuk dalam tempoh lima tahun sekurang-kurangnya. Ini akan terus dipantau oleh kerajaan untuk memastikan dana yang diberikan itu disalurkan kepada projek-program yang mempunyai mutu dan juga terus kekal berdaya saing.

Berkenaan soalan yang kedua tadi berkaitan dengan syarat *turnover* sama ada, dengan izin, sama ada kerajaan akan melonggarkan syarat *turnover* ini, setakat hari ini perkara tersebut masih belum dibincangkan, masih belum ada cadangan.

■1130

Walau bagaimanapun, terdapat banyak lagi inisiatif lain yang diberikan oleh kerajaan khususnya kepada syarikat-syarikat yang terkesan yang diakibatkan oleh penyebaran pandemik COVID-19 ini. *Post-COVID* ini, kerajaan juga kerajaan menyediakan inisiatif yang bersesuaian untuk membantu usahawan-usahawan yang terkesan ini supaya mereka juga boleh bersaing dalam segala aktiviti ekonomi yang berkaitan di bawah seliaan NCI dan juga di kawasan Wilayah NCER. Ini merupakan inisiatif-inisiatif yang syaratnya lebih longgar untuk membantu usahawan-usahawan tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita beralih kepada Datuk Ras Adiba.

**Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi:** *Assalamualaikum.*

*Tinggi-tinggi si matahari;  
Anak kerbau mati tertambat.  
Lama sungguh tidak nampak YB Rina di sini,  
Alhamdulillah sudi jawab soalan nombor 10 Yang Berhormat.*

**10. Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, adakah kementerian telah mendapatkan pandangan komuniti OKU atau Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU) sebelum melaksanakan JKMPay serta, apa faedah yang akan diterima melalui pelaksanaan ini memandangkan ia memberi kesulitan kepada OKU.

**Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Seri Rina binti Mohd Harun]:** Saya tidak sempat hendak menjawab pantun.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh! Boleh tulis dahulu, tidak mengapa.

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, sebelum itu saya hendak mohon izin dan kebenaran Tuan Yang di-Pertua untuk menjawab pertanyaan Yang Berhormat Senator Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi bersama dengan pertanyaan Senator Tuan Balasubramaniam pada 23 Mac 2022, berikutan pertanyaan-pertanyaan menyentuh isu yang sama, dan saling berkait.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Ras Adiba yang bertanyakan tentang soalan berkaitan yang disebutkan sebagai Bantuan Kewangan Tanpa Tunai (JKMPay).

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat sedang melaksanakan satu inisiatif baharu iaitu Program Bantuan Kewangan Tanpa Tunai (JKMPay).

Projek ini berstatus projek rintis dilaksanakan ke atas penerima bantuan kelulusan baharu sahaja dan tidak melibatkan penerima bantuan sedia ada. Penerima skim bantuan kewangan ini bukan hanya kepada OKU.

Kita di kementerian tidak meminggirkan golongan OKU, *inclusivity* itu yang kita praktik kan maka penerima bantuan ini juga kepada penerima-penerima Bantuan Bulanan Persekutuan yang lain seperti:

- (i) Bantuan Kanak-kanak;
- (ii) Bantuan Warga Emas;
- (iii) Bantuan Elaun Pekerja Kurang Upaya;
- (iv) Bantuan Penjagaan Pesakit Kronik Terlantar;
- (v) Bantuan Ketidakupayaan Bekerja dan
- (vi) Bantuan Anak Pelihara.

Di lokasi projek rintis, taklimat penggunaan kad dan aplikasi juga telah diberikan kepada penerima bantuan baharu berserta daripada golongan Orang Kurang Upaya, warga emas dan keluarga miskin agar mereka memahami konsep tanpa tunai dan membimbing mereka dalam penggunaan sistem ini. Malahan, penerima bantuan baharu yang diluluskan juga akan diuruskan pembukaan bank tanpa perlu hadir ke mana-mana cawangan bank. Ini kita hendak bantu betul golongan rentan ini sampai hendak buka akaun pun kita sediakan dan kita hantar sampai ke rumah mereka.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek ini dilaksanakan dengan tujuan berikut:

- (i) hendak membantu penerima bantuan untuk mengurus dan mengawal perbelanjaan wang bantuan secara berhemah dan bermanfaat;
- (ii) memperluaskan mekanisme kaedah pembayaran bantuan kewangan JKM melalui kaedah bayaran ke bank dan juga kaedah tanpa tunai;
- (iii) hendak memastikan penerima bantuan dapat memenuhi keperluan asas harian khususnya melibatkan keperluan makan, minum, ubat-ubatan asas dan keperluan harian rumah; dan
- (iv) memperkukuhkan kolaborasi di antara kerajaan dan pihak swasta dalam meningkatkan perkhidmatan agensi di bawah kementerian.

Seterusnya, menyokong ke arah mewujudkan masyarakat digital selaras dengan Rangka Tindakan (*Blueprint*) Ekonomi Digital Malaysia 2021 di mana kerajaan tidak mahu apabila ia dilaksanakan kelak, maka golongan rentan ini terutama penerima bantuan JKM ini tertinggal.

Kita tahu bahawa sekarang ini langkah-langkah yang diperkenalkan oleh kerajaan supaya golongan rentan ini tidak akan terpinggir apabila peralihan tentang pembayaran tanpa tunai ini diperkenalkan dengan secara lebih meluas.

Di samping itu, projek ini juga sejajar dengan hala tuju baharu bantuan sosial di bawah Majlis Perlindungan Sosial Malaysia yang memfokuskan agar semua bantuan pada masa hadapan hendaklah bersyarat, mempunyai dasar pemisah yang jelas dan kesegeraan dalam pengagihan dan pemprosesan bantuan.

Projek ini dilaksanakan secara rintis mulai bulan Februari 2021. Setiap lokasi projek rintis dilaksanakan, kementerian melakukan kunjungan hormat dan libat urus bersama kerajaan negeri bagi menjelaskan mengenai projek rintis ini.

Para peserta juga diberikan taklimat bagi penggunaan kad dan aplikasi agar mereka memahami konsep tanpa tunai bagi membimbing mereka dalam penggunaan JKMPay. Jikalau kita lihat sekarang sudah banyak kedai-kedai yang menggunakan kaedah pembayaran tanpa tunai Sehingga Februari 2022, seramai 4,752 orang peserta daripada tiga buah daerah telah pun terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator, sebagaimana yang telah dinyatakan, projek ini hanya dilaksanakan kepada penerima baharu bantuan bulanan JKM. Manakala, seramai 520 ribu orang penerima bantuan bulanan sedia ada masih kekal menerima bantuan bulanan melalui bayaran ke akaun bank. Penerima baharu juga kekal menerima semua jumlah keseluruhan bantuan yang diluluskan secara 100 peratus. Tiada fi yang dikenakan, tiada potongan yang dibuat. Mereka terima 100 peratus.

Baki atau lebih duit yang ada dalam akaun JKMPay juga tidak akan luput. Malah ia akan dibawa bulan berikutnya. Bagi peserta program yang mahir menggunakan aplikasi telefon, di JKMPay, pelbagai menu aplikasi secara dalam talian juga boleh digunakan seperti memantau perbelanjaan harian, membuat semakan baki dan lain-lain. Ia juga tidak menyekat mana-mana hak kebebasan OKU untuk berbelanja. Ini kita bukan hanya fokus kepada OKU, kita buat untuk semua untuk kumpulan rentan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Dalam kita hendak menyediakan masyarakat rentan, masyarakat yang penerima bantuan JKM ini, sebab itu kita buat dulu projek rintis...

**Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip:** Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Daerah demi daerah.

**Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip:** Boleh minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Menteri tak?

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh.

**Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya, soalan asal, soalan- ini bukan soalan tetapi minta penjelasan sedikit. Apakah kementerian telah mendapatkan pandangan komuniti OKU ataupun Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya? Saya ingat Yang Berhormat Menteri fokus dekat situ jawapan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, cuba hurai.

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Ya. Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya maklumkan, projek ini baru projek rintis. Belum dilaksanakan ke seluruh negara. Daripada...

**Puan Fadhlina binti Dato' Sidek:** Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Daripada projek rintis ini...

**Puan Fadhlina binti Dato' Sidek:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri masih tidak menjawab soalan. Soalannya mudah, saya ulang...

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Ya.

**Puan Fadhlina binti Dato' Sidek:** Rakan tadi. Ada atau tidak, itu sahaja?

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Apabila kita mengadakan...

**Puan Fadhlina binti Dato' Sidek:** Kami hendak tahu, ada atau tidak? Itu sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bagi beliau hurai dahulu.

**Puan Fadhlina binti Dato' Sidek:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bagi beliau hurai dahulu, sekiranya tidak menepati, kita bangkitkan.

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Ini projek rintis, bukan projek yang dilaksanakan lagi. Apabila kita mengadakan projek rintis, taklimat diberikan kepada penerima termasuk OKU. Penerima ini juga golongan OKU. Jadi, taklimat itu juga diberikan kepada mereka. Oleh sebab kita hendak memberikan kefahaman mereka.

**Puan Fadhlina binti Dato' Sidek:** Isunya Tuan Yang di-Pertua, runding atau tidak? Kita tanya. Dalam soalan asal. Itu sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita beri Yang Berhormat Menteri, selesaikan dahulu jawapan. Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Untuk makluman, ini projek rintis. Saya sudah beritahu banyak kali, ini projek rintis, bukan lagi projek yang dilaksanakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Kita ini- golongan OKU, sahabat kita ini, kita hendak bantu, sebab itu kita buat rintis. Ada penambahbaikan. Kita akan tambah dari semasa ke semasa. Kita pun ada juga buat Sesi Libat Urus bersama dengan kumpulan OKU. Ada beberapa buah persatuan, pertubuhan yang telah kita adakan. Oleh sebab ini masih lagi dalam projek rintis. Habis enam bulan, ada satu kajian yang dibuat untuk menambah baik, hendak bantu mereka. Ini yang kita hendak bantu...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, jawapannya agak panjang, jadi setelah mendengar teguran dua orang Ahli Yang Berhormat Senator kita, mungkin dijawab, "*Apa faedah yang akan diterima melalui pelaksanaan ini*". Itu mungkin Yang Berhormat Menteri hendak timbang untuk jawab. Silakan, kalau ada ruang untuk itu.

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti yang saya maklumkan tadi, negara dalam- untuk menyediakan masyarakat tanpa tunai. Jadi, banyak soalan yang diberikan. Langkah-langkah yang diperkenalkan oleh kementerian supaya golongan ini tidak terpinggir.

#### ■1140

Jadi, apabila kita mengadakan projek ini sekurang-kurangnya, mereka boleh mengajukan- sebagai contoh, bila kita buat dia tempat, kedai dan sebagainya adalah berdasarkan lokaliti mereka. Secara tidak langsung kita memberi advokasi kepada kedai-kedai yang berhampiran. Kita bukan sebut *hypermarket*, *Giant*, yang besar-besar ini, tidak. Ini kedai-kedai yang berada pada komuniti kita dan mereka, kedai-kedai ini juga akan menjadi kedai-kedai yang mesra OKU, mesra warga emas.

Yang seterusnya, kita ada juga membuat kajian di mana di antara mereka menyatakan membantu mereka dalam menguruskan kewangan. Bila sebagai contoh, untuk bantuan pesakit terlantar, kita berikan RM500 ya, RM250 itu kita mahukan supaya mereka ini membeli barang-barang keperluan asas. Kita tidak mahu bantuan yang diberi oleh kerajaan ini, ini bukan pinjaman, kita bagi bantuan. Kita hendak tolong masyarakat rentan ini, yang saya sebut ini kumpulan penerima bantuan JKM yang sangat-sangat memerlukan, sekurang-kurangnya makanan dia kena ada, sekurang-kurangnya beras dia kena ada...

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, baik.

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Sekurang-kurangnya *Pampers* dia ada, keperluan harian, ubatan-ubatan dia itu mesti dijaga.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ringkaskan.

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya fikir itu sudah bak kata orang, sudah diulas lebih panjang, setelah disukat lagi panjang. Saya buat ini sebagai tambahan. Sekiranya ada tambahan kepada soalan tadi, sebab ada...

**Puan Fadhlina binti Dato' Sidek:** Ada Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan ya. Sila. Yang Berhormat Ras ya.

**Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya tahu yang Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua bersama saya juga telah berjumpa dengan sahabat-sahabat OKU. Mungkin selepas ini kita boleh dapat berjumpa lagi untuk bertukar-tukar fikiran dan memberi cadangan untuk memperbaikinya. Namun soalan tambahan saya sebenarnya adalah untuk pohon berikan penjelasan mengenai tahap *accessibility* dan kebolehan ataupun *usability* aplikasi ini, dengan izin, kepada sahabat-sahabat saya yang buta, yang pekak dan juga mental serta impaknya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, yang buta, yang pekak.

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya hendak supaya kita faham penerima bantuan ini sama saja macam dulu. Kalau dulu dia bagi *cash*, dia hendak pergi bank, dia kena pergi bank juga. Bila hendak pergi untuk beli barang, dia kena beli barang juga. Cuma kaedahnya saja berbeza. Jadi aplikasi JKMPay adalah sama dengan aplikasi lain dimuat turun menggunakan *Google playstore*, *application store*, dan juga sebagainya. Jadi aplikasi ini mesra OKU penglihatan, OKU pendengaran, dan mental biasanya menggunakan aplikasi tanpa sebarang penambahbaikan.

Jadi tahap *accessibility* dan kebolehgunaan aplikasi JKMPay turut mendapat perhatian Jabatan Kebajikan Masyarakat dengan beberapa perkara yang ditambah baik seperti berikut. Sebagai contoh OKU yang mengalami kesukaran menggunakan aplikasi atau akses boleh menamakan seorang penama, waris, saudara mara ataupun rakan dan juga butiran wakil akan dimasukkan ke dalam sistem bagi membolehkan aplikasi JKMPay ini melaksanakan transaksi dan pembelian barangan bagi pihak OKU tersebut. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Puan Fadhlina binti Dato' Sidek:** Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Puan Fadhlina binti Dato' Sidek:** Yang Berhormat Menteri, isu pelaksanaan JKMPay ini telah mendapat bantahan yang luar biasa daripada segmen ataupun komuniti OKU. Jadi soalan saya, adakah bantahan mereka ini mempunyai merit dan asas yang kuat mengapa pelaksanaan JKMPay ini perlu dibantah, dan apa pendirian kementerian terhadap bantahan mereka. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, bantahan terhadap JKMPay.

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebelum itu tadi Yang Berhormat Senator Ras Adiba pun ada maklumkan. Kita telah pun mengadakan sesi libat urus untuk menambah baik kerana projek ini masih lagi projek rintis. Suka juga saya hendak membawa satu kisah, kalau dibenarkan Tuan Yang di-Pertua.

Sebagai contoh baru-baru ini apabila saya turun ke negeri Johor, saya didatangi oleh seorang wanita tua, warga emas. Ini saya sebut JKMPay ini untuk secara keseluruhan. Kita jangan mendiskriminasikan kepada golongan OKU. Yang datang kepada saya mengadu, memberitahu, Yang Berhormat saya sudah dua bulan tidak terima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Saya tanya, "Kenapakah tidak terima?" Jadi bila kita buat semakan, kebetulan ada Pengarah dari Jabatan Kebajikan Masyarakat datang, saya kata tolong buat semakan, dan kami boleh membuat semakan dengan bank, bila, adakah duit ini- pertama, dimasukkan; kedua, bila wang ini dikeluarkan.

Hasil daripada itu kita lihat sebenarnya wang itu telah pun dikeluarkan. Jadi ini dia kata, saya ini tidak ada duit hendak makan, duit sewa tidak ada hendak bayar, hendak beli ubat. Seorang wanita itu seolah-olah tidak ada duit hendak beli untuk ubat kerana dimaklumkan bahawa duit bantuan JKM ini tidak dimasukkan.



Jadi bila kita semak rupanya ia telah pun dikeluarkan oleh anak angkatnya. Jadi inilah antara salah satu faktor yang kita hendak halang. Sekurang-kurangnya bila kita ada potongan yang khusus untuk membeli barang keperluan harian. Yang kita tolak cuma arak dengan rokok. Yang lain itu kita benarkan.

Saya tidak mahu penerima-penerima bantuan JKM ini ada laporan mengatakan mereka tidak ada beras di rumah. Mereka tidak ada ubat, mereka tidak ada *Pampers* sedangkan bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat ini kita telah naikkan sejak tahun 2021. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik. Terima kasih.

**Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi:** Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah sedikit. Ini bagi pihak sahabat-sahabat saya yang OKU. Yang Berhormat Datuk Seri Rina, *alhamdulillah*, terima kasih kerana melakukan sebaik mungkin untuk memastikan kami, segala dipermudahkan. Namun begitu seperti juga sahabat-sahabat saya yang telah pun buat piket sebelum ini. Saya ingin bertanyakan, bagaimana kami yang buta untuk kami pergi ke kedai, habis itu beli barang itu, dan bawa pulang ke rumah. Lepas itu bagaimana kami hendak masak.

Jadi ini adalah antara yang sedang diperbincangkan, isu-isu yang diperbincangkan kerana mereka tidak boleh masak kerana mereka buta. Jadi kalau mereka pergi ke sana, adakah kita mungkin selepas ini akan ada kedai yang mereka boleh membeli barang. Terima kasih.

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Yang Berhormat.

**Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi:** Beli makanan, barang makanan yang dimasak.

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Keadaan yang sekarang, tanpa JKMPay bantuan yang kita berikan kepada mereka. Kita masuk dalam akaun. Sama juga. Maksudnya dia kena keluarkan duit itu daripada ATM mesin dan sebagainya. Sama juga mereka pergi ke kedai. Sama juga prosesnya sama. Cuma kaedah itu berbeza. Sebab itu saya katakan tadi kita hendak membantu golongan, bukan saja golongan OKU, kita tidak pinggirkan golongan OKU, kita hendak bantu golongan rentan ini, yang penerima bantuan-bantuan JKM ini. Sama sekali. Bagaimana untuk menambah baik. Saya tahu, sebab itu projek ini masih lagi projek rintis, ada penambahbaikan. Kita buat sesi libat urus supaya apabila satu hari nanti, negara kita ke arah *cashless*, bayaran tanpa tunai, kumpulan rentan ini sudah bersedia Tuan Yang di-Pertua ya. Keadaan-keadaan kedai di sekeliling...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri cuma tolong jawab macam mana orang buta itu dapat bekalannya. Itu yang perlu.

**Datuk Seri Rina binti Mohd Harun:** Ya, macam saya katakan tadi. Jika mereka ini sekiranya mereka hendak perlukan, kita ada wakil-wakil. Macam saya jawab tadi dalam soalan tadi, sekiranya mereka perlu untuk mereka yang untuk membantu mereka boleh namakan wakil itu ke Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk kita masukkan ke dalam sistem.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik. Terima kasih. Banyaklah itu ya.

Saya mohon supaya Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol.

**11. Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol** minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan, bagaimana kerajaan akan memastikan syarikat telekomunikasi memberi perkhidmatan di kawasan pedalaman khususnya di kawasan yang berhampiran dengan sekolah-sekolah.

**Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Datuk Zahidi bin Zainul Abidin]:** Terima kasih Yang Berhormat Senator, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan sentiasa cakna dan prihatin akan kualiti berkaitan internet jalur lebar di kawasan pedalaman khususnya di kawasan berhampiran dengan sekolah-sekolah.

Justeru, kerajaan akan melaksanakan penyediaan infrastruktur jalur lebar menggunakan kaedah *point of reference* yang had gentian optik yang merupakan salah satu inisiatif bagi memastikan jaringan dan liputan jalur lebar dapat diperluaskan ke kawasan sekitar sekolah dan penduduk dengan lebih baik.

Ini kita tengah keluar tender sekarang ini melibatkan RM3 bilion lebih. Pelaksanaan penyedia POP had satu gentian optik berhampiran dengan sekolah, kawasan perindustrian dan premis ini secara keseluruhannya akan melibatkan sebanyak 4,323 buah kawasan berhampiran sekolah di kawasan pinggir bandar dan pedalaman di seluruh Malaysia. Ia akan diusahakan secara berperingkat-peringkat dalam dua fasa sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Ke-12 dengan jumlah peruntukan RM4.6 bilion. Pelaksanaan sistem ini akan meliputi skop pemasangan gentian optik daripada *point of inter connection* ke POP hingga ke kawasan premis pas, penyediaan perkhidmatan jalur lebar talian tetap ke kawasan populasi dan juga gangguan dengan berhampiran penyelenggaraan infrastruktur gentian optik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi pelaksanaan fasa pertama inisiatif POP, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM700 juta seperti dinyatakan menerusi pembentangan Bajet 2022. Perbelanjaan ini merangkumi 630 buah kawasan berhampiran sekolah luar bandar dan 47 buah kawasan perindustrian di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Pelaksanaan inisiatif akan membolehkan penduduk di kawasan tersebut mempunyai liputan talian tetap di rumah masing-masing dan tidak lagi bergantung kepada internet mudah alih yang sedia ada.

#### ■1150

Penyediaan POP berhampiran dengan sekolah memberi impak terhadap pembelajaran sekolah-sekolah yang akan dilengkapi dengan kemudahan jalur lebar. Ia juga membolehkan sekolah dan lain-lain premis berhampiran dapat menggunakan kemudahan JLTT yang seterusnya akan dapat meningkatkan kualiti pencapaian. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik. Tiada tambahan? Baik.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:** Selain daripada pembekal liputan di setiap kawasan pedalaman, minta mohon Yang Berhormat Timbalan Menteri nyatakan kekerapan sesebuah kajian dijalankan dalam mengenal pasti kawasan-kawasan yang memerlukan liputan komunikasi dan jaringan internet yang memuaskan. Terima kasih.

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin:** Terima kasih Yang Berhormat. Bagi kawasan luar bandar ini, pertama sekali kita memang ada kajian tetapi seboleh-bolehnya kita menunggu laporan. Antaranya kita dapat laporan ataupun kalau boleh, Yang Berhormat kawasan ataupun ADUN ataupun sebagainya akan melaporkan kepada pihak Kementerian Komunikasi dan Multimedia di kawasan negeri tersebut. Di samping itu juga, di kawasan luar bandar ini kita ada cara, antaranya:

- (i) tambah *tower*;
- (ii) kuatkan pemancar. Makna, pemancar itu kita tambah kekuatan ia supaya kawasan luar bandar kawasan yang tidak dapat liputan, dapat liputan;
- (iii) tambah *booster*. Sekarang bermacam-macam jenis *booster* yang ada, syarikat tempatan dan juga telekomunikasi Malaysia, syarikat Telekom Malaysia; dan

- (iv) satelit untuk kegunaan di Semenanjung Sabah, Sarawak, Laut China Selatan, Selat Melaka, supaya semua kawasan ini dapat liputan dan *connectivity*.

Ini usaha kita supaya kawasan luar bandar, kawasan berbukit dan sebagainya, kawasan nelayan, termasuk pengangkutan laut, semua mendapat liputan sebab penting bagi rakyat Malaysia ini mendapat informasi melalui internet. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, Dato Zaiedi Haji Suhaili.

**12. Dato Zaiedi bin Haji Suhaili** minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan, prospek industri koko negara, dan bagaimana strategi yang boleh diperkasakan agar pertumbuhan industri koko memberi impak ekonomi yang penting kepada negara serta program khusus yang lebih membina dan bermakna kepada pengusaha kecil ladang koko atau penanam koko pada tahun 2022, dan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12).

**Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi II [Datuk Willie anak Mongin]:** Selamat pagi, salam sejahtera. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga kepada rakan saya, Yang Berhormat Senator Dato Zaiedi bin Haji Suhaili kerana begitu prihatin dengan industri koko negara kita.

Saya ingin maklumkan bahawa di dalam negara kita, perkembangan industri koko ini adalah didorong oleh pertumbuhan pesat di peringkat hulu, pertengahan dan juga hiliran. Di peringkat hulu, trend kenaikan permintaan kepada biji koko telah mendorong kepada pengeluaran koko. Oleh yang demikian, ladang-ladang baharu penanaman koko akan dibuka dan sedang dibincangkan di Seromah, Bau, Sarawak dan di Setol, Negeri Sembilan.

Manakala di peringkat hiliran, di pacu pertumbuhan positif dalam pasaran eksport koko dan juga produk-produk koko. Malaysia kini menjadi pembekal utama produk-produk koko yang memenuhi spesifikasi negara-negara pengimport. Jadi, dalam kata ringkas, prospek industri koko negara kita begitu baik ketika ini. Saya ingin mengetengahkan strategi-strategi yang dirancang bagi tujuan ini adalah seperti berikut:

- (i) mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai pemain industri koko terkemuka dunia dengan mewujudkan hab perdagangan koko bagi meningkatkan daya saing sektor koko di pasaran antarabangsa;
- (ii) meluaskan pasaran produk-produk koko dengan meningkatkan kepenggunaan koko domestik;
- (iii) memajukan industri coklat buatan tangan melalui program keusahawanan seperti kursus-kursus asas dan lanjutan bagi pembuatan coklat; dan
- (iv) memperkasakan penanaman koko agar memberi pendapatan yang lebih baik kepada pekebun koko dan kita juga memperkenalkan banyak *coco fine flavor*.

Program dan kursus yang sedang dirancang serta yang telah dilaksanakan bagi strategi-strategi yang telah digariskan yang saya sebutkan tadi adalah:

- (i) Program Pembangunan Usahawan Coklat yang bertujuan membangunkan usahawan tempatan melalui latihan kemahiran pembuatan coklat, pemberian intensif peralatan mesin, khidmat nasihat, pembangunan perniagaan serta pemasaran produk dengan lebih efektif untuk menghasilkan produk yang berdaya saing; dan

- (ii) Program Pembangunan Rangkaian *Coco Cluster* yang dilaksanakan untuk kemapanan pengeluaran koko tempatan dengan menggunakan konsep *Farm to Table* bagi membangunkan kelestarian kelompok koko di Malaysia dan program ini disasarkan kepada pekebun kecil menerusi koperasi-koperasi. Koperasi ini akan membeli biji-biji koko daripada seluruh negara dan mereka akan menjual dengan harga yang lebih baik dan segala keuntungan melalui proses aktiviti ini akan dipulangkan kepada ahli-ahli koperasi tersebut. Cara ini juga menambahkan pendapatan pekebun-pekebun kecil.

Dengan itu, sekian terima kasih

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan.

**Dato Zaiedi bin Haji Suhaili:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas...

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita boleh selesai jam- lagi tiga minit.

**Dato Zaiedi bin Haji Suhaili:** ...Jawapan tadi. Saya ingin bertanya di sini, adakah kerajaan mempunyai satu rancangan ataupun satu konsep penanaman koko secara besar-besaran, secara *estate*? Kalaupun tidak, mereka mempunyai konsep penanaman secara komuniti tetapi di sepadukan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Datuk Willie anak Mongin:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebenarnya, saya pada permulaan mukadimah tadi saya sudah beritahu mengenai kita di peringkat kerajaan, memang kita akan mengadakan perladangan secara besar-besaran. Dahulu kita memberi tumpuan kepada pekebun-pekebun kecil dan pekebun kecil ini kadang-kadang penanaman koko mereka berselerak.

Sekarang ini, kerajaan membuat satu polisi di mana mereka ini hendaklah melakukan penanaman koko secara berkelompok. Oleh dengan itu, di Sarawak di Kampung Seromah, kita telah mengadakan satu rundingan dengan penduduk kampung untuk mengadakan 100 ekar untuk permulaan.

Di Setol, Negeri Sembilan, kita akan membuka lebih kurang dalam 500 ekar penanaman koko secara besar-besaran. Kita menggalakkan penanaman koko ini dibuat secara besar-besaran kerana *we will enjoy the economic of scale*, dengan izin, ekonomi bidang.

Oleh sebab selama ini kita memberi tumpuan kepada pekebun kecil dan kebanyakan pekebun kecil ini tidak konsisten. Kita kena ada *balance* di mana kita ada pekebun kecil dan juga pekebun yang berskala besar untuk mengimbangi pengeluaran kita di peringkat hulu. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Sesi soal jawab lisan berakhir.

**[Masa Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan tamat]**

**[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

## USUL-USUL

### JALAN-JALAN MASUK KE PARLIMEN

**Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama Penggal Dewan Negara yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini; dan Setiausaha Dewan Negara hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.”

**Timbalan Yang di-Pertua:** Minta sokongan.

**Puan Fadhlina binti Dato' Sidek:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah usul oleh Yang Berhormat Menteri Keselamatan Dalam Negeri yang telah dikemukakan tadi hendaklah dipersetujukan.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

■1200

## USUL MENTERI

### PELANTIKAN AHLI JAWATANKUASA PEMILIH DI BAWAH P.M 70

12.00 tgh.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin]:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut peruntukan Peratusan Mesyuarat 70, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara, saya mohon mencadangkan supaya Ahli Yang Berhormat berikut:

1. Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, Pengerusi (Yang di-Pertua Dewan Negara);
2. Yang Berhormat Senator Dato' Sri Dr. Haji Mohamad Ali bin Haji Mohamad (Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara);
3. Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang;
4. Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying, dan;
5. Yang Berhormat Senator Puan Susan Chemerau Anding.

Dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Pemilihan di bawah Peraturan Mesyuarat 70 untuk tempoh Penggal Kelima, Parlimen Keempat Belas, dan selaras dengan peruntukan Peraturan Mesyuarat 70(2). Majlis Mesyuarat dengan ini memberi kuasa kepada Jawatankuasa Pemilihan memanggil orang hadir di hadapannya serta meminta dikeluarkan surat-surat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Minta sokongan.

**Puan Fadhlina binti Dato' Sidek:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Usul tersebut.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ialah Usul Yang Berhormat Menteri itu tadi terbuka untuk dibahaskan. Biasanya tiada perbahasan ke atas Usul ini tetapi sekiranya ada Ahli yang ingin berbahas, saya benarkan.

*[Tiada perbahasan]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri mengikut Peraturan Mesyuarat 70 itu tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

## USUL

### MENJUNJUNG KASIH TITAH SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dijemput Yang Berhormat Senator Dato' Zaiedi bin Haji Suhaili mencadangkan Usul Menjunjung Kasih ke atas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Dipersilakan.

**12.03 ptg.**

**Dato' Zaiedi bin Haji Suhaili:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon mencadangkan.

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

*“Ampun Tuanku,*

*Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara dalam persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih ke atas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Kelima, Parlimen Yang Keempat Belas.” [28 Februari 2022]*

Ampun Tuanku.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Zaiedi bin Haji Suhaili:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin untuk meneruskan ucapan Menjunjung Kasih ke atas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Izinkan saya menyatakan dengan serangkap pantun sebagai permulaan.

*Melati kuntum tumbuh melata;  
Sayang merbah di pohon cemara.  
Assalamualaikum mulanya kata;  
Patik sembah pembuka bicara.*

Tuan Yang di-Pertua, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong merupakan lambang kedaulatan dan keutuhan negara. Keprihatinan Tuanku kepada kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara adalah amat tinggi sekali. Saya yakin seluruh lapisan rakyat di negara ini menjunjung kasih atas Titah yang amat ikhlas dan jelas sejajar dengan keadaan ekonomi, politik, kesihatan, kebajikan, kesejahteraan rakyat dan persekitaran yang ada di dalam negara kita pada masa ini.

Titah Duli Tuanku tepat, tetap terpahat dalam minda dan hati nurani rakyat jelata sekalian. Adalah menjadi kewajipan dan tanggungjawab kita untuk menjunjung dan menyanjungnya. Ia menjadi inspirasi Keluarga Malaysia untuk mentaati dan merealisasikannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap tentang soal kestabilan politik. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku menzahirkan rasa amat bersyukur dengan kestabilan politik yang dikecap kini menerusi kerjasama dwipartisan melalui memorandum persefahaman, transformasi dan kestabilan politik yang telah ditandatangani antara pihak kerajaan dan pembangkang.

Bagi Duli Yang Maha Mulia Tuanku, landskap politik negara kini lebih stabil bagi menjayakan pembangunan demi kepentingan rakyat dan masa hadapan negara. Kestabilan politik merupakan satu faktor utama yang membantu negara untuk mencapai kemajuan ekonomi. Salah satu faktor utama pertumbuhan ekonomi yang baik di dalam sesebuah negara iaitu kemasukan pelaburan asing secara langsung di dalam negara kita.

Pelabur-pelabur asing akan merasa yakin untuk melabur di negara kita kalau kita mempunyai kestabilan politik. Di samping itu, kerajaan hendaklah mengamalkan dasar yang jelas dan tidak selalu berubah-ubah. Juga pelabur-pelabur mahu iklim pelaburan yang mesra pelabur dan juga keadaan dalam negara yang aman dan makmur.

Tuan Yang di-Pertua, kalau dalam negara wujud kestabilan politik dan dengan dasar-dasar kerajaan dan pemerintahan yang baik, ini membuka kepada kemajuan ekonomi dan seterusnya ruang kestabilan seperti ini akan mewujudkan satu suasana dalam negara yang aman, makmur dan perpaduan yang erat di kalangan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan Perlembagaan dan Perjanjian Malaysia 1963. Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2022 yang diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 19 Januari 2022 yang lalu telah berkuat kuasa sekarang. Pindaan tersebut merangkumi pindaan Perkara 1(2), Perkara 160(2), dan Perkara 161A(6), dan (7), Perlembagaan Persekutuan.

Rang undang-undang ini diwartakan sebagai Akta A1642 pada 25 Januari yang lalu dan komitmen Kerajaan Persekutuan terhadap Perjanjian Malaysia (MA63). Akta ini amat signifikan dan pasti satu perkara yang membawa pengertian yang besar kepada rakyat Sabah dan Sarawak. Bagi rakyat Sarawak, mereka menyokong penuh pindaan ini dan selepas sahaja pindaan ini diluluskan di Dewan Rakyat pada 14 Disember 2021 maka disusuli dengan Pilihanraya Negeri Sarawak Kedua Belas pada 18 Disember 2021. Dalam pilihan raya tersebut, pengundi di Sarawak telah memberi mandat yang besar kepada Gabungan Parti Sarawak untuk memenangi pilihan raya dengan 76 Kerusi daripada 82 Kerusi dalam Dewan Undangan Negeri Sarawak.

Ini kerana perjuangan berterusan Gabungan Parti Sarawak yang adalah untuk menuntut perkara-perkara dalam pindaan ini untuk dimaktubkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Apa pun, perjuangan bagi Sarawak dan Sabah belum selesai. Sekarang sebagai rakan kongsi kepada Malaya dalam penubuhan Persekutuan Malaysia pada tahun 1963, Sarawak dan Sabah akan merunding dan menuntut perkara-perkara lain yang termaktub dalam Perjanjian Malaysia (MA63), *Intergovernmental Committee* (IGC), dan Suruhanjaya Cobbold- *Cobbold Commission*, dan juga hak-hak lain yang terhakis sebelum ini melalui jawatankuasa-jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Sarawak, dan Sabah.

**■1210**

Tuan Yang di-Pertua, kenaikan kos sara hidup. Program Jualan Keluarga Malaysia merupakan inisiatif jangka pendek sebagai menyokong pelbagai langkah serta tindakan jangka panjang lain bagi menangani impak kenaikan harga barang-barang asas. Jualan ini diadakan seluruh negara dan di lokasi-lokasi yang ditentukan oleh pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna daripada masa ke masa dan akan menumpukan kepada kawasan-kawasan yang mana penduduk dalam golongan B40, dan M40 di seluruh negara.

Program ini pada masa yang sama, turut menerima sokongan pelbagai syarikat swasta yang terlibat dalam pengeluaran dan pemborongan barang asas. Ini merupakan langkah terbaik yang diambil oleh kerajaan bagi membantu rakyat yang terkesan dengan kenaikan kos sara hidup pada masa ini.

Namun demikian, selain Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, saya juga menyarankan supaya kementerian-kementerian lain seperti Kementerian Pembangunan Usahawan dan Pembangunan Koperasi dan juga badan-badan bukan kerajaan harus juga dilibatkan sama dalam menjayakan program ini. Dalam menangani kenaikan kos sara hidup, kenaikan harga barangan keperluan harian, program penstabilan dan penyeragaman harga pengeluaran barangan serta penguatkuasaan yang berterusan perlu dilaksanakan dengan sebaik-baiknya.

Kerajaan seharusnya juga memperkasakan dan melibatkan sama peranan rakyat sendiri untuk bersama-sama dengan kerajaan untuk menangani masalah ini. Kita harus melihat ini sebagai satu masalah negara. Persatuan-persatuan pengguna harus diperkasakan untuk memberi kesedaran kepada pengguna tentang hak dan peranan mereka untuk menangani kos sara hidup. Kerajaan juga harus melibatkan koperasi-koperasi dalam isu menangani kos sara hidup. Koperasi-koperasi disarankan supaya memberi cadangan kepada kerajaan tentang langkah-langkah yang boleh dimainkan oleh mereka untuk mengurangkan kos sara hidup. Dalam hubungan ini juga, kerajaan harus memperkasa sistem e-dagang dan bayaran tanpa tunai. Kaedah ini harus dipergiat bagi mengurangkan peranan orang tengah dan juga kos barangan pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, pengguna sendiri mesti bijak berbelanja, berjimat cermat dan berbelanja setimpal dengan pendapatan. Untuk jangka pendek, kerajaan harus menyediakan satu sistem penstabilan harga dengan menyediakan satu peruntukkan bagi menampung sebarang kenaikan harga ke atas barang-barang keperluan harian sebagai barang-barang terkawal. Apa peranan yang dimainkan oleh FAMA, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan dan pertubuhan-pertubuhan peladang, persatuan nelayan di peringkat kebangsaan dan juga di peringkat kawasan bagi menangani kos sara hidup.

Saya meminta kerajaan menyatakan dengan jelas apa peranan koperasi, peranan persatuan pengguna, persatuan peladang, pertubuhan penternak, para akademik dan juga institusi pengajian tinggi untuk menjelaskan kepada kerajaan kaedah-kaedah penyelesaian kepada kenaikan harga barangan harian. Apa peranan yang mereka buat ataupun idea-idea yang disumbangkan kepada Majlis Tindakan Sara Hidup Negara.

Selain daripada kenaikan harga barang harian, kerajaan harus juga mengambil perhatian ke atas kenaikan harga bahan binaan yang juga kosnya meningkat tinggi seperti simen, besi dan sebagainya. Peningkatan harga bahan binaan boleh merencatkan tempoh pembangunan seperti infrastruktur perumahan dan sebagainya.

Selain daripada itu, kerajaan harus berusaha untuk menghapuskan amalan kartel dan monopoli dalam rangkaian bekalan makanan. Amalan-amalan ini didakwa menguasai penentuan harga barang-barang makanan.

Tuan Yang di-Pertua, sektor pertanian dan Dasar Agromakanan 2.0. Agromakanan sebagai satu faktor yang mampan, berdaya tahan dan berteknologi tinggi yang dapat memacu pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan rakyat serta mengutamakan sekuriti dan nutrisi makanan.



Sealiran dengan era digital, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan hendaklah menggalakkan pelaburan dalam teknologi terkini untuk meningkatkan pengeluaran pertanian termasuk penggunaan jentera, Internet Pelbagai Benda dan sebagainya. Ini akan meningkatkan rantai pembekalan makanan dan perbaikan jaminan makanan dalam negara.

Inisiatif-inisiatif Program SMART Sawah Berskala Besar berpotensi untuk meningkatkan hasil dalam mutu padi tempatan yang boleh membawa golongan pesawah keluar daripada garis kemiskinan. Kita sepatutnya mengembangkan kesedaran kepada rakyat, betapa pentingnya kita mengurangkan kebergantungan kepada mengimport makanan yang sekarang ini sudah mencecah nilai RM60 bilion dan kita mesti berusaha untuk membentuk jaminan sara diri.

Faktor alam sekitar seperti cuaca, sistem pertanian, pemasaran dan juga tabiat makanan kita iaitu mengurangkan pembaziran makanan adalah penting. Negara seperti China pada tahun 2020 telah pun melancarkan kempen yang dikenali sebagai *Clean Plate Campaign* iaitu berobjektif tiada pembaziran makanan. Dilaporkan dalam tahun 2019, penduduk Malaysia membuang sisa makanan sebanyak 16,688 tan sehari. Jumlah ini, mengikut pengurusan sistem pepejal dan Perbadanan Pembersihan Awam, boleh memberi makanan kepada 12 juta orang penduduk sehari. Inilah tahap pembaziran makanan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan. Kejayaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan yang mencapai liputan vaksinasi lengkap sehingga 98 peratus dewasa untuk memastikan imuniti kekal pada tahap optimum dan sebagai benteng dalam menghadapi varian baharu, maka rakyat digalakkan untuk mendapatkan dos penggalak menerusi program yang dilaksanakan oleh kerajaan.

Kerajaan juga akan memulakan langkah peralihan kepada fasa endemik COVID-19 mulai 1 April ini. Keputusan ini dibuat setelah mengambil kira kadar vaksinasi negara yang tinggi, kegunaan katil yang rendah untuk pesakit-pesakit COVID-19 di hospital-hospital dan pertimbangan faktor-faktor risiko yang lain.

Keputusan ini membuka ruang yang luas untuk kegiatan ekonomi di negara kita, termasuk aktiviti-aktiviti keagamaan dan sosial di negara kita. Sudah tentu rakyat jelata akan menyambut baik keputusan ini walaupun masih mematuhi beberapa tata kelola prosedur (SOP) yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Sudah tentu langkah ini akan membuka kegiatan ekonomi yang luas bagi sektor pengangkutan, peruncitan, penerbangan, pelancongan, pembuatan dan juga pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, Program Pembangunan Vaksin. Bagi memastikan negara sentiasa siap siaga untuk berhadapan dengan pandemik pada masa akan datang, kerajaan komited untuk meningkatkan keupayaan dalam sektor kesihatan khususnya bagi penghasilan vaksin.

#### ■1220

Apabila Malaysia memperkukuhkan sekuriti kesihatan negara, ini membolehkan negara mengurangkan kebergantungan terhadap negara-negara pengeluar vaksin. Dalam pandemik COVID-19 yang lalu, apa kerjasama di kalangan negara-negara ASEAN untuk berkongsi pengetahuan dan maklumat mengenai vaksin, kit-kit ujian COVID-19 dan sebagainya?

Dalam pemerhatian saya, kerjasama seperti ini amat longgar, sedangkan semangat kerjasama di kalangan negara-negara ASEAN sepatutnya diperkukuhkan. Ini kerana semua negara ASEAN berhadapan dengan COVID-19.

Tuan Yang di-Pertua, keputusan kerajaan untuk membina Institut Penyakit Berjangkit Malaysia di Bandar Enstek, Negeri Sembilan dalam tahun 2021 seperti yang diumumkan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas adalah amat dialu-alukan dan satu langkah yang baik.

Keputusan kerajaan Sarawak untuk membina sendiri pusat penyelidikan mengenai penyakit berjangkit juga bermula dalam tahun 2021 merupakan satu langkah yang terbaik. Pusat ini berharga RM190 juta adalah berkolaborasi dengan institusi antarabangsa seperti *Cambridge, Oxford, Imperial College* dalam penyelidikan terutamanya penyakit tropika. Ini memberi ruang kerjasama di antara pakar tempatan dan antarabangsa untuk menyelidik dan menghasilkan ubat-ubatan bagi mengawal jangkitan penyakit pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh berkenaan *East ASEAN Growth Area* (BIMP-EAGA) sebagai sebuah sub-serantau yang dianggotai oleh negara Brunei, Indonesia, Malaysia dan Filipina telah ditubuhkan sejak tahun 1994 iaitu kira-kira 28 tahun yang lalu. Keseluruhan Wilayah Sarawak, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan termasuk di dalam sub-serantau BIMP-EAGA ini.

Ada tiga buah dokumen penting sejak penubuhan BIMP-EAGA telah diwujudkan iaitu satu ialah jerayawara ke arah pembangunan, pelaksanaan pelan tindakan, dan juga Visi BIMP-EAGA yang diwujudkan untuk tahun 2025. Dokumen-dokumen ini dinyatakan sebagai asas strategik kepada kemajuan besar dalam sektor ekonomi dan projek penting yang akan dilaksanakan bagi merealisasikan Visi BIMP-EAGA sebagai sub-serantau yang berdaya tahan, inklusif, mampan dan berdaya saing.

Negara China merupakan sebuah negara terawal di kalangan negara-negara bukan ASEAN yang menjalinkan hubungan dengan BIMP-EAGA ini iaitu dalam tahun 2009. Negara China dan BIMP-EAGA menandatangani dokumen rangka kerja untuk bekerjasama menguatkan peranannya sebagai rakan pembangunan strategik.

Memandangkan seluruh Wilayah Sarawak, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan adalah dalam sub-serantau BIMP-EAGA ini, apa kemajuan yang telah dicapai dalam sektor ekonomi, seperti perdagangan, pelancongan, pengangkutan, peluang pekerjaan dan pendidikan di bawah konsep BIMP-EAGA dan juga kerjasama BIMP-EAGA dan China?

Sejauh mana tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Malaysia dan rakan-rakan lain dalam BIMP-EAGA untuk menjayakan lima asas strategik iaitu *connectivity*, iaitu perhubungan udara dan laut, pelancongan, agro industri dan perikanan iaitu projek bakul makanan dan sosiobudaya. Dengan jumlah penduduk sub-serantau BIMP-EAGA ini seramai 70 juta orang. Kawasan ini mempunyai potensi yang besar untuk memajukan wilayah-wilayah termasuk Sarawak, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Bahkan, menurut Presiden Indonesia, Joko Widodo. Kerjasama yang erat di antara negara-negara dalam BIMP-EAGA merupakan langkah terbaik untuk memulihkan ekonomi pasca COVID-19. BIMP-EAGA akan menjadi satu- sub-serantau yang penting apabila menjelang tahun 2024, bilamana ibu negara baharu Indonesia, Nusantara akan berpindah ke Pulau Borneo iaitu Kalimantan Timur.

Apakah perancangan Kerajaan Malaysia untuk mengambil peluang daripada limpahan ekonomi hasil daripada pembangunan Nusantara terutamanya kerjasama dalam BIMP-EAGA sama ada di kalangan sektor awam mahupun sektor swasta? Adakah langkah awal yang diambil oleh sektor swasta dan juga sektor awam untuk bersiap sedia kepada limpahan pembangunan ini, sama ada ia berlaku di sebelah Kalimantan Indonesia mahupun di Sarawak, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan?

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh sedikit tentang pembangunan ibu negara baru Indonesia, Nusantara. Persetujuan Kabinet Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob untuk memberi penekanan kepada pelaksanaan projek infrastruktur iaitu Lebuh raya Pan Borneo, *Trans-Borneo Highway*, dan projek *Sarawak-Sabah Link Road* adalah satu yang amat dialu-alukan.

Menurut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kontraktor tempatan terutamanya bumiputera berpeluang untuk memperkembangkan perniagaan mereka dan akan membuka peluang pekerjaan bagi meningkatkan lagi pembangunan ekonomi terutamanya di Sarawak dan Sabah.

Projek *Sarawak-Sabah Link Road*, dan projek Lebuhraya Pan Borneo merupakan projek infrastruktur mega yang perlu dipercepatkan untuk menambah baik logistik dan komunikasi di Sarawak dan Sabah.

Projek ini akan mempercepatkan kemajuan wilayah dan pertumbuhan ekonomi tempatan. Walau bagaimanapun, ia perlu disokong oleh hab perhubungan yang lain seperti lapangan terbang, pelabuhan laut dan juga pertumbuhan bandar-bandar termasuk juga infrastruktur, Internet dan sebagainya.

Perkara ini disentuh oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Titah Diraja pada 28 Februari 2022 lalu yang mengaitkannya perpindahan ibu negara Indonesia, Nusantara ke Pulau Borneo iaitu di Kalimantan Timur.

Apa yang penting merupakan suasana yang konklusif untuk pelaburan dari luar Sarawak dan Sabah yang mencakupi sumber pembangunan manusia, pendidikan, kesihatan, infrastruktur dan sosial bagi menikmati limpahan pembangunan hasil daripada pemindahan ibu negara tersebut. Apa pun, daripada segi keselamatan, saya juga meminta Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Pertahanan untuk membuat kajian menyeluruh ke atas keadaan di sempadan Sarawak-Kalimantan dan juga Sabah-Kalimantan bagi mengenal pasti pemindahan ibu negara tidak mendatangkan lebih banyak ancaman keselamatan kepada negara kita.

Sehubungan dengan ini, kerajaan Sarawak telah mengorak langkah sejak tahun 2016 lagi untuk mengeksport elektrik ke Kalimantan Barat dan dalam masa yang terdekat akan memulakan eksport elektrik ke Sabah sekali gus merealisasikan *Grid Borneo* dan Sarawak berhasrat untuk menjadi sebuah wilayah yang dikenali sebagai 'Bateri ASEAN'.

Di samping pembangunan Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) di pekan-pekan yang berhampiran dengan sempadan Sarawak-Kalimantan haruslah dinaiktarafkan sebaik-baiknya seperti di Tebedu, Biawak, di Teluk Melano, Badau, Lubok Antu dan juga kawasan-kawasan lain yang menjadi laluan utama pada masa akan datang. Pos-pos keselamatan telah dibina di lokasi-lokasi tertentu di sepanjang sempadan Sarawak-Kalimantan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh kurikulum vokasional Kementerian Pendidikan Malaysia. Sejak awal lagi, tumpuan Kementerian Pendidikan Malaysia adalah kepada pembangunan kurikulum vokasional yang dinamik dan memberi penekanan kepada usaha untuk meningkatkan akses dan kesamaan pembelajaran pada semua pelajar yang mengambil kira kemampuan dan potensi mereka.

#### ■1230

Usaha ini termasuk memperluaskan pengalaman pelajar Kolej Vokasional kepada interaksi formal dan interaksi informal melalui pembelajaran sebenar di bilik-bilik kuliah dan bengkel. Ini sejajar dengan sistem pendidikan masa kini dan arah memenuhi aspek keseronokan dan kebahagiaan pelajar iaitu nilai kasih sayang dan hormat menghormati.

Bertepatan dengan matlamat Transformasi Pendidikan Nasional yang menasarkankan 70 peratus pelajar-pelajarnya akan bekerja, 20 peratus menyambung pengajian dan 10 peratus akan menjadi usahawan, bahkan saya difahamkan dalam tahun 2016 hingga 2020, seramai 54,916 orang graduan telah bergraduasi dan telah berjaya ataupun ada di pasaran pekerjaan sama ada di industri dan menjadi usahawan. Manakala yang lain menyambung pengajian.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara ialah tentang Kolej Vokasional di Sarawak. Sehubungan dengan ini saya meminta Yang Berhormat Menteri Pendidikan supaya mempertimbangkan membina Kolej Vokasional Pertanian di Sarawak kerana kolej seperti ini amat di perlukan di Sarawak memandangkan sektor pertanian merupakan sektor yang penting di negeri Sarawak.

Sarawak sehingga masa ini belum lagi mempunyai Kolej Vokasional Pertanian. Saya juga meminta Kementerian Pendidikan sekiranya Kolej Vokasional Pertanian ini dibina, hendaklah berkonsepkan Kolej Vokasional berasrama. Ini termasuk jugalah kolej-kolej vokasional yang lain kalau dibina hendaklah dibina lengkap dengan asrama, supaya penuntut-penuntut yang tinggal jauh juga mempunyai peluang untuk menuntut di sekolah vokasional yang sama. Ini supaya murid-murid dari Sarawak tidak ketinggalan dalam bidang pendidikan vokasional.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pembelajaran dan pengajaran di rumah memandangkan penyakit COVID-19 ini belum ada pengakhirannya di negara kita pada masa ini. Walaupun kita akan memasuki fasa endemik pada 1 April 2022 ini tetapi ini bukan bererti sistem pembelajaran dan pengajaran di rumah ataupun secara visual tidak boleh di ketepikan pada masa akan datang.

Oleh yang demikian, saya mencadangkan supaya Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa meningkatkan mutu pembelajaran dan pengajaran sama ada secara dalam talian ataupun secara *virtual* setiap masa mungkin proses pembelajaran dan pengajaran ini mungkin tidak berlaku di seluruh negara secara serentak seperti dahulu.

Akan tetapi ia mungkin berlaku di peringkat daerah ataupun di sekolah-sekolah tertentu pada masa akan datang. Pertanyaan saya, adakah sejauh mana langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian untuk meningkat mutu pembelajaran dan pengajaran secara dalam talian ataupun secara *virtual* untuk guru-guru dalam perkhidmatan sekarang mahupun kepada guru-guru yang menjalani latihan di institusi pengajian tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi saya minta supaya murid-murid M40 dan B40 itu kalau boleh teruskan diberi dengan peranti untuk mereka belajar pada waktu ini. Tuan Yang di-Pertua adakah saya- boleh satu sekejap.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kita lepas ini ada untuk menyokong. Jadi masa kita habis pukul satu.

**Dato Zaiedi bin Haji Suhaili:** Okey. Minta saya lima minit.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya sedikit.

**Dato Zaiedi bin Haji Suhaili:** Okey. Satu perkara sering saya bangkitkan di Dewan ini Tuan Yang di-Pertua ialah Rancangan Makanan Tambahan untuk sekolah menengah. Mengenai kebajikan pelajar khususnya anak-anak golongan B40, saya sekali lagi mengulangi saranan saya kepada Kementerian Pendidikan, agar pelajar-pelajar yang belajar di sekolah menengah kerajaan mahupun bantuan kerajaan supaya menikmati kemudahan Rancangan Makanan Tambahan seperti mana yang dinikmati sewaktu menuntut di sekolah rendah.

Saya difahamkan ada juga anak-anak murid kita yang dalam golongan B40 itu tidak mempunyai wang saku harian untuk belanja dan difahamkan ada mereka tidak berkesempatan untuk membeli makanan di kantin dan sebagainya. Ini menyarankan supaya kita kerajaan mempertimbangkan Rancangan Makanan Tambahan untuk anak-anak kita di sekolah menengah.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan kalau mengikut takwim persidangan Dewan Negara ini merupakan persidangan saya yang terakhir kerana saya akan tamat penggal kedua pada bulan Julai nanti. Jadi, mungkin saya tidak kesempatan untuk berbahas secara umum seperti ini. Jadi saya mengambil kesempatan ini Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi membangkitkan beberapa projek yang sering saya utarakan di dalam Dewan dalam perbincangan-perbincangan saya yang lalu di Dewan yang mulia ini, iaitu:

- (i) apakah status perkembangan terkini ke atas kerja-kerja menyiapkan Hospital Petrajaya?;
- (ii) apakah *progress* Pembinaan Projek Hospital Pengajar dan Pusat Kesihatan Prima Universiti Malaysia Sarawak?;

- (iii) adakah kerajaan banyak rancangan ataupun cadangan untuk membina Klinik Kesihatan baru di kawasan Matang Kuching?;
- (iv) apakah status terkini rancangan kerajaan untuk membina baru Akamed Bomba dan Penyelamat Wilayah Sarawak di Kota Samarahan?;
- (v) apakah perkembangan terkini Projek Bina Baru Balai Polis Matang Kuching;
- (vi) apakah kerajaan mempunyai rancangan untuk menjadikan Kompleks dan Pelabuhan Lembaga Kemajuan Malaysia Tanjung Manis dan Tanjung Bako untuk dijadikan sebuah pelabuhan yang kegunaannya secara maksima?;
- (vii) apakah status perkembangan rancangan kerajaan untuk membina sebuah pelabuhan tentera laut di Bintulu dan lain-lain kemudahan tentera udara di Bintulu?;
- (viii) adakah Projek Tebatan Banjir di bawah Projek Lembangan Sungai Sarawak, sejauh manakah *progress* projek ini?;
- (ix) apakah rancangan kerajaan untuk membina sekolah sukan setaraf Sekolah Sukan Bukit Jalil Sarawak?;
- (x) apakah rancangan kerajaan untuk membina sebuah lagi sekolah seni Sarawak memandangkan kekayaan kebudayaan dan kesenian pelbagai kaum etnik di Sarawak patut di pertimbangkan dengan sebuah lagi sekolah seni di luar bandar raya Kuching; dan
- (xi) Projek Perbadanan Pembangunan UDA. Apakah ada projek-projek perbadanan pembangunan bandar ke atas tanah-tanah Persekutuan di Sarawak?.

Tuan Yang di-Pertua saya mengakhiri perbahasan di sini. Akhir kata kita sama-sama berdoa agar negara kita terus diberkati dan di anugerahkan oleh Allah SWT dengan taufik dan hidayah, aman, sentosa serta hidup bersatu di bawah naungannya. Saya menutup perbahasan saya dengan serangkap pantun

*Keluarga Malaysia pokok bicara;  
Seruan berpadu terus bergema.  
Yang terbaik demi mu negara;  
Beginilah hajat dan impian bersama.*

Sekian Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon mencadang. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato Zaiedi bin Haji Suhaili atas cadangan Usul Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong bagi menyokong dan berucap. Dipersilakan.

**12.39 tgh.**

**Datuk Wira Koh Nai Kwong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Pertama saya ingin mengucapkan setinggi tahniah kepada Barisan Nasional kerana berjaya mencapai kejayaan pada PRN Johor baru-baru ini apabila memenangi 40 daripada 56 Kerusi yang dipertandingkan.

Saya berharap dengan mandat bahawa baru yang diberi oleh rakyat dapat digalas dengan penuh dan rasa rendah diri supaya dapat mencapai kejayaan untuk dikongsi bersama rakyat jelata.

#### ■1240

Kestabilan merupakan asas kejayaan seluruh negara dan negeri. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia yang memastikan pilihan raya berlangsung dengan lancar dan teratur.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat hendak buka pelitup muka boleh.

**Datuk Wira Koh Nai Kwong:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, meneliti Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, saya amat menghayati setiap bait perkataan yang dititahkan oleh Seri Paduka Baginda. Baginda menyentuh pelbagai aspek yang dapat menjelaskan kekusaran rakyat pada hari ini. Amat jelas sekali sifat kasih Baginda kepada rakyat jelata.

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menyentuh berkenaan ketahanan menghadapi cabaran COVID-19. Kestabilan politik, aspek vaksinasi rakyat, isu kesihatan mental, pemulihan ekonomi dan pengangguran, merapatkan jurang pembangunan antara bandar dan luar bandar serta pelbagai perkara yang begitu jelas membelenggu rakyat. Apa yang saya dapat rumuskan bahawa Tuanku mahu kita lebih prihatin mengenai perkara yang memberi implikasi kepada rakyat dan negara. Kesejahteraan rakyat harus diutamakan.

Tuan Yang di-Pertua, tahun 2022 menyaksikan pelbagai cabaran baharu yang dihadapi di dalam dan di luar negara. Keregangan di Ukraine akibat tindak balas Rusia, kenaikan harga minyak daripada USD60 se tong pada Mac tahun lepas dan kini pada paras USD103. Malah, pernah mencecah USD120 pada beberapa hari yang lepas. Masalah sekuriti makanan, rantaian bekalan, kekurangan pekerja buruh, paras harga komuniti makanan seperti soya dan gandum yang berada pada paras tinggi yang menyebabkan *feeding cost* untuk ternakan juga terkesan serta kadar inflasi yang meningkat naik kepada 3 peratus.

Cabaran-cabaran yang saya nyatakan dapat disaksikan dengan kenaikan harga barangan dan inflasi. Sebagai rujukan, purata inflasi bagi tempoh tahun 2011 sehingga Januari 2022 ialah sebanyak 1.9 peratus. Namun, berdasarkan data yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, Indeks Harga Pengguna Malaysia telah meningkat sebanyak 2.3 peratus kepada 124.9 pada Januari 2022 berbanding 122.1 pada Januari 2021. Ini menunjukkan kadar inflasi pada data yang lepas telah melepasi purata inflasi bagi tempoh 2011 hingga Januari 2022.

Tuan Yang di-Pertua, peningkatan inflasi ini banyak berkait dengan kehidupan seharian rakyat. Makanan di rumah yang mengandungi bahan mentah untuk memasak meningkat 4.1 peratus. Daging meningkat 7.8 peratus, sayur-sayuran naik lima peratus, susu, keju dan telur pula meningkat 4.7 peratus. Harga ikan dan makanan laut meningkat 4.2 peratus. Ini ialah bahan asas harian atau keperluan, bukannya barang kehendak atau keistimewaan. Kesannya, peniaga-peniaga kecil dan sederhana terpaksa meningkatkan harga jualan atau menanggung kenaikan harga barang yang menyebabkan margin keuntungan mengecil. Apakah pilihan yang mereka ada?

Tuan Yang di-Pertua, kadar pengangguran pula berada pada tahap 4.2 peratus dengan 687,600 orang, mencatat lebih rendah daripada sebelum ini yang pernah mencatat 4.8 peratus pada Jun 2021. Pembukaan kembali sektor ekonomi dan tiada lagi sekatan pergerakan telah mencatatkan kembali perusahaan dan perniagaan serta membolehkan peluang pekerjaan tercipta.

Namun, angka 687,600 orang penganggur masih dalam paras yang merisaukan dan masih boleh ditambah baik lagi. Di bawah Bajet 2022, kerajaan telah menawarkan inisiatif Malaysia *Short-Term Employment Programme* (MySTEP) bakal menawarkan 80 ribu buah peluang pekerjaan secara kontrak dalam sektor awam dan GLC. Sehingga hari ini, sebanyak 2,546 orang peserta telah berjaya ditempatkan.

Saya percaya MySTEP akan mengulangi kejayaan pada tahun 2021 yang telah berjaya mencapai melebihi sasaran apabila menempatkan seramai 63,221 orang pekerja berbanding 50 ribu peluang pekerjaan yang ditawarkan. Selain itu, kekurangan tenaga kerja buruh juga banyak memberikan impak kepada rantaian bekalan. Sektor yang paling terkesan merupakan perladangan kelapa sawit ekoran kebergantungan kepada tenaga buruh asing yang menyebabkan sektor ini mengalami kerugian sebanyak RM20 bilion pada tahun lepas.

Kerajaan sewajarnya dan perlu memandang serius terhadap perkara ini kerana khuatir akan memberi kesan inflasi lebih berpanjangan jika tidak ditangani. Ini adalah kerana dengan berlakunya gangguan terhadap bekalan, akhirnya menyebabkan harga barangan itu meningkat. Harga meningkat pula disebabkan oleh pengeluar atau pengilang tidak mampu membekalkan apa yang diminta oleh pasaran. Malah, warga tempatan tidak menunjukkan minat untuk bekerja di sektor-sektor yang ditinggalkan oleh buruh asing.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menuju ke hadapan, kerajaan perlu memberi penekanan kepada soal berkenaan sekuriti makanan dan rantaian bekalan. Langkah-langkah drastik dan holistik perlu dilakukan untuk mengekang kenaikan harga barangan dan inflasi secepat mungkin. Kenaikan harga barang secara drastik sejak tahun 2020 sehingga hari ini banyak memberi kesan buruk kepada kelangsungan hidup rakyat. Rakyat semakin kesempitan dengan kesan ekonomi akibat COVID-19 yang menyaksikan banyak perniagaan telah bungkus dan hilang mata pencarian. Kita tidak boleh membiarkan rakyat terus terbeban dengan inflasi yang berterusan dan kenaikan harga barang yang tidak nampak penghujung.

#### ■1250

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa perkara yang saya harap kerajaan boleh pertimbangkan. Pertama, bagi pesara yang pencen 10 atau 20 tahun lepas, saya amat berharap kerajaan dapat menilai untuk menaikkan kadar pencen agar selari dengan kos sara hidup pada hari ini. Ini adalah kerana dengan peningkatan kos sara hidup, barangan keperluan dan sebagainya, kita perlu memikirkan nasib pesara yang berada di bawah paras garis kemiskinan yang kesempitan untuk memenuhi keperluan hidup. Kerajaan perlu mengkaji jika ada keperluan untuk meletakkan had pencen minimum agar jasa-jasa pesara yang berhempas pulas berbakti untuk negara dapat dimartabatkan.

Kedua, terlebih dahulu saya ingin berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana membenarkan pengeluaran khas KWSP sebanyak RM10 ribu yang sedikit sebanyak dapat membantu rakyat yang sedang menghadapi kesempitan. Namun, terdapat kegusaran dalam kalangan rakyat mengenai simpanan hari tua mereka, terutama golongan B40 yang tidak mempunyai caruman bulanan yang banyak kerana gaji yang rendah.

Justeru, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan untuk mempertimbangkan penstrukturan semula model KWSP. Cadangan itu termasuk model baharu untuk melibatkan peratusan tetapan pulangan daripada keuntungan dalam GLC, GLIC dan GOC atau pulangan daripada projek nasional tertentu untuk disalurkan kepada KWSP untuk diagihkan kepada rakyat Malaysia yang mencarum dalam skim persaraan itu.

Ini bermakna KWSP tidak perlu bergantung semata-mata kepada pelaburan sendiri untuk pembayaran dividen dan ia mampu membayar dengan lebih tinggi kepada pencarum. Dengan itu, secara tidak langsung mengembalikan keuntungan daripada sumber negara atau pelaburan kepada lebih ramai rakyat Malaysia.

Pada masa ini, pembayaran dividen KWSP kepada pencarum bergantung semata-mata kepada pulangan daripada pelaburan menggunakan dana daripada ahlinya, iaitu pekerja dan majikan.

Menurut kenyataan KWSP baru-baru ini, jumlah pendapatan pelaburan kasar Kumpulan Wang Simpanan Pekerja bagi sembilan bulan berakhir 30 September 2021 meningkat sebanyak 7.7 peratus tahun ke tahun kepada RM48.2 bilion daripada RM44.6 bilion pada tahun sebelumnya. Sebaliknya, PETRONAS telah mencatatkan keuntungan selepas cukai (PAT) sebanyak RM35.2 bilion bagi sembilan bulan pertama tahun 2021 dengan hasil sebanyak RM171.4 bilion. Manakala Khazanah mengisytiharkan dividen RM2 bilion untuk tahun 2020 daripada operasinya.

Oleh itu, suntikan dana daripada GLC, GLIC dan GOC digabungkan akan meningkatkan saluran pendapatan KWSP. Di samping itu, ia meningkatkan lagi dividen kepada ahlinya sebagai langkah jangka terdekat khususnya untuk mengembangkan atau memperbaiki kumpulan sasaran terendah bagi pencarum KWSP melangkaui strategi bantuan COVID-19.

Langkah ini juga akan memberi manfaat kepada mereka yang berpendapatan rendah kerana dana akaun persaraan mereka boleh berkembang lebih cepat dan bukan hanya pada peratusan nombor tunggal biasa dividen yang diberi oleh KWSP.

Tuan Yang di-Pertua, ini juga bermakna kerajaan boleh beralih daripada pemberian wang tunai yang kerap kepada kumpulan berpendapatan sederhana dan rendah. Secara konsepnya, keuntungan daripada sumber negara disalurkan semula kepada rakyat dalam bentuk sumbangan kepada simpanan persaraan.

Ketiga, daripada aspek pengurusan bencana dan banjir di kawasan yang kerap dilanda musibah akibat daripada fenomena perubahan iklim yang berlaku, saya berharap agensi yang berkaitan dapat memperuntukkan dana yang lebih besar untuk melaksanakan penyelidikan dan kajian dalam sistem perparitan dan saluran untuk menaik taraf sistem perparitan yang tidak diselenggarakan dengan baik serta pembangunan tidak terancang memandangkan kebanyakan sistem perparitan sedia ada sudah tidak menampung kapasiti aliran air yang sangat tinggi.

Garis panduan yang diguna pakai bagi menangani banjir perlu diubah berdasarkan faktor perubahan iklim dan taburan hujan luar biasa yang dijangka meningkat pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

## 12.56 tgh.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Wira Koh Nai Kwong atas perbahasan menyokong tadi.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Usul berbunyi,

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

*“Ampun Tuanku,*

*Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara dalam persidangan Parlimen memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih ke atas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Kelima, Parlimen Yang Keempat Belas.” [28 Februari 2022]*



Dikemukakan kepada Majlis sekarang, dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, untuk perbahasan ini saya memberi masa selama 18 minit untuk Ahli-ahli Yang Berhormat membahaskan Usul tersebut.

Untuk itu, saya ingin menyatakan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat yang akan mengambil bahagian dalam perbahasan ini iaitu:

- (i) Yang Berhormat Senator Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi;
- (ii) Yang Berhormat Senator Puan Fadhlina binti Dato' Sidek;
- (iii) Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa;
- (iv) Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai;
- (v) Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahmad bin Yahaya;
- (vi) Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad;
- (vii) Yang Berhormat Senator Puan Noraini binti Idris;
- (viii) Yang Berhormat Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff;
- (ix) Yang Berhormat Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz;
- (x) Yang Berhormat Senator Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya;
- (xi) Yang Berhormat Senator Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip;
- (xii) Yang Berhormat Senator Dr. Ahmad Azam bin Hamzah; dan
- (xiii) Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook.

Jadi, Yang Berhormat- untuk makluman semua, kita akan berakhir nanti pada jam 5.30 petang. Jadi, kita akan berhenti. Mana yang ada kesempatan, Ahli-ahli Yang Berhormat semasa buat perbahasan. Kalau katakan sampai lapan orang, lapan oranglah. Kalau- kita akan boleh sambung kerana perbahasan ini akan bermula pada hari ini 21 Mac 2022 sehingga 23 Mac 2022, nanti.

Untuk itu Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang. Terima kasih.

***[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari]***

***[Mesyuarat disambung pada pukul 2.30 petang]***

■1430

***[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]***

**2.30 ptg.**

**Tuan Yang di-Pertua:** *Alhamdulillah*, kita sambung persidangan dan setelah pernyataan lisan diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara sebentar tadi.

Saya dengan sukacitanya menjemput Yang Berhormat Senator Datuk Ras Adiba Mohd Radzi untuk menyampaikan ucapan. Lapan belas minit.

### 2.33 ptg.

**Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.*

Pertamanya saya menjunjung kasih di atas Titah Diraja yang telah disampaikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang pada hemat saya telah merangkumi segala isu utama buat rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, reformasi polisi dan undang-undang. Saya ingin mulakan pada hari ini dengan menyatakan kekecewaan yang dihadapi oleh komuniti OKU terhadap penguatkuasaan dan perlindungan mengikut lunas undang-undang.

Kini sudah lebih enam dekad merdeka tetapi sehingga saat ini, kami OKU masih tidak merasai kemerdekaan itu dan terus hidup dalam dunia yang penuh diskriminasi. Pertama saya memohon agar Jabatan Perdana Menteri dapat melakukan pindaan kepada Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan. Mohon sertakan ketidakupayaan sebagai salah satu elemen dalam Fasal (2) Perkara 8, Perlembagaan Persekutuan. Ini adalah bagi memastikan supaya tidak ada diskriminasi berlaku terhadap komuniti saya. Seterusnya, adalah mengenai pindaan Akta OKU 2008. Walaupun sudah lebih tiga tahun sejak diumumkan, cadangan pindaan Akta OKU 2008 masih tidak lagi dibentangkan di Dewan Rakyat mahupun di sini, di Dewan Negara.

Sudah pun tiga buah kerajaan berubah tetapi perkara ini masih tidak dilaksanakan. Adakah kerajaan tidak serius dalam soal penguatkuasaan dan perlindungan terhadap OKU? Berikut merupakan cadangan saya ke arah penyelarasan segera Akta OKU 2008 dengan CRPD, dengan izinnya, *Convention on the Rights of Persons with Disabilities* atau Konvensyen Mengenai Hak OKU. Memperkukuh dan mengemas kini takrifan ketidakupayaan untuk membenarkan kemasukan kumpulan seperti berikut, penghidap *dementia* dan ketidakupayaan berkaitan penuaan lain, penyakit jarang jumpa, ketidakupayaan psikososial, kepelbagaian saraf dan ketidakupayaan sementara. Sertakan takrif diskriminasi dan gangguan, wujudkan remedi bagi mereka yang terjejas oleh diskriminasi dan gangguan, memperkenalkan penalti yang tinggi kepada yang tidak mematuhi peruntukan akta.

Selain itu, saya ingin mencadangkan agar kerajaan memperkenalkan beberapa usaha tertumpu dan peraturan bagi pelaksanaan hasrat serta niat sebenar Akta OKU dan CRPD. Memperkenalkan mekanisme untuk penguatkuasaan hak OKU termasuk dan tidak terhad kepada sistem tribunal dengan kehadiran dan kuasa negeri serta tempatan untuk menangani rungutan dan menangani pelanggaran hak OKU, memansuhkan semua klausa penyingkiran termasuk dan tidak terhad pada seksyen 41, dan 42 Akta OKU 2008 yang menghalang dan melindungi penjawat awam daripada di saman- menubuhkan Suruhanjaya Orang Kurang Upaya yang bebas dan punyai kuasa.

Tuan Yang di-Pertua yang saya hormati, kelemahan dan kerapuhan Akta OKU 2008 semakin jelas apabila sejak kebelakangan ini ramai individu di luar sana terus menerus mempersendakan dan mendiskriminasikan OKU.

Saya ingin bertanya kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK), apakah tindakan tegas yang telah diambil oleh pihak kementerian dalam perkara seperti ini serta apakah usaha mereka bagi memastikan perkara sebegini tidak berlaku dan tidak berulang-ulang lagi berlaku? Saya ingin tegaskan di dalam Dewan ini, berlakon seperti OKU untuk menjadi popular untuk menjadi terkenal atau sebagai kandungan untuk media sosial merupakan satu perbuatan yang amat keji dan jijik. Ini kerana OKU juga mempunyai hati dan perasaan dan sensitiviti yang harus dihormati oleh ke semua segmen masyarakat.

Saya juga ingin bertanya kepada Kementerian Komunikasi dan Multimedia (K-KOMM), jumlah laporan yang telah diterima oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) berkenaan perbuatan memalukan keadaan fizikal atau kekurangan seseorang terutamanya melibatkan OKU bagi tahun 2011 sehinggalah 2021.

Apakah tindakan kementerian itu sendiri untuk memastikan perbuatan mempersendakan OKU tidak berleluasa di media sosial?

Adakah K-KOMM juga mempunyai sebarang perancangan bagi meminda seksyen 233 (1)(b), Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dengan hukuman yang lebih berat kepada individu yang mempersendakan fizikal seseorang.

Seterusnya, adalah berkenaan Pelan Tindakan OKU. Tahun ini merupakan tahun terakhir bagi pelaksanaan Pelan Tindakan OKU 2016-2022. Oleh itu, saya memohon kementerian untuk membentangkan secara terperinci perkara-perkara berikut. Peratus pencapaian secara keseluruhan dan mengikut kementerian, agensi berkenaan, inisiatif atau tindakan yang masih gagal dilaksanakan serta punca kepada kegagalan dalam melaksanakan perkara tersebut, jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan oleh kerajaan bagi melaksanakan inti pati yang digariskan dalam Pelan Tindakan OKU.

Adakah kerajaan akan memperkenalkan pelan tindakan baru bermula tahun 2023 dan apakah tindakan yang telah dimulakan oleh kementerian bagi menghasilkan perkara tersebut?

Saya ingin mengutarakan bahawa satu pelaksanaan holistik dan realistik perlu dilakukan dalam mewujudkan Pelan Tindakan OKU yang baru serta kementerian wajib membentangkan hasil pencapaian atau status semasa kepada Parlimen Malaysia setiap tahun. Tuan Yang di-Pertua, memperkasa ekonomi dan pekerjaan OKU.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menjanjikan bahawa dasar pengambilan satu peratus OKU dalam sektor kerajaan akan dijayakan sebelum hujung tahun ini. Kita sedia maklum bahawa ini merupakan salah sebuah dasar yang terbengkalai lebih tiga dekad akibat kurang perhatian serius diberikan oleh agensi kerajaan. Mengapakah begitu? Bukankah kita tidak sedar bahawa kita akan menjadi OKU suatu hari nanti, termasuk kita di dalam Dewan Negara ini.

Jadi saya ingin bertanya, apakah status semasa pelaksanaan perkara ini dan mohon nyatakan mengikut kementerian dan kerajaan negeri serta apakah tindakan agresif yang bakal diambil oleh kerajaan bagi memastikan dasar ini dapat dilaksanakan pada tahun ini?

#### ■1440

Tuan Yang di-Pertua, sehingga hari ini masih tidak dilantik lagi seorang wakil dalam Majlis Pekerjaan Negara, walaupun perkara ini telah saya utarakan sebelum ini di Dewan yang mulia kita ini. Adalah penting untuk kita mempunyai seorang wakil OKU dalam Majlis Pekerjaan Negara bagi memastikan soal mengatasi pengangguran dan pewujudan pekerjaan kepada OKU dapat dilakukan dengan baik. Adakah kerajaan baharu di bawah pimpinan Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob akan melantik seorang OKU dalam majlis berkenaan? Saya akan tunggu, saya akan lihat dan saya akan ingatkan juga.

Pandemik COVID-19 dan ketidakpastian ekonomi telah menyebabkan ramai di luar sana termasuk kami hilang sumber pendapatan termasuk pekerjaan. Ini tidak terkecuali kami daripada tujuh kategori OKU. Oleh itu saya ingin bertanya beberapa persoalan kepada Kementerian Sumber Manusia. Berapakah jumlah dan peratus OKU yang masih menganggur? Apakah tindakan yang telah diambil oleh kementerian bagi menurunkan kadar pengangguran di kalangan OKU? Berapakah jumlah pekerjaan baharu yang telah diwujudkan kepada kami bagi tahun 2011-2021 serta apakah jumlah mereka yang telah menerima manfaat melalui program kementerian seperti *MYFutureJobs* dan lain-lain?

Tuan Yang di-Pertua yang kami sayangi, OKU mesti diberi peluang seperti orang yang bukan OKU juga, daripada segi pekerjaan menceburi bidang yang dikehendaki dan diminati serta mengasah bakat mereka, bukanlah bantuan kewangan semata-mata.

Masyarakat perlu berfikir terbuka apabila ingin memberi peluang kepada komuniti OKU kerana kami sebenarnya berhadapan halangan seribu kali ganda, lagi sukar, lebih sukar berbanding dengan individu bukan OKU.

Saya pohon dan menyarankan masyarakat berikan peluang kepada kami untuk menjadi diri kami sendiri kerana setiap daripada kami adalah luar biasa dan mempunyai bakat yang berbeza-beza. Kementerian lain mesti bertindak proaktif tanpa menunggu arahan KPWKM dalam menyediakan dasar, polisi atau pelan pembangunan OKU dalam pelbagai sektor. Isu OKU tentu sekali merentas kementerian. Jadi OKU bukan sahaja kumpulan fokus KPWKM tetapi kumpulan fokus kepada semua kementerian.

Pohon jangan bersikap dingin terhadap kami, usah berdiskriminasi terhadap kami. Saya beri contoh, Kementerian Pengajian Tinggi jaga soal menjaga kebajikan mahasiswa OKU, Kementerian Pendidikan Malaysia menguruskan murid berkeperluan khas (MBK), Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MOA) fokus melahirkan petani dan agropreneur OKU. Kementerian Belia dan Sukan (KBS) bersama Majlis Belia Sukan menjaga kebajikan dan kepimpinan belia OKU dan juga atlet-atlet negara. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) memastikan bangunan dan infra yang mesra OKU dan kementerian-kementerian yang lain juga punyai peranan yang sama penting dalam kita memperkasakan OKU. Sekali lagi saya ingatkan, setiap daripada kita suatu hari nanti akan menjadi OKU.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan agar Kementerian Sumber Manusia mewujudkan Pelan Tindakan Pekerjaan Orang Kurang Upaya. Pelan seperti ini telah pun ada di negara luar seperti New Zealand, juga saya sarankan diwujudkan PWD ataupun, dengan izin, *Persons with Disabilities, Employment and Employability Centre* di setiap negeri. Saya turut ingin bertanya kepada Kementerian Kewangan, adakah usaha kementerian bagi memastikan kesemua syarikat yang dikuasai bumiputera dan kerajaan, *Government-Linked Company* (GLC), dengan izin, juga diteka terlepas dalam mengambil OKU untuk bekerja dan apakah dasar satu peratus pengambilan OKU akan diperluaskan juga kepada GLC? Saya doakan dan harap-harap begitulah.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu ramai usahawan OKU mempunyai potensi yang begitu tinggi tetapi tidak diberikan peluang atau bantuan intervensi. Apakah langkah yang telah diambil oleh Kementerian Pembangunan Usahawan bagi lebih melahirkan lebih ramai usahawan OKU serta adakah terdapat sebarang pelan strategik mengenai soal ini? Berapakah jumlah usahawan OKU yang telah menerima manfaat dari pelbagai geran usahawan di bawah kementerian dan agensi kerajaan bagi tahun 2011-2021?

Seterusnya adalah berkenaan MITRA. Akan tetapi pertanyaan saya tidaklah sehangat di Dewan Rakyat. Semua sedia maklum bahawa MITRA memberi fokus kepada elemen pembangunan sosioekonomi masyarakat India. Jadi, saya ingin bertanya, jumlah OKU masyarakat India yang telah menerima manfaat melalui program dan geran MITRA ini, serta apakah usaha kementerian bagi memastikan OKU masyarakat India tidak terpinggir?

Tuan Yang di-Pertua, kesihatan tiang kesejahteraan. Saya menyambut baik usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan pada hujung tahun lepas yang bersetuju memansuhkan seksyen 309 Kanun Keseksaan bagi membabitkan cubaan bunuh diri sebagai satu jenayah. Ramai yang bunuh diri kerana mempunyai kesihatan mental serius. Pandemik COVID-19 telah menyebabkan ramai daripada kita terkesan dengan penyakit kesihatan mental.

Dalam Belanjawan 2022 juga diberikan peruntukan kepada kesihatan mental, juga diberikan peruntukan kepada OKU. Saya ingin bertanya kepada Kementerian Kesihatan, adakah perkara yang telah dilakukan oleh kementerian dalam mengatasi masalah kesihatan mental serta nyatakan jumlah yang terkesan akibat penyakit mental bagi tahun 2011-2021 secara terperinci mengikut negeri, jantina, umur dan bangsa.

Apa tindakan kementerian berkenaan dalam situasi yang begitu serius ini kerana sekiranya tiada ingin saya cadang untuk diwujudkan Institut Kesihatan Mental yang telah dicadangkan sekian lama tetapi tidak jadi-jadi.

Namun masih belum diberi perhatian dan tidak diberi perbincangan untuk kita lakukannya dengan serius. Apakah status Pusat MENTARI di negara ketika ini dan berapakah jumlah yang telah menerima manfaat melalui pusat ini? Apakah tindakan kementerian bagi memastikan sekurang-kurangnya terdapat dua Pusat MENTARI di setiap negeri?

Tuan Yang di-Pertua, ketika pandemik ini saya ingin berkongsi. Saya mempunyai sahabat-sahabat yang bukan daripada kategori mental tetapi menjadi OKU mental dan saya mempunyai sahabat-sahabat yang OKU mental yang duduk di tepi jalan dan apabila mereka dalam keadaan yang tidak boleh makan, tidak boleh menjaga diri mereka lagi, mereka dibawa ke hospital. Mereka akan duduk di hospital itu beberapa minggu, kemudian dilepaskan keluar, kembali di jalan. Mereka tiada tempat untuk rehat, tiada tempat untuk berteduh. Ada kalanya mereka tidak dapat menguruskan diri mereka sendiri dan memakan najis mereka sendiri.

Kita mempunyai masalah yang serius di dalam negara kita ini mengenai pesakit mental dan OKU mental. Justeru, saya pohon agar bukan saya sahaja tetapi semua sahabat di dalam Dewan Negara ini untuk berhenti sejenak dan memikirkan apa yang telah saya utarakan.

Selain itu pendanaan sistem penjagaan kesihatan juga hendaklah bersifat komprehensif dan inklusif merangkumi pelbagai keperluan, termasuklah skop-skop berikut. Pembinaan dan pengubahsuaian perkakasan-perkakasan kesihatan boleh diakses untuk pelbagai kategori pengguna termasuklah pemberian peralatan kepada klien yang tidak berkemampuan. Melatih dan menghasilkan kepakaran spesifik yang diperlukan oleh pelbagai kategori OKU termasuklah dalam bidang kesihatan mental, rehabilitasi, penyakit kronik, penyakit jarang jumpa serta pengurusan sakit ataupun, dengan izin, *pain management*.

Pembinaan sistem pengumpulan dan silang semak data berencam, dengan izin, *disaggregated data*. Satu lagi perkara yang masih menjadi beban kepada komuniti kami Tuan Yang di-Pertua adalah berkenaan insurans. Kami susah hendak ambil insurans. Terdapat beberapa program perlindungan sosial berbentuk insurans kesihatan yang telah diperkenalkan oleh kerajaan Malaysia seperti PeKa B40 dan mySalam. Terdapat juga program insurans khusus diperkenalkan untuk OKU yang dikendalikan oleh institusi perbankan serta syarikat insurans.

Walau bagaimanapun, program-program Insurans ini terhad daripada segi skop liputan. Antara pembaharuan yang sangat kritikal termasuklah bantuan perlindungan kesihatan mental, bantuan perkhidmatan dan teknologi rehabilitasi, pembelian alat bantu sosial dan kesihatan serta pembelian ubat-ubatan kritikal. Saya juga berharap agar kerajaan dapat meluaskan skop liputan kepada semua kategori dan memasukkan juga penyakit jarang jumpa.

Tuan Yang di-Pertua, bulan Januari yang lalu, Menteri Kesihatan telah mengumumkan penubuhan Suruhanjaya Pembaharuan Penjagaan Kesihatan bukan partisan bagi memacu pembaharuan dalam sektor kesihatan negara. Saya sungguh berharap agar kerajaan dapat melantik wakil OKU dalam suruhanjaya ini. Saya juga menyambut baik pengumuman mengenai penyediaan satu Kertas Putih KKM bagi membolehkan reformasi kesihatan. Dalam kertas putih ini saya sungguh berharap agar KKM dapat menggaris dan memfokuskan berkenaan perkara-perkara berikut. Usaha dan inisiatif bagi membantu mengurangkan kos perubatan penyakit jarang jumpa, mewujudkan dua buah institut baharu, 'Institut Penyakit Jarang Jumpa' dan 'Institut Kesihatan Mental', pengenalan dasar penyakit jarang jumpa, pelan bagi melahirkan lebih ramai pakar genetik.

## ■1450

Untuk pengetahuan kita semua di dalam Dewan yang mulia ini, penyakit jarang jumpa ada di antaranya Tuan Yang di-Pertua, memerlukan RM1 juta atau RM3 juta untuk hidup setahun. Saya menggesa kerajaan untuk mewujudkan perkhidmatan ubat genom atau dikenali sebagai *genomic medicine service*, dengan izin, yang boleh menyepadukan teknologi genomik termasuk penjujukan keseluruhan genom ke dalam penjagaan klinikal. *United Kingdom* telah melakukan hal ini. Justeru Malaysia harus lancarkannya juga.

Tuan Yang di-Pertua, kita mesti pimpin dunia dalam penggunaan data dan teknologi untuk mencegah penyakit bukan hanya merawatnya. Kita telah melakukannya untuk COVID-19. Dengan membentuk GMS ini, kita boleh mendiagnosis keadaan sebelum simptom berlaku dan memberikan rawatan yang diperibadikan. Dimaklumkan bukan sahaja melalui pemahaman umum kita tentang penyakit tetapi oleh data perubatan peribadi kami yang tidak kenal pasti termasuk genetik. Banyak lagi yang ingin saya berceritakan di sini namun kita tidak mempunyai banyak masa tetapi antaranalah akses kepada pendidikan inklusif dan pemeraksanaan OKU dalam bidang STEM iaitu sains dan teknologi.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap kerajaan dapat menambah bilangan ahli profesional, ahli terapi cara kerja, ahli terapi pertuturan dan ahli psikologi pendidikan dalam Kementerian Pendidikan Malaysia kerana murid-murid berkeperluan khas memerlukan perkhidmatan ini. Cara terbaik untuk mewujudkan persekitaran inklusif OKU adalah dengan bertanya kepada OKU itu sendiri. Tanya kepada saya, saya di sini. Jangan tanya orang yang bukan OKU kerana mereka tidak tahu, *nothing about us without us*. Tiada mengenai kami tanpa kami.

Dengan itu, saya akhiri perbahasan ini dengan ucapan terima kasih. Terima kasih kerana sudi memberikan saya peluang ini dan saya mengucapkan juga Selamat Hari Down Sindrom Sedunia. Saya menyokong usul ini. Assalamualaikum, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi.

Teruskan kepada Yang Berhormat Senator Puan Fadhlina binti Dato' Sidek.

## 2.52 ptg.

**Puan Fadhlina binti Dato' Sidek:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Pertamanya, saya ingin mengucapkan terima kasih dan merafakkan kesyukuran dan menjunjung sepenuhnya tidak ke Bawah Duli Yang Maha Mulia berkaitan dengan ucapan dan perbahasan pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mulakan perbahasan pada petang ini dengan mengucapkan sekali lagi Selamat Hari Wanita Sedunia. Tema yang dibawakan pada tahun ini adalah '*Hentikan Stereotaip*' tetapi saya ingin tambah sedikit berbalik kepada isu-isu yang berlaku dalam negara terkait dengan isu-isu wanita juga perlu dan ada keperluan untuk menghentikan intimidasi terhadap suara dan hak wanita. Bagaimanakah sebenarnya kita nak meraikan Hari Wanita Sedunia ini Tuan Yang di-Pertua? Kita perlu lihat, melakukan refleksi dan komitmen serta iltizam untuk terus memartabatkan wanita dalam negara.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia telah memulakan dengan satu pernyataan yang cukup tepat apabila Tuanku menyentuh keperluan 30 peratus wanita yang perlu ditetapkan sekurang-kurangnya hendaklah diteruskan demi mengiktiraf peranan dan sumbangan wanita dalam urusan pembangunan negara. Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan-ucapan saya sebelum ini dalam Dewan ini, saya telah pun menyebut beberapa kali bahawa Dewan Negara masih gagal menterjemahkan komposisi 30 peratus wanita dalam Dewan Negara ini.

Perkara 45(2) Perlembagaan Persekutuan, Tuan Yang di-Pertua, telah merujuk bahawa ada keperluan-keperluan pelantikan Ahli Dewan Negara dengan merujuk kepada kelayakan-kelayakan tertentu. Tuan Yang di-Pertua, takkanlah tidak ada wanita yang telah memberikan perkhidmatan awam yang cemerlang.

Takkan lah tidak ada wanita yang telah mencapai keunggulan dalam profesion, kebudayaan, perkhidmatan sosial dan mewakili ras minoriti. Jika bukan Dewan ini yang memulakannya Tuan Yang di-Pertua, saya fikir Titah ini kena ataupun mesti segera direalisasikan bermula dengan Dewan ini. *This House*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *this House should be the catalyst*. Harus menjadi perintis *the 30 percent of the woman composition should start from this House*. Bahawa 30 peratus komposisi wanita ini harus bermula daripada Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telah memenangi kerusi hak asasi kemanusiaan bagi tempoh tahun 2022 sehingga tahun 2024 yang mana Malaysia telah memberikan aku janji untuk saya petik sekali lagi Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, *to strengthen effort to achieve gender equality, women empowerment and eliminate violence against women*. Ini merupakan Akujanji Malaysia ketika memenangi kerusi hak asasi kemanusiaan ini. Persoalannya Tuan Yang di-Pertua, yang ingin saya tujukan kepada Yang Berhormat Menteri dan kementerian yang berkaitan. Adakah kita telah benar-benar beriltizam untuk melunaskan aku janji ini kerana ketika ini iltizam ini sepertinya tidak kelihatan.

Saya bawakan contoh Tuan Yang di-Pertua, dalam kes warganegara kanak-kanak yang lahir di luar negara yang ibunya merupakan warganegara Malaysia. Kita bukan sahaja ketika ini mereka berhadapan dengan prosiding mahkamah yang cukup panjang dan tidak berkesudahan tetapi dalam masa yang sama, mereka telah dinafikan hak-hak asasi mereka dalam negara.

Saya ambil maklum jawapan-jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri baik Yang Berhormat Timbalan Menteri yang tidak ada seorang pun dalam Dewan ketika ini bahawa mereka menyebut antara inisiatif yang telah pun dilaksanakan, pertamanya membawa perkara ini kepada Majlis Raja-Raja dan juga jawapan yang telah pun kita hafal bahawa mereka menjawab mereka terikat dengan Perlembagaan dan sumpah jawatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengingatkan bahawa dalam Dewan ini, semua orang terikat dengan Perlembagaan, dan sumpah jawatan dan antara sumpah jawatan kita juga adalah untuk mempertahankan hak asasi setiap manusia dalam Malaysia dan hak warganegara dalam Malaysia ini dan itu menyebabkan bahawa kita mesti memastikan bahawa kanak-kanak ini diberikan hak asasi mereka demi kelangsungan hidup, hak kesihatan dan hak pendidikan. Sampai bila isu ini harus berlarutan Tuan Yang di-Pertua. Apakah solusi-solusi yang telah pun disediakan sebenarnya?

Jadi soalan saya kepada kementerian sekali lagi, adakah solusi kepada hak kelangsungan kanak-kanak ini di Malaysia sementara menunggu permohonan mereka diselesaikan dan mendapat jawapan daripada kerajaan berkaitan status warganegara mereka. Yang kedua, apakah Jawatankuasa Panel Kewarganegaraan telah pun membuat ketetapan yang jelas? Apakah dokumen-dokumen sokongan? Ada dokumen-dokumen tambahan dan mengapa syarat begitu sukar untuk mendapatkan penjelasan yang standard dalam urusan-urusan dokumentasi permohonan kanak-kanak ini khususnya bagi permohonan kewarganegaraan.

Tuan Yang di-Pertua, Artikel 8(2) Perlembagaan Persekutuan menjamin bahawa tiada diskriminasi berasaskan gender. Jadi, sekiranya Hari Wanita Sedunia ini kita tidak ada komitmen kepada isu-isu yang berkaitan dengan kesaksamaan gender ini, apalah ertinya menegakkan Perlembagaan khususnya Artikel 8(2) yang memang telah menyebut secara terang bahawa tiada diskriminasi berasaskan gender.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang seterusnya masih lagi di bawah tajuk yang sama yang berkaitan dengan wanita dan kanak-kanak adalah berkaitan pengislaman kanak-kanak secara sebelah pihak. Tuan Yang di-Pertua, isu ini cukup jelas pasca keputusan kes Indira Gandhi bahawa pengislaman kanak-kanak secara sebelah pihak adalah tidak berperlembagaan dan mesti diputuskan secara bersama oleh ibu dan bapa. Dalam keputusan kes Indira Gandhi tersebut, mahkamah telah merujuk kepada dua prinsip Islam yang paling asas dalam mengurus konflik kekeluargaan iaitu yang pertama, *assyyura* ataupun *consultation* ataupun konsultasi... [*Bercakap dalam bahasa Arab*] Dan kedua adalah, ataupun *justice* iaitu keadilan.

Jadi persoalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah kerajaan berhasrat untuk meminda seksyen 95(B), Akta Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Wilayah Persekutuan dan seterusnya menerajui keseragaman undang-undang di setiap negeri khususnya untuk melindungi hak kanak-kanak dan juga memastikan bahawa kebajikan mereka terpelihara dengan memastikan bahawa urusan-urusan yang terkait rapat dengan pengislaman kanak-kanak ini dapat diseragamkan dan tidak lagi menimbulkan konflik-konflik kekeluargaan di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya masih lagi di bawah topik yang sama. Saya ingin menyentuh isu berkaitan Rang Undang-undang Anti Gangguan Seksual.

#### ■1500

Selepas lebih dua dekad perjuangan rang undang-undang ini, akhirnya di atas meja kita tiba rang undang-undang ini untuk dibahaskan. Akan tetapi ada beberapa perkara yang merunsingkan saya, Tuan Yang di-Pertua. Apabila meneliti rang undang-undang ini, khususnya sama ada kita betul-betul serius untuk memastikan rang undang-undang ini menjadi satu kenyataan. Antara perkara yang saya bimbang Tuan Yang di-Pertua adalah pertamanya, berkaitan dengan definisi gangguan seksual itu sendiri.

Perluasan definisi gangguan seksual ini berdasarkan rang undang-undang yang sedia ada, tidak lengkap. Ia harus diperluaskan dengan mengambil kira *the best practice*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, yang juga menjadikan amalan-amalan terbaik dalam memastikan rang undang-undang ini akan menjadi rang undang-undang yang efektif dan efisien dalam masyarakat.

Saya juga perlu ingatkan kepada rakan-rakan saya di dalam Dewan ini bahawa gangguan seksual ini ialah kendala demokrasi. Sekiranya ia tidak dihentikan segera, mana mungkin kami wanita Ahli Dewan Negara yang dilantik ini mempunyai suara dan tidak diganggu dalam urusan-urusan menyampaikan suara rakyat. Oleh sebab itu, saya kata Tuan Yang di-Pertua, gangguan seksual ialah kendala demokrasi yang akan menghentikan suara wanita untuk terus mewakili rakyat.

Kedua adalah bagaimana rang undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua, yang tidak bersifat *victim centric*, dengan izin. Masih lagi tidak menumpukan kepada perlindungan-perindungan kepada pemandiri gangguan seksual. Ini menyebabkan rang undang-undang ini mesti diteliti secara terperinci supaya hak pemandiri ini dapat dibela, bukan sahaja dengan kewujudan tribunal tetapi juga hak-hak yang lain. Termasuklah hak mereka untuk mendapatkan wakil yang boleh memastikan mereka dibela di dalam tribunal.

Kemudian, mereka juga mestilah dilindungi daripada sebarang yang kita panggil sebagai perlindungan kepada pengadu daripada dianiaya dan juga yang kita panggil sebagai tanggungjawab rehabilitasi dan juga pihak pengadu untuk menghadiri program-program sokongan-sokongan sosial dengan syarat pengadu memberikan izinnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyebut beberapa nama wanita yang telah pun- yang kita sebut sebagai keperluan menghentikan intimidasi terhadap mereka ini.



Pertama ialah adik Ain Husniza Saiful Nizam yang bercakap tentang gangguan seksual; kedua ialah Lalitha Kunaratnam yang telah sekurang-kurangnya memberikan kita satu isyarat bahawa berlaku sesuatu yang dinamakan sebagai konflik kepentingan dalam isu rasuah; dan ketiga, Shariffa Sabrina Syed Akil yang telah secara lantang bercakap tentang kepentingan memelihara kelestarian alam dan cukup keras mengkritik aktiviti pembalakan.

Tuan Yang di-Pertua, apabila Titah Ke bawah Duli menyentuh Rang Undang-undang Akta Gangguan Seksual ini, sewajarnya kita mengambil pendekatan bahawa perlunya ada peruntukan khusus yang terkait rapat dengan keperluan membina ekosistem selamat untuk wanita Malaysia. Sangat penting ketika ini kerajaan mengambil ketetapan dan keseriusan bahawa tidak boleh menormalisasikan keganasan terhadap wanita, baik di rumah ataupun di mana sahaja mereka berada. Kefahaman tentang gender ini Tuan Yang di-Pertua, mesti dipertingkatkan.

Saya fikir tidak adil untuk kita hanya bercakap dan menggunakan terminologi gender ini dalam laporan-laporan, dalam *Hansard*, tetapi gagal memahami bagaimana sebenarnya kesaksamaan gender ini benar-benar dapat memanfaatkan keseluruhan komuniti dalam masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, saya seterusnya ingin menyentuh sedikit tentang kesihatan mental yang mana Pelan Strategik Kesihatan Mental telah pun disentuh oleh Ke bawah Duli Yang Amat Mulia dalam ucapan ini. Soalan saya, apakah akses terhadap golongan terpinggir? Bagaimana pelan strategik ini dapat mengurangkan kesenjangan akses kepada golongan B40, khususnya terkait rapat dengan akses fasiliti, perkhidmatan intervensi dan juga rawatan perubatan? Saya juga ingin bertanya kepada kementerian yang berkaitan, adakah tindakan pemansuhan seksyen 309 ini, berkaitan dengan percubaan bunuh diri, apakah sudah dilaksanakan moratorium terhadap seksyen 309 ini untuk menangguk semua pendakwaan di bawah seksyen 309?

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh sedikit berkaitan dengan perubahan iklim dan wangsa kemanusiaan. Dalam kenyataan Dasar Perubahan Iklim Negara telah dinyatakan bahawa memastikan pembangunan yang berdaya tahan terhadap perubahan iklim bagi memuktamadkan aspirasi negara dalam menerajui kelestarian. Prinsip dalam dasar perubahan iklim ini merupakan pembangunan secara lestari iaitu mengintegrasikan respons perubahan iklim ke dalam Pelan Perancangan Negara bagi memenuhi aspirasi ke arah mencapai pembangunan lestari.

Soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, kepada kementerian yang berkaitan. Adakah kita benar-benar memahami soal pembangunan lestari ini dan kaitannya dengan *survival* hidup nelayan-nelayan, khususnya ataupun sebagai contoh di kampung nelayan Tanjong Tokong, Pulau Pinang yang berhadapan dengan dwi ancaman, Tuan Yang di-Pertua? Ancaman yang pertama ialah pembangunan yang menghakis budaya, tempat tinggal dan hak asasi mereka sebagai komuniti nelayan. Ancaman kedua ialah kesan perubahan iklim dilihat sebagai contoh hakisan pantai, ribut dua kali sekurang-kurangnya setahun dan juga sumber mata pencarian yang semakin susut.

Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir ingin saya sentuh pastilah berkaitan dengan rasuah dan tadbir urus. Di sebalik kegawatan ekonomi, kepincangan ekonomi dan juga kesukaran-kesukaran yang kita sedang lalui pasca pandemik ini, Tuan Yang di-Pertua. Bukan sahaja- sebenarnya ada krisis lain yang lebih mendasar. Apa yang sedang terjadi, bukan hanya krisis kewangan, krisis ekonomi tetapi yang lebih serius adalah yang kita panggil sebagai krisis kemanusiaan. Sekiranya dalam konteks ekonomi, semua orang berbicara tentang fiskal defisit, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin.

Akan tetapi sebenarnya kita juga berhadapan dengan satu lagi defisit yang sangat kritikal iaitu, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, moral defisit. Sebenarnya moral defisit ini juga seolah-olah telah pun mengambil banyak ruang dalam kehidupan seharian kita.

Apabila kita terpaksa berhadapan dengan pelbagai amalan yang tidak bermoral secara berleluasa. Kita berhadapan dengan rasuah, kita berhadapan dengan penipuan, kita berhadapan dengan keserakahan, penindasan, pemerasan, pembolotan dan semua kebiadaban ekonomi yang telah meruntuhkan sistem sosial dalam masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan bahawa di kalangan pemimpin negara, kita perlu melihat kembali bahawa isu moral defisit ini harus segera ditangani secara serius. Sebaik mana pun model ekonomi yang kita tawarkan, sebaik mana pun MOU yang kita tandatangani tetapi sekiranya rasuah, penipuan, kecurangan dan penyakit-penyakit moral masih berleluasa dan membudaya, kita tidak ada masa hadapan untuk Malaysia ini, Tuan Yang di-Pertua.

Saya juga ingin menegaskan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa walaupun kita telah mengambil pendekatan dengan melihat kepada isu dan Pelan Anti Rasuah Negara. Soalan saya kepada kementerian yang berkaitan. Adakah inisiatif yang mereka harus tangani dengan segera apabila indeks persepsi rasuah telah menjadi indeks yang menunjukkan bahawa Malaysia seolah-olah telah terlibat dengan skandal-skandal, kecurangan-kecurangan ekonomi dan juga yang telah akhirnya melibatkan rakyat menerima impaknya?

Soalan saya yang kedua, adakah Pelan Anti Rasuah Negara ini benar-benar mencapai prinsip yang boleh membetulkan kompas moral kita, Tuan Yang di-Pertua? Moral kompas kita dalam isu rasuah tadbir urus ini mesti segera ditangani. Kembalikan kompas moral ini kepada dasar dan prinsipnya supaya kita boleh menerajui negara ini dengan lebih gemilang.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin memetik satu puisi dari Indonesia yang telah pun dinukilkan oleh seorang budayawan Indonesia bernama Mustofa Bisri.

#### ■1510

Beliau menegur secara kritis bagaimana peranan *envelope* ataupun sampul-sampul surat ini- diberikan bayangan bagaimana sampul surat ini boleh menjadi alat rasuah terbesar dan boleh- yang kita panggil sebagai, meruntuhkan sebuah kerajaan. Beliau menyebut- sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua, izinkan.

Bahawa *envelop* disebut “amplop” daripada bahasa Indonesia.

*Amplop-amplop di negeri amplop,  
Mengatur dengan teratur,  
Hal-hal yang tak teratur, menjadi teratur,  
Hal-hal yang teratur, menjadi tak teratur,  
Amplop-amplop ini mencairkan, dan membekukan,  
Amplop menganjal, dan melicinkan,  
Amplop bisa membuat orang bicara, menjadi bisu,  
Orang yang mendengar, menjadi tuli,  
Orang alim, bisa mati napsu,  
Orang sakti, bisa mati.*

Demikianlah betapa berkuasanya Tuan Yang di-Pertua “amplop” ataupun wang rasuah yang serba bisa itu, dan apabila rasuah telah mencapai tahap yang kronik dan tidak ada apa-apa usaha untuk memerangnya, maka tidak ada apa-apa lagi yang diharapkan, kecuali kehancuran.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh Usul Titah Diraja ini. Sekian. *Wabillahitaufik walhidayah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** *Waalaikumusalam.* Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Fadhlina.

Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa.

### 3.11 ptg.

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, dan salam Keluarga Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Usul Menjunjung Kasih ke atas Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada hari ini.

Saya secara peribadi berasa amat teruja kerana dapat menghadirkan diri dan berada di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat untuk mendengar sendiri Titah Diraja buat pertama kalinya dalam hidup saya. Sebelum saya memulakan ucapan saya, oleh sebab ini merupakan ucapan sulung dipenggal baharu ini, maka Tuan Yang di-Pertua izinkan saya untuk menzahirkan penghargaan saya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Ampun Tuanku, Patik Menjunjung Kasih atas keberangkatan Baginda bagi merasmikan Mesyuarat Parlimen pada tahun ini dan patik menjunjung kasih atas perkenan Tuanku kerana memperkenankan pelantikan patik sebagai Senator Dewan Negara. Sesungguhnya tugas dan amanah yang diberikan kepada patik ini bukanlah satu ganjaran, sebaliknya menjadi amanah yang akan patik pikul. Patik akan mencurah segala jasa, bakti kepada Dewan Negara kepada Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara. Seterusnya kepada rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator sekalian. Ampun Tuanku.

Tuan Yang di-Pertua, bersyukur kita kerana sekali lagi Parlimen dapat dibuka dalam suasana negara yang aman walaupun masih dibelenggu dengan COVID-19. Tuanku Agong sentiasa meletakkan rakyat dalam perhatiannya. Ini dapat dilihat apabila tahun lepas Tuanku menitahkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk membuka Parlimen dan membincangkan perihal rakyat yang ditimpa musibah demi musibah. Secara umum, institusi beraja melindungi rakyat dalam segala bentuk dan keadaan. Lebih-lebih lagi pada saat rakyat terhimpit dengan pelbagai masalah.

Kerajaan dan ahli politik datang dan pergi, namun institusi raja tetap berdiri kukuh dan utuh. Apa yang pasti, tanpa kewujudan institusi beraja, pemerintahan di negara kita akan terdedah kepada ketidakstabilan politik dan penyalahgunaan kuasa yang hanya akan membawa rakyat terjerumus ke kancah perpecahan dan pertelingkahan yang mana hanya akan mengheret negara kita ini dalam keadaan huru-hara dan akan meruntuhkan perpaduan nasional.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengambil peluang ini untuk merakamkan ucapan tahniah kepada Barisan Nasional kerana memenangi Pilihanraya Negeri Johor, baru-baru ini. Sememangnya ia suatu kemenangan yang dinanti-nantikan oleh rakyat Johor dan Malaysia secara amnya. Ingin saya juga menyampaikan penghargaan saya kepada semua agensi kerajaan dan penjawat awam yang memastikan Pilihanraya Negeri Johor berjalan dengan lancar serta memastikan semua pihak mematuhi SOP yang mengelakkan kita daripada jangkitan COVID-19. Syabas kepada semua.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Diraja baru-baru ini, Baginda ada menyentuh beberapa perkara dalam Titahnya. Saya tidak akan mengambil masa yang banyak, cuma akan menyentuh beberapa perkara sahaja. Baginda Tuanku menekankan kepada ketumbuhan ekonomi yang mampan. Ini penting untuk kita menempuh dugaan dan masalah yang kita tidak tahu pada masa hadapan. Negara kita pun dalam Fasa Pemulihan selepas dua tahun kita berperang dengan pandemik COVID-19.

Rentetan daripada pengumuman kerajaan bahawa negara kita akan masuk ke peralihan ke Fasa Endemik, sudah pasti kita akan memulakan usaha-usaha untuk memulihkan ekonomi. Saya percaya kepimpinan di bawah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melakukan satu tindakan yang tepat iaitu dengan memperkenalkan visi yang segar iaitu slogan 'Keluarga Malaysia' untuk menyatupadukan semua rakyat Malaysia tidak kira semua kaum dan agama ataupun fahaman politik. Slogan ini adalah bertujuan untuk membina sebuah negara yang aman dan harmoni. Di mana ia adalah selari dengan hasrat semua rakyat yang sedang bangkit selepas menempuh tempoh sukar ketika negara dilanda dengan masalah pandemik.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya melihat keyakinan perniagaan kembali optimistik menjelang suku pertama tahun 2022 dengan petunjuk keyakinan 7.6 peratus daripada 0.3 peratus suku tahun sebelumnya. Sentimen perniagaan kini mula menjadi positif buat pertama kali semenjak sembilan- suku tahun, sebelumnya. Sektor perdagangan borong dan runcit pula turut menjangkakan prospek perniagaan yang lebih cerah pada masa hadapan. Dengan semua indikator menunjukkan prospek yang cerah bagi ekonomi Malaysia.

Saya ingin mengutarakan soalan berkaitan subsidi kepada kerajaan. Sejauh mana kerajaan boleh menanggung subsidi bagi bahan-bahan mentah termasuk petrol bagi mengekang kenaikan harga hasil daripada situasi geopolitik yang melibatkan negara Rusia dan Ukraine dan juga manipulasi harga oleh syarikat yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh mengenai agenda memperkasa wanita yang telah disentuh oleh Baginda Tuanku dalam Titah Diraja yang sering diutarakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Baru-baru ini pada 8 Mac 2022, kita baru sahaja meraikan Hari Wanita Sedunia, selamat Hari Wanita Sedunia kepada semua wanita di negara ini dan di luar sana. Yang jelas peranan wanita tidak harus lari daripada agenda pembangunan negara.

Wanita harus diberikan perhatian di peringkat tertinggi, dalam organisasi-organisasi pentadbiran di pelbagai peringkat. Di mana ia boleh membawa perubahan yang besar kepada dasar-dasar dan undang-undang serta menyumbangkan kepada pembangunan, keluarga, masyarakat dan negara. Wanita boleh berdiri sama kukuh setanding dengan kaum lelaki. Jurang antara gender tidak harus wujud sama ada dalam bidang kepimpinan, politik malah sebagai pembuat kuasa dan keputusan. Wanita harus diperkasakan dari segala aspek secara menyeluruh dan bersepadu.

#### ■1520

Menyentuh mengenai perkara ini, saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan mengenai dana sebanyak RM5 juta kepada yang disediakan bagi Yayasan Kepimpinan Wanita bagi meningkatkan penyertaan wanita dalam sektor ekonomi melalui latihan kepimpinan muda dan program keusahawanan. Terdapat dua soalan daripada saya:

- (i) bagaimana peruntukan ini akan dimanfaatkan untuk usahawan wanita, dan apakah KPI yang diletakkan ke atas yayasan ini?; dan
- (ii) apakah pelan jangka masa panjang di bawah yayasan ini untuk membantu meningkatkan ekonomi wanita dan bagaimana kerajaan akan melibatkan diri?

Selain daripada itu, tidak lupa juga mengenai penubuhan Majlis Wanita Negara yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sesungguhnya saya menyambut baik penubuhan Majlis Wanita Negara.

Akan tetapi saya ingin menyarankan agar penglibatan tertinggi pihak kerajaan dan sektor korporat serta NGO dalam majlis ini dan ia juga perlu mempunyai sistem yang komprehensif untuk memastikan pemantauan, pelaksanaan dan keputusan majlis ini. Ini adalah untuk memastikan majlis adalah lebih efektif dan tidak sekadar mesyuarat tanpa sebarang impak.

Seterusnya, saya difahamkan kerajaan melalui Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Malaysia akan mewajibkan pelantikan sekurang-kurangnya seorang pengarah wanita bagi semua syarikat senarai awam. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga menetapkan agar setiap syarikat berkaitan kerajaan- GLC dan GLIC, dengan izin, tersenarai mencapai sekurang-kurangnya 30 peratus penyertaan wanita sebagai ahli lembaga pengarah menjelang tahun 2023.

Bagaimanakah pelaksanaan dasar ini akan dipantau dan oleh kerajaan dan agensi yang mana di dalam kerajaan? Saya juga ingin mencadangkan bahawa agensi kerajaan yang bertanggungjawab menyediakan data tentang bilangan wanita yang menerima manfaat dan pelaksanaan dasar ini secara berkala dan melalui pengumuman awam.

Selain daripada itu, saya juga menyentuh aspek usahawan wanita. Saya ingin bertanya kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar mengenai program-program kementerian yang direncanakan bagi membantu usahawan wanita di luar bandar. Saya ingin memohon senarai program-program tersebut dan hasil sambutan yang diterima. Saya difahamkan kementerian ada juga menyediakan geran kecil-kecilan luar bandar iaitu antara RM3,000 ke RM5,000 sebagai modal permulaan dan juga keperluan untuk usahawan bangkit berniaga hasil daripada kesan pandemik COVID-19.

Saya difahamkan seramai 586 orang usahawan telah menyertai program ini. Saya ingin memohon kementerian untuk menyenaraikan nisbah usahawan wanita dan lelaki yang berjaya dalam program ini. Apakah usaha-usaha untuk mempromosi dan menambahkan lagi penyertaan wanita dalam program ini?

Seterusnya bagi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, apakah perkembangan terbaru tentang penggubalan undang-undang yang menghalang perkahwinan bawah umur dan adakah kementerian akan meneruskan Pelan Strategi Kebangsaan bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur yang dilancarkan pada bulan Januari tahun 2020?

**Tuan Yang di-Pertua:** Bawah umur itu, berapa tahun Yang Berhormat Senator?

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** Lapan belas tahun ke bawah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu dia.

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa:** Itu dia. Muda sangat, Tuan Yang di-Pertua. Sejauh manakah perkembangan pelaksanaan pelan ini? Ini merupakan soalan saya kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan Titah Diraja yang ada menyebut mengenai pemulihan industri pelancongan demi merancakkan ekonomi negara, saya ingin merujuk kepada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya mengenai perkara ini. Kita tahu betapa pentingnya industri pelancongan ini bagi mempercepatkan pemulihan ekonomi Malaysia.

Ini ditambahkan lagi dengan pengumuman pembukaan sempadan oleh kerajaan menjelang 1 April nanti. Soalan saya, apakah langkah persediaan oleh kementerian dalam menerima semua pelancong asing dari luar negara? Apakah langkah kementerian dalam memberi maklumat dan informasi kepada pelancong asing mengenai SOP terkini MKN agar mereka yang tiba di lapangan terbang sedia maklum dengan peraturan dan kaedah melancong di dalam negara?

Selain daripada kita menerima pelancong asing, kita jangan lupa juga kepada sektor pelancongan domestik. Adakah kementerian akan meneruskan lagi program *MATTA Fair* yang diadakan khusus untuk pelancongan domestik?

Penganjuran program ini bukan sahaja dapat membantu pemain-pemain industri pelancongan seperti hotel-hotel dan pelancongan desa, malah dapat juga membantu usaha inap desa, pengusaha kecil kawasan peranginan sehingga kepada pengusaha van pelancongan di dalam negara. Mohon kementerian dapat menjawab semua soalan saya tadi.

Tuan Yang di-Pertua keadaan politik, pandemik COVID-19 dan musibah yang melanda negara menjadi pengajaran kepada kita. Betapa cepatnya sesuatu situasi boleh berubah-ubah, lebih-lebih lagi apabila tiada kestabilan politik. Sememangnya dalam dua tahun ini kita diuji dengan pelbagai cabaran dan dari pelbagai sudut. Ujian demi ujian. Ini mengusik ketenteraman jiwa, emosi, malah mengusik mental rakyat Malaysia dalam keadaan yang masih tidak menentu ini dengan wabak COVID-19 yang masih menular dan situasi geopolitik yang makin tidak stabil.

Kita perlu mengimbang keselamatan rakyat bersama keperluan untuk terus membangunkan ekonomi negara kita. Kerajaan hari ini di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri harus dipuji kerana telah memberi komitmen untuk membentuk Rang Undang-undang Pindaan Perlembagaan berhubung Anti Lompat Parti untuk memastikan kestabilan negara terjamin dan keadaan ketidakstabilan politik ini tidak berulang.

Pada hemat saya, Dewan Negara merupakan wadah yang boleh membawa suara rakyat. Para Senator yang dipilih mampu memberi input dan sumbangan yang besar kepada tanah air. Pembinaan dan pembangunan negara harus selari dengan kehendak semua lapisan masyarakat. Di Dewan yang mulia ini, kita mampu lakukan bersama sepakat minda, sepakat jiwa dan sepakat kata dalam memperkasakan agenda rakyat senada seirama dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Khas untuk Tuan Yang di-Pertua...

*Kain belacu kain pelekat;  
Adat panglima memegang tongkat.  
Sepakat kita membawa berkat;  
Amanah dijulung janji diikat.*

Dengan kata-kata itu, saya menyokong Usul Menjunjung Kasih atas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Alhamdulillah*, tahniah Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa.

Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai.

**3.29 ptg.**

**Datuk Paul Igai:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk turut sama dalam berbahas Titah Diraja.

Terlebih dahulu, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Perdana Menteri Malaysia memimpin dengan cara inklusif walaupun dalam suasana sangat mencabar diancam pandemik COVID-19 dan mutasinya seperti *Delta*, *Omicron* dan varian lain yang juga mengancam seluruh dunia.

## ■1530

Dalam suasana politik yang sangat mencabar, tambah lagi ditimpa banjir yang luar jangkaan yang memerlukan bantuan berbilion-bilion ringgit Malaysia oleh kerajaan. Saya ingin juga merakamkan penghargaan kepada barisan Jemaah Menteri, Majlis Pemulihan Nasional, Angkatan Tentera, PDRM, semua anggota kementerian bertanggungjawab dan pihak NADMA, Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Kesihatan, RELA, bomba, badan bukan kerajaan, pihak media dan pihak *netizen* dan lain-lain.

Semua mereka ini terlibat dalam mengatasi berbagai-bagai bencana, wabak COVID-19 dan wabak penyakit berjangkit yang lain-lain. Tanah runtuh, angin kencang dan baru-baru ini banjir yang agak luar biasa. Mereka ini saya kata *the unsung heroes*, dengan izin. Wira kita yang bertungkus-lumus bekerja siang malam untuk kesejahteraan rakyat. Memanglah kita mengalu-alukan perkhidmatan cemerlang diberikan mereka dalam mengatasi berbagai-bagai kecemasan seperti saya huraikan tadi. Sedemikian, saya mencadangkan mempercepatkan usaha untuk naik taraf sistem penganalisis kajian cuaca mengikut perubahan iklim global terkini untuk memastikan ketepatan analisis perubahan cuaca, topografi angin dan apa yang ada kaitan dengan alam semula jadi.

Tuan Yang di-Pertua, mohon jasa baik semua untuk bekerjasama- daripada pihak media dan *netizen*, membantu pihak berkuasa tempatan menyebarkan maklumat yang tepat mengenai prosedur dan langkah akan dibuat kepada mangsa seperti banjir yang lalu. Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan untuk menubuhkan pasukan sukarela seperti *civil radio amateur*, dengan izin, ditubuhkan di semua kawasan di bawah Jawatankuasa Keselamatan Kampung, atau desa, untuk bukan sahaja masa banjir atau bencana lain, bahkan untuk membantu mengawal keselamatan setempat bila-bila masa.

Mereka ini akan menjadi *first responder*, dengan izin, kerana mereka adalah orang tempatan yang mengenali suasana di tempat mereka sendiri. Ini penting untuk membantu kerja menyelamatkan dan bantuan oleh pihak berkuasa dengan mengelakkan sebaran maklumat yang tidak betul yang akan menimbulkan salah faham, yang akan menjejaskan kerja bantuan dan penyelamat.

Tuan Yang di-Pertua, Tuanku ada menyentuh perkara penubuhan Jawatankuasa Khas Pemantauan Pelaksanaan RMKe-12. Penubuhan Jawatankuasa sebegini ini akan dapat mengawasi dengan sebaik-baiknya pelaksanaan dan pencapaian supaya sasaran dapat tercapai dan memenuhi keperluan sosial ekonomi negara. Ini juga dengan tujuan mengelakkan perlakuan salah guna kuasa atau ketirisan akan berlaku. Kita harap jawatankuasa sebegini dibentuk akan memainkan kecekapan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa terkini projek-projek yang dilaksanakan dalam RMK yang lalu ada banyak terbengkalai atau dikenali 'projek sakit'- lebih 92 buah projek yang kebanyakan berpunca daripada pemilihan kontraktor. Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, adakah ini hanya masalah pemilihan subkontraktor atau kontraktor asal yang terpilih mengikut harga ditawarkan?

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin menambahkan satu lagi jawatankuasa dibentuk atau jika sudah ada diberi luas lagi kuasa untuk meneliti dengan ketat lagi latar belakang syarikat yang memasuki tender, mengenai kecekapan untuk menguruskan pembinaan projek yang dimasuki tender itu tadi. Penubuhan jawatankuasa seperti ini akan dapat mengelakkan berlaku ketirisan dan menutup peluang kepada berlakunya salah guna kuasa. Dengan mengadakan jawatankuasa ini, kita harapkan tiada lagi projek sakit akan berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyentuh perkara belia terlibat dalam pertanian moden. Kita nampak pengusaha pertanian diceburi oleh golongan kumpulan orang berumur dan melibatkan kebanyakan yang masih mempunyai cara masa lampau atau tradisi yang tidak menghasilkan keluaran berkesan.

Dahulu pengusaha sawah menggunakan tenaga titik peluh dan kekuatan binatang umpamanya seperti kerbau. Masa terkini merupakan masa pertanian dalam cara teknologi canggih menggunakan hidroponik, fertigasi, dron, elektronik, solar dan sebagainya dan tidak mengira produktiviti mengikut kebesaran atau keluasan bidang tanah untuk mengeluarkan hasil tani.

Perkara pengusaha kebun akan tidak lagi jadi pekerja kotor atau 3D, dengan izin. Tidak lama lagi aplikasi *artificial intelligence* atau AI, dengan izin, akan diguna sepenuhnya. Perkembangan dalam usaha pertanian mengguna *agrotech* sudah bermula di Rantau Asia Pasifik seperti di Nepal, Bangladesh, Fiji, Indonesia, Papua New Guinea dan Vietnam.

Saya mencadangkan tumpuan kerajaan melalui kementerian seperti Kementerian Pertanian dalam dasar untuk memperkasakan perusahaan pertanian kepada kaum belia menggunakan aplikasi terkini. Untuk menjayakan lagi usaha belia khasnya belia luar bandar dalam usaha bidang *agro business*, dengan izin, ataupun pertanian cara dagang. Perkara ini selaras dengan sebahagian poin dalam Titah Diraja.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyentuh sedikit dalam kes maut renjatan elektrik yang berlaku di Cameron Highlands dua minggu yang lalu. Tiga orang anak berumur 12 tahun, 10 tahun dan dua tahun kehilangan bapa dan ibu. Dalam kejadian renjatan elektrik baru-baru ini di Cameron Highlands. Insiden seperti ini saya dimaklumkan kerap beraku. Saya mencadangkan menyebarkan dalam media bahayanya kuasa elektrik dan cara untuk mengelakkan kejadian yang kemalangan mengakibatkan kuasa elektrik.

Saya mencadangkan pihak Persatuan Elektrik dan Elektronik Malaysia untuk membantu menyebarkan cara melakukan ujian keselamatan iaitu *safe test RCCB* ataupun *Residual Current Circuit Breaker, Earth Leakage Circuit Breaker (ELCB)*, dengan izin, kepada orang awam melalui media cetak, sosial media dan televisyen.

#### ■1540

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh lagi *test kit*, atau kit ujian sendiri COVID-19. Saya ada *experience*, membeli kit itu dalam pasaran di Kuching. Ketika itu, saya beli banyak kerana ramai orang hendak pergi ke rumah saya. Saya beli ada dalam 20 unitlah satu pek ada 20 ya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Satu pek berapa, Yang Berhormat?

**Datuk Paul Igai:** Okey, satu pek pada masa itu- bukan. Satu set sahaja berharga RM6.60. Akan tetapi, seminggu selepas itu semua kedai yang ada pek berharga RM6.60 tidak ada lagi. Stok muncul lagi dan harga naik kepada RM8.50 dan RM13, dan juga tinggi lagi. Kit ujian sendiri ini sangat perlu, bukan sahaja senang dipakai kerana rakyat tahu mereka ada jangkitan COVID-19 apabila hasil ujian sendiri ini positif, tidak bergejala-ringan, mereka akan melakukan kuarantin sendiri sahaja. Cara ini akan mengurangkan beban hospital dan juga langsung mengurangkan kes perkhidmatan hospital, khasnya hospital kerajaan.

Cadangan saya supaya kerajaan menetapkan harga ketat kepada lima ringgit. Memanglah boleh jenama-jenama lain yang harga berlainan dipasarkan, tetapi yang berharga rendah daripada RM6 pasti ada. Inilah cadangan saya.

Tuan Yang di-Pertua, isu tuntutan RM63 bilion terhadap beberapa buah kawasan di Sabah. Saya akan bertanya, bagaimanakah perkara ini yang melibatkan kedaulatan negara dapat berlaku? Apa sebenarnya, dan apakah kesilapan kita dalam perkara ini sampai ia muncul di Tribunal global? Ini merupakan isu penting, Tuan Yang di-Pertua dan serius kepada negara. Mohon penjelasan daripada kerajaan tentang perkara kedaulatan ini sebelum ia merebak kepada isu berkaitan atau serupanya nanti di kawasan-kawasan lain di negara kita ini.



Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengambil kesempatan ini juga untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, barisan Kabinetnya dan semua Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Negara kerana kedua-dua Dewan telah berjaya meluluskan pindaan Perlembagaan khususnya tentang Perjanjian Malaysia 1963- *Malaysia Agreement 1963*. Tentulah rakyat Sarawak merasa gembira atas keputusan yang bermakna ini, yang ditunggu-tunggu beberapa tahun sudah. Ini merupakan kesefahaman kesemua Ahli Parlimen tentang perkara yang penting ini. Syabas sekali lagi dan sekarang kita bersama berpandangan ke hadapan demi kemakmuran, kestabilan dan kemajuan negara. Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahmad bin Yahaya.

### 3.44 ptg.

**Tuan Haji Ahmad bin Yahaya:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera... [Membaca selawat ke atas Nabi Muhammad SAW]

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kerana diberi peluang untuk sama-sama menyampaikan pandangan dalam sesi perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bagi pembukaan Penggal Kelima Parlimen Keempat Belas pada tahun ini.

Saya menzahirkan rasa penghargaan yang tidak terhingga kepada Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah atas keprihatinan baginda terhadap rakyat dan negara tercinta khususnya dalam memimpin negara berhadapan dengan tempoh pandemik COVID-19 yang genting sehinggalah kejayaan-kejayaan melawan wabak COVID-19. Saya mengira semua Titah Seri Paduka Baginda amat penting untuk negara, lebih-lebih lagi pesanan Tuanku melalui dua rangkap pantun yang disampaikan, juga amat penting.

Tuan Yang di-Pertua, setelah dua tahun virus pandemik COVID-19 melanda negara, hari ini kita berada dalam fasa transisi ke arah endemik seperti yang diumumkan oleh kerajaan yang akan bermula pada 1 April hadapan.

Saya ingin merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada semua golongan barisan hadapan yang terus-menerus bekerja demi memastikan kita selamat dalam menempuhi waktu-waktu yang sukar sejak bermulanya penularan wabak pada tahun 2020 yang lalu. Mereka ini terdiri daripada golongan di pelbagai sektor, termasuklah sektor kesihatan, agensi penguat kuasa termasuklah semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam memastikan negara dapat keluar daripada pandemik ini dengan selamat.

Begitu juga saya berpandangan bahawa di sana terdapat kumpulan yang perlu untuk kita berikan penghargaan, antaranya pihak ilmuan agama yang turut menyumbang kerana telah memberikan pandangan-pandangan dan panduan yang baik khususnya daripada golongan para ulama, pendakwah, dan imam yang memandu rakyat dalam melaksanakan ibadah dengan mematuhi SOP yang ditetapkan. Bahkan, daripada pemerhatian kita di masjidlah, di rumah ibadatlah pematuhan SOP berlaku dengan sebaik yang mungkin jika dibandingkan di tempat-tempat yang lain.

Anda semua merupakan hero negara. Meskipun ia tidak selalu didendangkan, tiada wang ringgit yang dapat menggantikan peluh lelah, keletihan, kelesuan serta pengorbanan yang tinggi daripada anda semua. Hanya pahala dan kemuliaan di sisi Allah SWT serta pembalasan yang setimpal untuk anda semua, *insya-Allah*.

Dalam Al-Quran, pada Surah Ar-Rahman ayat ke-60, Allah berfirman...  
[Membaca sepotong ayat Al-Quran] “Tiada balasan kebaikan kecuali kebaikan pula dari sisi Tuhan.”

Tuan Yang di-Pertua, meskipun pengumuman transisi ke fasa endemik tersebut sesuatu yang melegakan kita, menggembirakan; namun kita perlu sentiasa beringat dan diperingatkan bahawa segala-galanya ini belum berakhir. Varian *Omicron* yang mendorong peningkatan kes sehingga ke paras melebihi 20 ribu kes sehari tetap membimbangkan walaupun kes-kes itu tidak serius berdasarkan faktor kadar vaksinasi yang tinggi.

Saya sebutkan secara jelas di sini bahawa kebimbangan kita terhadap penularan varian *Omicron* ini masih berdasarkan kepada; pertama, peringatan daripada golongan saintis bahawa virus ini masih boleh bermutasi dengan penularan kes yang tinggi sebagaimana yang berlaku dengan kewujudan varian *Delta* dan *Omicron*.

Kedua, kebimbangan juga terarah kepada sejauh mana kekuatan vaksinasi sedia ada dalam melawan mutasi virus tersebut.

Oleh itu, kebimbangan-kebimbangan ini masih wajar diambil perhatian walaupun kita sehampirnya sudah sedia untuk kembali kepada kehidupan yang normal iaitu selepas daripada pandemik ini. Kesemua pihak perlu memainkan peranan bagi meneruskan tempen penjagaan kesihatan terutamanya pematuhan terhadap SOP.

#### ■1550

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu juga wajar untuk kita memperingatkan bahawa semua kita perlu memberikan perhatian dalam usaha membangunkan sistem sokongan kesihatan ke tahap yang optimum dengan capaian kesihatan yang menyeluruh ke seluruh negara. Perkara ini merangkumi penekanan terhadap sektor kesihatan awam, penyediaan fasiliti kesihatan yang mencukupi, pengurusan sumber manusia dan kebajikan golongan yang terlibat dalam sektor perubatan yang bersistematik serta pembangunan industri pelancongan pendidikan kesihatan yang mampan. Kesemua ini ialah pengajaran terbesar daripada sektor kesihatan negara pasca pandemik COVID-19. Belajarlah daripada pengalaman hari ini.

Selain tumpuan terhadap sektor kesihatan awam negara, saya juga berpandangan soal kesihatan mental tidak wajar dikesampingkan. Apatah lagi dalam fasa pemulihan pasca pandemik. Tahap kesihatan mental, khususnya kepada golongan barisan hadapan di sektor kesihatan serta bekas pesakit COVID-19 perlu sentiasa dititikberatkan dan mendapat perhatian yang serius daripada pihak kerajaan. Dalam sesi belanjawan yang lalu, kerajaan telah membentangkan peruntukan sebanyak RM24.6 juta khusus bagi perkhidmatan kesihatan mental seluruh negara.

Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada kementerian, berapa peratus golongan barisan hadapan dalam sektor kesihatan serta golongan bekas pesakit COVID-19 yang sedang mengikuti sesi rawatan kesihatan mental ketika ini? Apakah intervensi-intervensi lanjut yang sedang diusahakan oleh kementerian bagi memastikan golongan ini mendapat rawatan yang sewajarnya? Saya juga ingin bertanya, apa bentuk penyelidikan kesihatan mental semasa yang sedang dijalankan oleh kementerian ketika ini, khususnya dalam fasa pemulihan pasca pandemik?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini terhadap isu yang melibatkan tiga orang anak kepada Puan Loh Siew Hong yang mendapat perhatian dalam masyarakat di negara ini. Sememangnya isu ini telah disalah erti sehingga menimbulkan fitnah kepada beberapa pihak lain yang menjaga kanak-kanak terbabit daripada awal lagi. Saya berpandangan isu ini perlu dilihat secara jangka panjang, khususnya melibatkan kemelut perundangan bidang kuasa di Mahkamah Syariah iaitu di antara Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah.

Kita sedia maklum bahawa kes ini berada di bawah Mahkamah Sivil sejak awalnya kerana perkahwinan asal ibu bapa kanak-kanak tadi di bawah Akta Memperbaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164].

Maka, isu-isu yang timbul kemudiannya, khususnya apabila salah seorang daripada pasangan tadi memeluk agama Islam, secara tidak langsung dirujuk kepada bidang kuasa Mahkamah Syariah kerana diikat dengan Akta 164 tadi. Bagi saya, inilah yang perlu kita fikirkan, jalan penyelesaian yang harmoni kerana kita tahu sensitiviti isu ini kepada masyarakat.

Oleh sebab itu, langkah mengharmonisasikan kedua-dua bidang kuasa masih terus menjadi agenda utama meskipun Dewan Parlimen ini pernah menyaksikan pindaan terhadap Akta 164 tadi. Bahkan, pengharmonisasi bidang kuasa Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah ini telah pun mempunyai tanda aras dengan pindaan terhadap Akta 121(1A) Perlembagaan Persekutuan pada tahun 1988 yang lalu.

Saya berpandangan, cadangan-cadangan yang pernah dikemukakan oleh tokoh-tokoh perundangan dalam negara seperti Tun Abdul Hamid dan lain-lain wajar diangkat dan dipertimbangkan oleh kerajaan di peringkat Persekutuan supaya usaha mengharmonisasikan bidang kuasa mahkamah ini dapat dilaksanakan secara berobjektif.

Pandangan antara lainnya supaya hakim-hakim yang mempunyai latar belakang syariah diangkat untuk mengadili kes-kes berkepentingan di Mahkamah Sivil sangat mustahak untuk diteliti demi masa depan Islam dan syariat di negara ini. Perkara 3(1), Perlembagaan Persekutuan yang menjelaskan Islam sebagai agama rasmi Persekutuan perlu dihidupkan dengan bentuk perundangan dan pelaksanaan yang jitu melalui akta serta pengamalan perundangan yang menepati kehendak syariat.

Tuan Yang di-Pertua, sejarah perundangan negara ini sekali-kali tidak boleh melupakan bahawa hukum syarak merupakan perundangan asas dalam negara. Sebelum kedatangan *British* yang membawa masuk *Common Law* sehingga mengetepikan undang-undang syariah, negeri-negeri yang ada ditadbir oleh hukum hakam berasaskan kepada syariat Islam. Hukum Kanun Melaka, Undang-undang Laut Melaka serta undang-undang di negeri-negeri lain berpandukan kepada syariat Islam yang jitu dan mentadbir kehidupan masyarakat di negara ini, mengunjur sehingga kurun yang ke-14 sebelum penjajahan British merubah segala-galanya.

Setelah sekian lama, undang-undang syariah dijadikan perundangan kelas kedua, diturunkan darjat ke peringkat negeri dengan kuasa yang terhad. Satu demi satu prinsip Islam dalam perundangan negara dicabar. Hal ini dibuktikan dengan keputusan beberapa kes sejak kebelakangan ini seperti kes Indira Gandhi melawan Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Perak tahun 2018. Kes setahun lalu, Iki Putra Murbarrak, termasuklah dalam kes *Sisters in Islam* melawan Kerajaan Negeri Selangor dan Majlis Agama Islam Negeri Selangor.

Oleh sebab itu, saya menyeru kepada semua pimpinan masyarakat di negara ini supaya memikirkan tentang perkara ini. Kita akan disoal di akhirat kelak tentang tanggungjawab yang sedang kita pikul hari ini dan ia tidak akan terlepas dari mahkamah Allah SWT di Mahsyar sana. Mengapa hari ini kita tidak boleh bersatu sepenuh hati, mengetepikan segala perbezaan dan ideologi politik untuk melaksanakan pindaan Perlembagaan bagi mengukuhkan Islam sebagai agama rasmi Persekutuan dan Islam sebagai tunjang penyelesaian kepada permasalahan yang timbul. Saya menyokong hasrat dan usaha kerajaan dengan menubuhkan Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syariah dan Sivil dalam usaha meminda Akta 355 sebagai salah satu langkah memperkukuhkan perundangan syariah dalam negara.

Soalan saya, adakah kerajaan mempunyai garis masa kepada pelaksanaan, terutamanya melibatkan pindaan terhadap Akta 355? Adakah ada usaha-usaha lain bagi memartabatkan perundangan syariah yang menyeluruh dalam negara, khususnya yang melibatkan aspek yang telah saya bangkitkan tadi?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin melahirkan rasa dukacita mengenai isu *trending* di laman *Twitter* baru-baru ini. Ia apabila seorang pelakon tanah air berkongsi satu klip video panas.

Sebuah drama terbarunya yang bakal ditayangkan di sepanjang Ramadhan nanti. Saya menyokong penegasan, tindakan dan amaran keras Yang Berhormat Menteri Komunikasi dan Multimedia kepada stesen televisyen yang dilesenkan oleh SKMM dan penggiat filem dan drama agar mematuhi garis panduan yang ditetapkan.

Banyak drama televisyen tempatan yang dilihat kurang memberi nilai positif terhadap pemikiran, pendidikan dan pembinaan sahsiah masyarakat. Situasi ini didorong oleh sebahagian stesen televisyen, penerbit, penulis skrip dan pengarah filem atau drama hanya mengikut rentak pasaran semata-mata dengan memaparkan elemen ganas, khurafat, skandal dan percintaan yang berlebihan tanpa merujuk kepada batas-batas syarak, adat ketimuran dan budaya Malaysia.

Apakah sebenar nilai yang ingin kita terapkan dalam penghasilan filem? Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan drama dan filem yang dihasilkan berada dalam piawai syarak dan menepati budaya Malaysia, maka saya cadangkan pembinaan karakter sesebuah karya seni perlu mengambil kira hukum *fiqh* yang berkaitan dengan kandungan teks, watak dan lokasi drama atau filem tersebut, sesuai dengan batas-batas syarak, adat ketimuran budaya Malaysia sebagai sebuah negara majoriti Muslim dan Islam pula sebagai Agama Persekutuan.

Saya juga ingin mencadangkan supaya garis panduan penapisan kandungan bahan-bahan penyiaran berunsur Islam yang disediakan oleh JAKIM dijadikan sebahagian daripada syarat-syarat pelesenan utama Kementerian Komunikasi kepada stesen-stesen televisyen dan radio, penerbit filem, drama, iklan-iklan dan lain-lain.

#### ■1600

Saya juga mencadangkan agar Kementerian Komunikasi dan Multimedia menguatkuasakan garis panduan JAKIM sebagai asas rujukan kepada agensi-agensi di bawah kementerian yang bertanggungjawab ke atas penguatkuasaan pengawalan kandungan multimedia bagi menentukan isi kandungan sebuah bahan penyiaran tidak menyimpang daripada ajaran Islam berdasarkan Ahli Sunah Wal Jamaah, adat dan budaya Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sekadar itu sahaja ucapan perbahasan saya. Saya mohon menyokong, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Alhamdulillah*, terima kasih dan penghargaan kepada Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahmad bin Yahaya.

Dijemput Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

#### 4.01 ptg.

**Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, dan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator sekalian.

Sebelum itu izinkan saya mengucapkan Selamat Hari Wanita sedunia kepada seluruh wanita... *[Tepuk]* Saya menyokong partisipasi 30 peratus wanita dalam sektor pembuat dasar negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya meneruskan ucapan saya menjunjung kasih Titah Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong saya ingin merujuk kepada firman Allah SWT yang berbunyi... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* "Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu bercakap apa yang kamu tidak lakukan. Sangat besar kemurkaan Allah sekiranya kamu bercakap lain daripada apa yang kamu lakukan".

Tuan Yang di-Pertua, *alhamdulillah*, Allah SWT telah menghadihkan satu nikmat yang besar kepada kita iaitu nikmat dianugerahkan gas dan juga minyak di pesisir-pesisir pantai, negeri Kelantan, negeri Terengganu, Sabah dan Sarawak. Setakat ini belum lagi ditemui sama ada gas dan minyak di pesisir permukaan negeri-negeri selain daripada apa yang saya sebutkan tadi.

*Alhamdulillah*, beberapa insiden sejak 1974, PETRONAS telah menjadi 'Abdul Wahub' kepada menyelamatkan ekonomi negara. Kerugian berbilion oleh Bank Bumiputera. Kerugian ratusan bilion Perwaja. Dengan izin, *Malaysian Airline System*- Sistem Penerbangan Malaysia dan beberapa penglibatan kita dalam sektor-sektor teknologi tinggi. Kita telah kerugian ratusan bilion ringgit dan ia diselamatkan tidak lain tidak bukan oleh PETRONAS.

Bahkan saya telah beberapa kali bertemu dengan pengerusi pertama PETRONAS Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh Hamzah sebelum beliau menjawat Menteri Kewangan. Beliau telah membuat lawatan ke seluruh dunia dan telah merangka satu perjanjian yang amat menguntungkan PETRONAS bila mana menandatangani perjanjian ini dengan *Exxon* ataupun *Esso* pada ketika itu ataupun *Shell* ataupun *Royal British Petroleum* pada ketika itu di mana perjanjian yang amat menguntungkan PETRONAS.

*Alhamdulillah*, pada masa yang sama kerja kuat Yang Berhormat Tengku Razaleigh Hamzah bersama-sama Perdana Menteri Ketika itu pada tahun sebelum 1974. Tahun 1975 untuk memujuk seluruh Menteri-Menteri Besar di Semenanjung Malaysia, dan juga Ketua-Ketua Menteri Sabah, Sarawak, Pulau Pinang dan juga Melaka untuk menandatangani supaya Akta Petroleum boleh diluluskan pada 1975.

Mengikut perkiraan beliau sekiranya wang hasil PETRONAS ini digunakan secara bijak, *insya-Allah* kemungkinan sekarang ini simpanan daripada PETRONAS untuk Kumpulan Wang Amanah Negara mengikut ramalan beliau sudah mencecah tidak kurang daripada USD3 trilion. Boleh mengatasi Kumpulan Wang Amanah ataupun pencen terbesar dunia iaitu dari Norway itu sendiri. Oleh sebab itu, saya sebagai mewakili Senator dari negeri Kelantan, Tuan Yang di-Pertua, mohon PETRONAS yang kakitangannya yang juga merupakan syarikat kerajaan Malaysia dan kakitangannya tidak kurang 95 peratus adalah orang Islam dan orang Melayu kita.

Saya mahu membentangkan di sini pelaburan-pelaburan yang dibuat oleh PETRONAS, pertama di negeri-negeri yang belum mempunyai walau setitik minyak dan setitik gas- walaupun tidak mempunyai apa-apa kubik kaki- isi padu kaki, di negeri-negeri.

Umpamanya, Kedah, pelaburan PETRONAS RM5 bilion untuk Kedah *fertilizer*- zaman Tun Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri. *Alhamdulillah*, bagus.

Di Perak melalui Universiti Teknologi Petronas, dan *Gas District Cooling, Malaysia Marine and Heavy Engineering* (MMHE) di Lumut yang berjumlah tidak kurang daripada RM5 bilion.

Begitu juga di Selangor- daulah Persekutuan di mana pelaburan bangunan berkembar tertinggi di dunia KLCC, *research centre* di Bangi, *research center* di Keramat yang melibatkan pelaburan tidak kurang daripada RM15 bilion.

Tidak termasuk pembangunan bandar pentadbiran Putrajaya yang mana ikut informasi daripada *Wikipedia* pada 1995, PETRONAS telah membelanjakan tidak kurang daripada RM35 bilion.

Melaka di mana terdapat loji penapisan minyak, pelaburan melibatkan hampir lebih kurang RM5 bilion dan *alhamdulillah* pada waktu itu Presiden PETRONAS merupakan Tun Abdullah Salleh- orang Melaka, *alhamdulillah* tidak mengapa demi memajukan tiap-tiap negeri.

Bahkan di Johor yang terbesar, di Pengerang. Ini kerana strategi ekonomi dan kuasa negara- punca tenaga, tidak mengapa, untuk menyaingi Singapura. Pelaburan setakat ini tidak kurang daripada RM55 bilion daripada PETRONAS. Ini kita tidak boleh nafi demi kepentingan negara kita Malaysia. Memang layak dan patut dibuat di Pengerang.

Kemudian di Pahang, melalui loji-loji Gebeng- *petrochemical gas facilities* yang berjumlah minimum tidak kurang daripada RM7 bilion. Saya sebutkan itu adalah di negeri-negeri yang setakat ini belum menemui setitik minyak dan belum menemui walaupun satu isi padu kaki persegi, di negeri-negeri yang saya sebutkan.

Manakala di negeri-negeri yang setakat ini merekodkan menunjukkan yang telah diketemukan gas dan minyak, Terengganu. Untuk Kompleks Industri Kerteh, *gas facilities* yang melibatkan pelaburan tidak kurang RM35 bilion termasuk lebih daripada 10 *gas processing plant* dalam sektor-sektor terlibat dengannya. Pada masa yang sama dibina Kemaman *Supply Base* untuk tujuan eksport produk-produk minyak dan gas ini.

Kemudian di Sabah dan Sarawak. Di Sabah melalui *Sipitang Oil and Gas Industrial Park* (SOGIP), loji *fertilizer* Sabah, loji metanol Sabah- pelaburan tidak kurang daripada RM25 bilion.

#### ■1610

Manakala di Sarawak, melalui pelaburan di *Malaysia Liquefied Natural Gas* (MLNG), Loji *Bintulu Fertilizer* melibatkan pelaburan tidak kurang daripada RM35 bilion, tidak termasuk pembangunan bandar di Bintulu, Tuan Yang di-Pertua, tidak termasuk pembangunan pelabuhan di Bintulu itu sendiri.

Ini, *alhamdulillah* kita bersyukur kerana PETRONAS melabur di negeri-negeri, sama ada negeri tersebut mengeluarkan minyak dan gas ataupun negeri-negeri yang tidak mengeluarkan minyak atau gas. Bahkan semua negeri dalam Malaysia telah dibina *Peninsular Gas Utilization Project*, satu dari Kerteh ke Kemaman. *Peninsular Gas Utilization Project* fasa dua dari Kemaman ke Segamat, dari Segamat ke Pasir Gudang, dan juga dari Kemaman ke Segamat, Segamat ke Serdang, Kedah. Itu yang Fasa 2.

Fasa 3- *Peninsular Gas Utilization Project* dari Serdang ke Gurun, dan ke Kangar. Maknanya, sekecil-kecil negeri dalam Malaysia ini, kesemuanya diliputi dengan *gas pipeline* yang panjangnya tidak kurang daripada 2,500 kilometer.

Bahkan di Sabah dan Sarawak, juga ada paip gas yang dinamakan SSGP yakni *Sabah Sarawak Gas Pipeline* yang berjarak 510 kilometer yang siap pada tahun 2013. Saya merasa, saya hendak mengucapkan terima kasih kepada PETRONAS telah meliputi seluruh negeri dalam Semenanjung dan juga di Sabah dan Sarawak.

Amat malang dan mendukacitakan, PETRONAS hak milik Kerajaan Malaysia. PETRONAS yang telah membuat perjanjian dengan tiap-tiap negeri dalam Semenanjung Malaysia, di mana dalam perjanjian tersebut dengan jelas dan terang, tiap-tiap negeri sekiranya di permukaan pantai masing-masing diketemui minyak atau gas, maka negeri tersebut mendapat hak tidak kurang daripada 5 peratus dan bayaran ini bayaran tunai dibayar pada Mac dan September tiap-tiap tahun dan dibayar langsung ke akaun perbendaharaan negeri masing-masing. Tidak melalui mana-mana lorong dan pihak yang tertentu.

Malang sekali, setelah perjanjian dipersetujui oleh semua pihak, bahkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kedua, Tun Abdul Razak amat mengucapkan jutaan terima kasih kerana Kerajaan Selangor lah kerajaan yang terakhir yang bersetuju menandatangani perjanjian dengan PETRONAS ini sehingga ia kita boleh membaca *Hansard* di Parlimen pada tahun tersebut. Akan tetapi malang, apabila perjanjian ini telah dipersetujui oleh semua Menteri Besar, Ketua-Ketua Menteri, tiba-tiba bayaran tidak dibuat langsung kepada negeri-negeri di mana minyak atau gas ditemui tetapi dibayar melalui Akaun Perbendaharaan Negara.

Kemudian, atas budi bicara Akaun Perbendaharaan Negara lah untuk membayar kepada negeri-negeri di mana terletak hak dijumpai minyak dan gas di negeri tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai mewakili Kerajaan Negeri Kelantan, rakyat negeri Kelantan, dan juga sudah barang tentu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan, kita amat mengharapkan supaya PETRONAS memikirkan secara- daripada aspek ekonomi, daripada aspek tenaga dan aspek ekonomi, supaya janganlah satu buah negeri pun daripada 14 buah negeri dalam Malaysia ini ditinggalkan walaupun dengan terang dan jelas, sama ada gas dan minyak di pertindihan Thailand-Malaysia.

Minyak dan gas di pertindihan Malaysia dan Thailand berada di permukaan laut negeri Kelantan. Maka sudah tentulah negeri ini dalam tahun-tahun mendatang, jangan ditinggalkan kerana dalam kita hendak mengimbangkan pembangunan negeri-negeri dalam Semenanjung, bahkan negeri Kelantan ini penduduknya 96 peratus Islam dan Melayu, jangan ditinggalkan negeri-negeri lain dari Pantai Barat yang telah lama maju, bahkan maju semasa penjajahan lagi.

Sudah tentulah negeri Kelantan lah sepatutnya negeri yang diberi tumpuan yang lebih untuk memajukan dan menyaingi dan mengimbangi pembangunan supaya sekata dan serata di seluruh negara, sepatutnya. Begitu juga, kita hendak tanya kerana setakat laporan yang saya terima iaitu soalan-soalan yang saya kemukakan di Parlimen ini, setakat ini tidak ada satu sen pun lagi dibayar pada Kelantan atas nama royalti. Itu jawapan rasmi kerajaan.

Jadi sebab itu saya pada tengah hari ini mengharapkan PETRONAS selaku syarikat yang mana pekerja dia daripada Presiden sampai ke bawah, 95 persen minimum orang Islam, orang Melayu dan juga syarikat kerajaan, berfikirilah secara ekonomik, mengambil aspek ekonomi, bukan aspek emosi untuk semula memikirkan sebuah kompleks yang telah dipersetujui, yang mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada ketika itu Tun Dr. Mahathir menjadi saksi kepada satu perjanjian yang ditandatangani oleh Menteri Besar Kelantan pada ketika itu, Yang Berhormat Tuan Guru Nik Haji Abdul Aziz Nik Mat dan Presiden KUB Construction, syarikat milik UMNO, tidak ada masalah.

Syarikat milik UMNO telah bersetuju untuk memajukan sebuah tempat yang dinamakan Pantai Senok dan Kerajaan Kelantan sendiri telah membelanjakan, dari sudut kajian kemungkinannya, dari sudut jalan-jalannya, dari sudut membina Keloil Sdn. Bhd. sebagai denak supaya PETRONAS datang melabur demi kemajuan negeri Kelantan, demi kemaslahatan Kelantan dan penduduk-penduduk Kelantan.

Kita belanja tidak kurang RM120 juta tetapi akhirnya emosi mengatasi logik, emosi mengatasi segala-gala sehingga sekarang sudah lebih 20 tahun projek itu tidak diteruskan. Akan tetapi sekarang ini waktunya adalah sesuai, kerana apa. Ini kerana dari tempat-tempat yang ditemui minyak dan gas, kerana gas dan minyak kita berkualiti tinggi, premium tinggi, kita *net exporter*, dengan izin, minyak dan gas.

Daripada sempadan-sempadan Thailand-Malaysia, Vietnam-Malaysia jarak kalau dibina paip gasnya 140 kilometer. Manakala dari tempat tersebut ke Chana, Patani, 270 kilometer. Manakala dari tempat tersebut ke Kemaman, Kerteh 370 kilometer. Kalau difikirkan jangka panjang, inilah waktunya hendak membina *gas pipeline* dari kawasan sempadan Malaysia-Thailand, Malaysia-Vietnam ke Kelantan 140 kilometer kerana apa? Ini kerana demi penjimatan kos pada masa-masa akan datang. Penjimatan kos ini dari sudut bila lagi pendek *gas pipeline, maintenance* dia lagi rendah dan juga kehilangan sama ada gas, minyak dia lagi bagus kerana kalau lagi panjang *maintenance* dia lagi tinggi dan kehilangan gas atau minyak lagi tinggi. Sama ada ke Chana, Patani, Thailand, ataupun ke Kemaman.

Jadi, adalah baiknya kalau dibina satu lagi ke Kelantan. Kalau di Chana, Patani, ada satu *gas processing plant*. Dari situ dibuat *pipeline*, dibina *pipeline* pula ke Bukit Kayu Hitam, ke Pulau Pinang. Jadi rasionalnya tidak ada di sini.

Oleh sebab itu adalah baiknya Kelantan ini *the only state*, hanyalah negeri yang belum lagi ada sebarang *pipeline* dibina oleh PETRONAS walaupun hasilnya datang dari situ. Kita jangan dengar komen-komen daripada *Exxon*, jangan dengar komen-komen daripada *Shell* kerana bagi mereka, mereka mengatakan tidak ada gas dan petroleum di sempadan itu.

Akan tetapi kalau kita tanya MAFI, kita tanya Huntington, Talisman, mereka berebut-rebut untuk meneroka kawasan-kawasan tersebut dan *alhamdulillah* menunjukkan semakin lama semakin banyak. Oleh sebab itu kita boleh mengeksport tidak kurang daripada 600 ribu *barrel* minyak dan kita mampu mengeksport gas kita yang berkualiti tinggi di seluruh dunia kerana jet-jet dan sebagainya menggunakan gas dan juga petroleum dari Malaysia.

#### ■1620

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat mengharap supaya PETRONAS dan kerajaan memikirkan kembali. Tambahan pula Perdana Menteri yang ada sekarang ini merupakan darah Kelantan. Pertama kali kita ada Perdana Menteri berdarah dari Kelantan. Jadi, kita minta kaji secara mendalam supaya datanglah- ini lah negeri 96 peratus orang Melayu dan Islam kita.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini kita bimbang seolah-olah sekarang ini kedudukan kita orang politik ini, *rating* yang diberi oleh rakyat, rasuah paling tinggi. Selepas daripada polis, ahli politik. Jadi, saya hendak mengesyorkan di dalam Dewan ini supaya kerajaan mengambil sikap proaktif supaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia ini sebaik-baiknya diletak di bawah Parlimen. Bukan lagi di bawah Jabatan Perdana Menteri kerana kalau ini dapat dilakukan, *insya-Allah rating* rakyat kepada *transparency index* rasuah di kalangan kita ahli politik ini akan lebih baik. Kalau kita dapat lakukan sebegitu rupa lah.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, saya sangat-sangat mengharap supaya tidak berlaku perpecahan antara parti-parti Melayu yang selama ini sudah lama bergaduh. Tiba-tiba inilah kali pertama berbaik, bercantum dan kita dapat menstabilkan politik dalam tempoh lebih dari dua tahun ini. Tiba-tiba dalam PRU-15 ini kalau hendak berlaku sebaliknya, saya rasa amat-amat mendukacitakan, orang-orang Islam dan orang-orang Melayu kita. Hendak berbaik ini bukan senang. Akan tetapi hendak putus ini, hendak bercerai itu mudah sahaja.

Jadi, kita minta semua pemimpin menggunakan ketenangan dari sudut berbincang supaya yang penting rakyat hendak melihat satu kestabilan dalam politik. Sudah tentu kita harus terima hakikat Perdana Menteri mestilah seorang Melayu Islam kerana majoriti penduduk di negara kita Malaysia ini adalah tidak kurang daripada 67 peratus Melayu dan Islam.

Jadi, saya mohon kalau boleh, kalau dapat perpecahan ini tidak berlaku. *Insya-Allah* rakyat sangat dahagakan kepada penyatuan tersebut. Jadi, saya ucap terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak ucap terima kasih kepada sahabat di sebelah saya. Jadi, saya hendak panggil dia YB-YB lah. Dia sudah Yang Berhormat Senator dan baru-baru ini dia menang di Johor. Tahniahlah sahabat ku. *Assalamualaikum*. Terima kasih dan saya mohon kerajaan benar-benar melihat kepada hasrat saya yang mewakili Kebawah Duli Sultan Kelantan, Kerajaan Negeri Kelantan dan rakyat Kelantan. *Wallahualam. Wabillahaufik walhidayah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohd Apani bin Mohamad atas perbahasan tadi.

Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Senator Puan Noraini binti Idris.

#### 4.23 ptg.

**Puan Noraini binti Idris:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam sejahtera dan salam keluarga Malaysia.



Pertamanya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua atas peluang dan ruang yang diberikan kepada saya untuk turut serta membahaskan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bagi Dewan Negara, Penggal Kelima, Parlimen Keempat Belas ini.

Sebagai mukadimah bagi ucapan perbahasan sulung saya selaku Ahli Dewan Negara yang dipilih dalam Dewan Undangan Negeri Sabah, saya juga ingin menzahirkan penghargaan serta ucapan terima kasih saya kepada kepimpinan Kerajaan Negeri Sabah yang diterajui oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Datuk Seri Hajiji bin Noor dan Timbalan Ketua Menteri Sabah iaitu Yang Berhormat Dato' Seri Panglima Bung Moktar bin Radin atas sokongan dan kepercayaan yang diberikan kepada saya untuk mewakili negeri Sabah di Dewan yang mulia ini.

*Insyaa-Allah*, menjunjung mandat yang diamanahkan, saya akan berusaha menyuarakan isi hati dan suara rakyat khususnya rakyat Sabah di Dewan Negara ini. Tuan Yang di-Pertua,

*Pokok Cengal kayunya keras;  
Ditebang dipahat dijadikan titian.  
Dewan Parlimen tempat berbahas;  
Agenda rakyat jadi keutamaan.*

Sebelum itu, saya juga ingin mengambil kesempatan mengucapkan selamat hari wanita kepada semua wanita di seluruh negara. Semoga wanita akan terus memberikan inspirasi kepada orang-orang yang berada di sekitar wanita. Saya juga ingin merakamkan tahniah kepada Barisan Nasional kerana menang pada PRN Johor baru-baru ini. Di mana BN telah memperoleh 40 Kerusi daripada 56 Kerusi di PRN Johor.

Tuan Yang di-Pertua, perihal ekonomi rakyat merupakan antara isu yang sangat dekat di hati rakyat yang saya ingin sentuh. Perihal gaji minimum yang sedang hangat diperkatakan oleh rakyat seharusnya dijadikan tumpuan dalam perbahasan Parlimen khususnya di Dewan Negara yang mulia ini.

Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong juga ada mengingatkan kita tentang kesenjangan ekonomi rakyat yang boleh menjadi batu penghalang kepada usaha ke arah mewujudkan kemakmuran negara. Berikut serangan wabak COVID-19 yang melanda dunia awal tahun 2020. Kerancangan pertumbuhan ekonomi negara kita sedikit terencat terutamanya apabila banyak aktiviti ekonomi yang melibatkan rakyat sebagai tenaga kerja terpaksa gulung tikar.

Sedang kita berhadapan dengan ketidaktentuan ekonomi global yang sedang dikucar-kacirkan dengan kemelut geopolitik Russia-Ukraine. Keupayaan ekonomi rakyat seharusnya diberi perhatian oleh kerajaan khususnya dalam soal pelaksanaan gaji minimum. *Alhamdulillah* pelaksanaan gaji minimum nasional akan menjadi realiti bermula 1 Mei nanti. Pengumuman yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bakal melakar satu lembaran baharu dalam dimensi ekonomi negara. Kesejahteraan ekonomi rakyat seharusnya dijadikan sebagai fokus terpenting oleh kerajaan khususnya Kementerian Sumber Manusia serta kementerian-kementerian lain yang berkaitan.

Oleh sebab itu, sebarang usaha ke arah meningkatkan taraf hidup rakyat wajar diwujudkan dengan pelan pelaksanaan yang tersusun agar impian kita untuk merealisasikan pelaksanaan gaji minimum tidak menjerut rakyat di kemudian hari. Lebih-lebih lagi mereka yang berada dalam segmen majikan.

Seperti yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi wajar mewujudkan sinergi dalam menyediakan strategi dan alternatif khusus bagi mempersiapkan negara kita untuk berhadapan dengan sebarang bentuk cabaran ekonomi luar jangka yang boleh memberi risiko kepada golongan peniaga kecil dan sederhana apabila nilai paras gaji minimum dinaikkan kepada RM1,500 kelak.

Justeru, saya meletakkan harapan kepada Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia agar dapat menyegerakan perbincangan serta libat urus bersama para pengusaha PKS atau usahawan mikro serta operator perniagaan berskala *enterprise*. Pandangan mereka wajar didengari oleh kerajaan dan kebersamaan itulah yang akan menjadi pendukung terpenting kerajaan dalam membentuk keharmonian Keluarga Malaysia.

Pelaksanaan gaji minimum kebangsaan ini merupakan satu agenda yang besar dan ia hanya akan menuai manfaat buat Keluarga Malaysia sekiranya pelan tindakan yang dilakar oleh Kementerian Sumber Manusia selari dengan realiti sebenar yang dihadapi oleh rakyat pelbagai segmen yang berada di bawah kelolaan kementerian-kementerian tertentu. Agenda ini agenda bersama kerajaan Keluarga Malaysia.

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi khususnya perlu menggunakan pelbagai pendekatan yang segar dan berfokus bagi mendekati golongan usahawan PKS di seluruh negara bagi menyelami suara hati mereka dalam perihal gaji minimum. Lebih molek lagi pelaksanaan gaji minimum ini disertakan dengan pelbagai bentuk galakan buat syarikat-syarikat berskala kecil terutamanya mereka yang menjalankan aktiviti perniagaan yang melibatkan sumber manusia.

Kementerian Kewangan sewajarnya menyediakan *financial relief*, dengan izin, atau kemudahan-kemudahan kewangan tertentu yang boleh menyuntik galakan buat golongan sasar tersebut agar mereka juga dapat bersama-sama pasaran kerja aktif yang lain dalam mendorong penyertaan baharu daripada kalangan graduan universiti, contohnya OKU mahupun anak-anak muda.

Sebagai cadangan, Kementerian Kewangan menerusi Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi seharusnya menyediakan pelbagai bentuk subsidi atau insentif khas buat pengendali-pengendali syarikat kecil untuk membeli kelengkapan-kelengkapan asas perniagaan mereka dengan nilai subsidi diberikan mengikut skala operasi perniagaan serta rekod perolehan pendapatan terdahulu.

#### ■1630

Saya mengharapkan agar Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia dapat berperanan sebagai pengemudi kerajaan Keluarga Malaysia dalam memuktamadkan dengan segera segala strategi dan pelan tindakan yang boleh menjadikan agenda pelaksanaan gaji minimum ini sebagai resipi terbaik bagi mengangkat darjah ekonomi rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dengan perihal pembangunan infrastruktur seperti jalan raya yang menjadi penghubung kepada pembangunan sosioekonomi antara negeri dan wilayah. Pelan Pembangunan Rangkaian Jalan Raya 2030 yang diilhamkan oleh Kementerian Kerja Raya sewajarnya dijadikan sebagai dorongan buat kementerian dalam menjayakan agenda pembinaan Lebuhraya Pan Borneo serta *Sarawak-Sabah Link Road* mengikut garis waktu yang telah dirancang.

Seperti yang dititahkan oleh Yang di-Pertuan Agong, kedua-dua projek lebuhraya tersebut berupaya menjadi nadi pembangunan yang syumul buat kedua-dua negeri ini, lebih-lebih lagi projek Lebuhraya Pan Borneo merupakan sandaran terpenting kerajaan dalam menjuarai fokus ketujuh- Rancangan Malaysia Kedua Belas yang menumpukan soal pembangunan negeri Sabah. Sebagai anak jati Sabah, saya mengharapkan agar pembinaan Fasa I, Lebuhraya Pan Borneo Sabah dapat disiapkan sepenuhnya sebelum akhir tahun ini.

Bagi mencapai hasrat tersebut, Jabatan Kerja Raya Persekutuan perlu mewujudkan keseragaman dalam aspek penyaluran peruntukan bagi kedua-dua negeri agar pelaksanaan Fasa I, Lebuhraya Pan Borneo ini berjaya disempurnakan secara saksama.

Setakat Oktober 2021, pembinaan Fasa I, bagi Lebuhraya Pan Borneo Sabah siap 62 peratus berbanding dengan 78 peratus bagi Fasa I, bagi Lebuhraya Pan Borneo Sarawak setakat Januari 2022. Begitu juga dengan Projek *Sarawak-Sabah Link Road*. JKR Persekutuan sewajarnya merangka pelan integrasi projek yang membolehkan JKR Persekutuan dan JKR Sabah khususnya meneliti tahap kemajuan Fasa I Projek Jalan raya tersebut demi memastikan tiada kekangan luar jangka yang boleh merencatkan proses pembinaan.

Seiring dengan cetusan Rancangan Malaysia Kedua Belas, kepekaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam aspek pembangunan saksama bagi negeri Sabah terserlah menerusi penambahan tiga buah pakej lagi Lebuhraya Pan Borneo Zon Timur yang telah dilancarkan sendiri oleh beliau pada November tahun lepas. Tidak ragu lagi Lebuhraya Pan Borneo dan *Sarawak-Sabah Link Road* akan menjadi penjalın ekonomi masa hadapan yang menyatukan Malaysia, Brunei dan Indonesia dalam mendukung agenda kawasan pertumbuhan ASEAN Timur. Lebih-lebih lagi apabila Indonesia bakal memindahkan ibu kota negaranya ke Wilayah Kalimantan yang sudah tentu akan memberikan impak besar daripada segi perdagangan dan pertumbuhan dan juga limpahan ekonomi merentasi sempadan di antara Wilayah Kalimantan, Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, *alhamdulillah* ketegasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam menangani isu yang menyentuh perihal tuntutan pihak yang mengaku sebagai waris Sultan Sulu telah memberi kelegaan buat kita, lebih-lebih lagi rakyat Sabah. Hal ini juga menunjukkan betapa Kerajaan Persekutuan amat serius dan peka terhadap usaha mempertahankan kedaulatan negara, khususnya Wilayah Sabah. Mewakili suara Sabah, saya ingin menyatakan sokongan saya terhadap kewajaran tindakan kerajaan yang telah memfailkan permohonan membatalkan *Final Award* yang diberikan oleh Mahkamah Arbitrasi Paris di Perancis kepada pihak yang mengaku waris Sultan Sulu tersebut.

Saya mengharapkan agar bantahan tersebut dapat menyelamatkan Malaysia daripada apa jua tuntutan yang tidak munasabah yang dibuat oleh mana-mana pihak asing tertentu yang sewenang-wenangnya menjadikan wang sebagai pengukur bagi kedaulatan sesebuah negara. Kedaulatan negara bukan boleh ditimbang tara sesuka hati tanpa pengadilan yang rasional. Sabah telah menjadi sebahagian daripada negara Malaysia pada 16 September 1963 dan telah diiktiraf oleh Bangsa-Bangsa Bersatu sekian lama. *Insyaa-Allah*, Kerajaan Malaysia akan mencapai kejayaan terhadap pembatalan ke atas tuntutan tidak sah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh perihal Rang Undang-undang Anti Gangguan Seksual. Saya menyambut baik pelaksanaan enam inisiatif Wanita Keluarga Malaysia yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam majlis perasmian Hari Wanita baru-baru ini yang turut merangkumi pewujudan Rang Undang-undang Khas Bagi Gangguan Seksual.

Biar pun Inisiatif Wanita Keluarga Malaysia tersebut dikritik hebat sebelum ini kerana kelewatannya dibawa ke perhatian Parlimen, namun saya percaya dengan terbentangnya Rang Undang-undang Anti Gangguan Seksual bagi bacaan pertama dalam sidang Dewan Rakyat yang lepas, Kerajaan Keluarga Malaysia akan memastikan rang undang-undang ini berjaya diangkat menjadi perundangan Persekutuan menerusi persetujuan kedua-dua Majlis Parlimen.

Undang-undang khas bagi gangguan seksual sewajarnya menjadi pembela bagi kaum wanita khususnya yang sering menjadi mangsa kedurjanaan seksual. Namun berdasarkan draf pertama Rang Undang-undang Anti Gangguan Seksual, tiada satu peruntukan pun yang menyentuh tentang aspek pembelaan terhadap mangsa gangguan seksual. Daripada perspektif undang-undang, pembelaan terhadap mangsa selalunya dibuat menerusi sabitan hukuman tertentu buat pesalah yang dituduh selain penyediaan perlindungan lanjutan buat mangsa.

Saya merasakan draf pertama ini perlu diberi penelitian semula oleh pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat memandangkan rang undang-undang tersebut hanya meliputi perihal tribunal khas yang dibentuk bagi mendengar kes-kes gangguan seksual yang dilaporkan.

Seperti yang telah disuarakan oleh beberapa buah persatuan wanita bukan kerajaan termasuk *Women Aid Organization*, rang undang-undang tersebut memerlukan semakan semula bagi memastikan setiap satu- elemen pembelaan terhadap mangsa dan penghukuman bagi pelaku dinyatakan secara jelas.

Persatuan-persatuan wanita ini juga telah mendesak menerusi kempen yang diberi nama #kajisemularuuantigangguanseksual agar rang undang-undang ini dapat menumpukan perihal penglibatan organisasi dan persekitaran dalam melindungi mangsa gangguan seksual. Realitinya seperti yang kita sendiri sedar, masih terdapat ramai daripada kalangan mangsa gangguan seksual khususnya di tempat kerja, tidak melaporkan insiden gangguan seksual yang dialami oleh mereka kepada pihak majikan atau pengurusan sumber manusia mungkin kerana takut.

Jadi apa jaminan kementerian sekiranya pembentukan tribunal ini dibuat, mangsa berani untuk tampil ke hadapan dan mengadu kepada pihak ketiga iaitu Tribunal Khas tersebut. Seperti undang-undang lain, pesalah harus diberikan hukuman yang rasional dengan perlakuan jenayah mereka. Justeru, draf bagi rang undang-undang ini seharusnya dengan jelas memperuntukkan hukuman-hukuman tertentu bagi pesalah yang disabit dengan kesalahan-kesalahan yang termaktub dalam definisi gangguan seksual. Bagi memastikan rang undang-undang tersebut mencakupi kesaksamaan keadilan bagi mangsa dan pesalah, suatu Jawatankuasa Khas Parlimen bersama yang terdiri daripada ahli-ahli wanita dan lelaki daripada kedua-dua Majlis Parlimen perlu ditubuhkan.

Ia bertujuan bagi merungkai inti pati-inti pati penting yang membolehkan Rang Undang-undang Anti Gangguan Seksual berupaya dijadikan sebagai pelindung perundangan buat seluruh mangsa gangguan seksual tidak kira di mana ia berlaku dan kepada siapa ia diperlakukan. Oleh yang demikian, saya mengharapkan agar rang undang-undang ini tidak dibuat secara terburu-buru. Penelitian serta pandangan dwi partisan dan bukan partisan dalam merungkai hal-hal berkaitan gangguan seksual perlu dilaksanakan secara berhemah dan profesional demi memastikan perundangan ini menjadi pembela yang utuh buat wanita.

Tuan Yang di-Pertua, jika wanita dihormati dan dicintai kerana keayuan serta kelembutannya, Malaysia disanjung kerana kepelbagaian budaya yang disatukan dengan bahasa jiwa bangsa. Secara peribadi, saya menyambut baik saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri agar Bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa komunikasi dalam urusan rasmi kerajaan di luar negara lebih-lebih lagi yang melibatkan rundingan dua hala.

#### ■1640

Semua pihak perlu menyokong usaha memartabatkan bahasa ibunda kita kerana Bahasa Melayu mempunyai keagungan yang tersendiri untuk diiktiraf sebagai bahasa global yang boleh dituturkan oleh penduduk dunia, tidak kira warna kulit, fahaman agama mahupun budaya resam mereka. Bahasa Melayu berupaya menjadi bahasa penghubung bagi setiap urusan rasmi dua hala yang melibatkan negara-negara ASEAN seantero kita seperti Brunei dan Singapura yang turut menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pertuturan.

Bahasa Melayu merupakan bahasa yang ketujuh di dunia daripada segi jumlah penutur, di mana lebih daripada 300 juta orang di Asia menggunakan bahasa ini sebagai bahasa pertuturan seharian. Bagi melestarikan penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa pertuturan dalam agenda-agenda rasmi kerajaan di pentas antarabangsa, kefasihan kita berkomunikasi dalam Bahasa Melayu seharusnya diberi perhatian terlebih dahulu oleh kita, Ahli-ahli Parlimen. Lebih-lebih lagi mereka yang berada dalam cabang Eksekutif Persekutuan yang banyak berurusan dengan negara-negara luar.

Penggunaan bahasa Malaysia semasa dalam pengendalian mesyuarat dan penjenamaan program perlu diutamakan, bukan sahaja oleh agensi kerajaan tetapi juga di kalangan syarikat berkaitan (GLIC) dan sektor swasta. Sebagai tanda kerajaan amat tegas dalam pelaksanaan Dasar Bahasa Kebangsaan, langkah pemantauan dan penguatkuasaan juga perlu. Sebagai contoh, iklan-iklan di papan tanda, *billboard*, *TV*, *even* nama kawasan perumahan yang masih tidak menggunakan Bahasa Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, saya sentiasa percaya pembangunan demokrasi sesebuah negara perlu ditunjangi dengan kredibiliti dan keterampilan yang dipersembahkan oleh Parlimen yang merupakan pentas demokrasi terulung negara yang menjulang suara rakyatnya. Mohon masa tambahan, Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Berapa lama?

**Puan Noraini binti Idris:** Mungkin dalam tiga minit.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya ingat boleh rumuskan, Oleh sebab kita ada ramai lagi pembahas.

**Puan Noraini binti Idris:** Okey, sekejap ya, Tuan Yang di-Pertua. Menjunjung Kasih Titah ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang turut menzahirkan soal kesepakatan politik menerusi peranan bersama kedua-dua Majlis Parlimen.

Saya merasakan bahawa tiba masanya Dewan Negara diberikan lonjakan baharu dalam aspek kesaksamaan gender dalam representasi Dewan Negara sebagai pentas Legislatif tertinggi Parlimen Malaysia. Seperti yang dihasratkan bersama oleh rakyat yang semakin peka terhadap perihal martabat Parlimen, politik Malaysia pasca Pilihanraya Umum Ke-14, sewajarnya disuntik dengan rencana yang lebih progresif, yang mampu mengangkat peranan wanita sebagai pendukung demokrasi di Parlimen.

Seiring dengan tema Hari Wanita Antarabangsa 2022, "Saksama Bersama" dan "Agenda Kelestarian Pembangunan 2030" atau "*Gender Equality Today for a Sustainable Tomorrow*" yang mengaspirasikan kesaksamaan gender. Sebagai aspirasi kelima, agenda yang diangkat oleh *United Nations Women* tersebut, saya dengan rendah diri ingin mencadangkan kepada Dewan yang mulia ini agar ditambah satu lagi jawatan Timbalan Yang di-Pertua, di mana jawatan ini dimandatkan kepada Ahli Dewan Negara wanita...  
[Tepuk]

Hasrat tersebut tidak akan pernah mampu direalisasikan sekiranya kita Ahli-ahli Dewan Negara, baik kaum Adam ataupun Hawa, Eksekutif atau bukan Eksekutif, Pakatan Harapan mahupun kerajaan tidak menonjolkan kebersamaan bagi menjayakan aspirasi kesaksamaan gender dalam perihal partisipasi kepimpinan Dewan Negara. Oleh sebab masa terlalu cemburu, izinkan saya untuk mengakhiri ucapan saya dengan serangkap pantun.

*Malaysia hebat menjulang wawasan;  
Rakyat bersatu menuai masa hadapan,  
Dewan Negara dewan harapan;  
Keterampilannya utuh wajar dipertahankan.*

Sekian sahaja ucapan perbahasan saya, silap pertuturan mohon maafkan. Saya menjunjung kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Noraini binti Idris, atas perbahasannya tadi.

Seterusnya, saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff.

#### 4.45 ptg.

**Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, yang telah memberikan ruang kepada saya untuk membahaskan Titah Diraja sempena Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Parlimen yang berlangsung pada 28 Februari yang lalu.

Syukur kepada Allah SWT, dan junjung kasih Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas Titah yang menjadikan agenda rakyat sebagai keutamaan dalam pengurusan negara. Satu Titah yang menyentuh isu-isu yang sedang dihadapi oleh rakyat yang dirangkumkan dengan teratur secara menyeluruh. Saya mengambil peluang ini juga untuk berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia yang mengetuai Kerajaan Perikatan Nasional, yang prihatin atas pelaksanaan pelbagai inisiatif demi kesejahteraan rakyat dalam menghadapi ujian pandemik COVID-19 dan bencana banjir luar biasa.

Dua tahun yang penuh cabaran, yang telah merobek banyak hati, perasaan, poket, kesihatan, ekonomi serta pendidikan rakyat di seluruh negara. Tuan Yang di-Pertua, kita akan memasuki fasa endemik tidak lama lagi, bermula 1 April ini. Kenaikan kes yang berlaku sejak Februari yang lalu sudah tidak menjadi kerisauan atau kebimbangan di kalangan rakyat kita. Rakyat sudah leka dalam mematuhi SOP. Fasa endemik bukan fasa untuk rakyat bebas dan bersuka ria, ia fasa yang perlukan kawalan dan pengurusan yang lebih baik. Apakah kerajaan sudah bersedia untuk menghadapi cabaran fasa endemik? Kejadian penularan yang meragut nyawa boleh berlaku bila-bila masa. Oleh itu, apakah usaha-usaha atau persiapan yang telah kerajaan laksanakan untuk menguruskan sebarang kemungkinan yang akan berlaku?

Kita juga bersyukur atas kejayaan Program Vaksinasi COVID-19 ke atas penduduk dewasa yang telah memungkinkan kita untuk memasuki fasa endemik. Kita telah menyaksikan kenaikan kes secara mendadak bermula awal Februari yang lalu. Kita faham dan mengetahui varian *Omicron* sangat cepat dan mudah merebak tetapi tidak menyebabkan kesan yang serius kepada pesakit. Rakyat merasakan COVID-19 sudah tidak bahaya dan mereka lebih rela untuk dijangkiti untuk mendapat imuniti secara semula jadi.

Apa yang mereka tidak tahu ialah komplikasi kepada jangkitan COVID-19 yang boleh meningkatkan pelbagai risiko sakit jantung seperti yang telah dilaporkan dalam dapatan kajian yang dijalankan oleh pakar dari Hospital John Hopkins. Risiko sakit jantung ini bukan sahaja berlaku kepada pesakit kategori tiga hingga lima tetapi juga berlaku kepada pesakit COVID-19 yang tidak bergejala.

Oleh itu, kita perlu sedar bahawa kadar vaksinasi untuk dos penggalak yang kita sedang hadapi sekarang ini terlalu rendah. Jadi, kita perlu sedar bahawa jika kita tidak divaksinakan, kemungkinan kita untuk mendapat penyakit COVID-19 adalah tinggi. Jika kita mendapat jangkitan *Omicron*, kita rasa tidak apa tetapi jika kita mendapat varian lain, yang kita tidak tahu bagaimana akan berlaku di negara kita.

Oleh sebab kita tahu di Eropah dan US sudah ada jangkitan varian baharu yang dinamakan *Deltacron* yang mungkin lebih bahaya. Jadi, kita sepatutnya menggalakkan rakyat-rakyat kita untuk mengambil dos penggalak.

Salah satu faktor kenapa rakyat kita tidak mengambil dos penggalak, disebabkan penularan video-video yang menakutkan yang tersebar luas di media-media sosial yang menyebabkan rakyat kita rasa tidak perlu lagi mengambil dos penggalak. Apakah tindakan kerajaan ke atas individu-individu yang membawa berita tidak tepat dan seterusnya menularkan video di media-media sosial? Tularan yang sendirinya lebih cepat daripada virus *Omicron*.

#### ■1650

Kita tidak nafikan ada segelintir yang mendapat kesan sampingan selepas vaksinasi, rakyat perlukan penjelasan daripada pihak yang berautoriti. Kementerian seolah-olah berdiam diri apabila persoalan-persoalan isu kesan sampingan ditimbulkan. Kerajaan perlu tampil ke hadapan memberi pencerahan yang betul dan jelas supaya rakyat betul-betul faham. Kerajaan juga perlu memberi penjelasan bagaimana prosedur laporan kesan sampingan vaksin dan juga prosedur tuntutan pampasan boleh dibuat. Ia adalah perlu bagi memberi keyakinan kepada rakyat untuk mengambil dos penggalak.

Minggu ini pula, anak-anak kita sudah mula bersekolah, memulakan sesi persekolahan yang baharu secara bersemuka. Kebimbangan kita adalah berlakunya lonjakan kenaikan kes pada kanak-kanak. Ibu bapa mungkin tidak risau kerana COVID-19 sudah dianggap seperti demam selesema biasa. Akan tetapi, para barisan hadapan sudah mulai bimbang kerana peratusan vaksinasi pada kanak-kanak masih lagi pada tahap rendah dan kadar kemasukan ke wad dan ICU kanak-kanak sudah mula meningkat.

Kebimbangan juga kepada risiko sindrom keradangan *multisystem* kanak-kanak yang akan berlaku sekiranya jangkitan COVID-19 terjadi pada mereka. Oleh itu, saya memohon penjelasan daripada pihak kementerian, situasi semasa penyakit COVID-19 pada kanak-kanak. Berapa peratuskah penggunaan katil di hospital dan katil wad ICU kanak-kanak sehingga kini? Sejauh mana pula kesediaan pihak Kementerian Kesihatan untuk menghadapi situasi ini? Apakah langkah-langkah yang sudah dilaksanakan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia untuk memastikan kawalan penyakit COVID-19 di kalangan kanak-kanak sekolah pada tahap optimum?

Tuan Yang di-Pertua, sudah lebih dua tahun para barisan hadapan bekerja melawan penyakit COVID-19. Para doktor kontrak adalah antara yang bekerja keras untuk memastikan rawatan yang terbaik kepada rakyat. Terima kasih para doktor dan semua petugas barisan hadapan.

Saya juga ingin berterima kasih kepada kerajaan yang telah mewujudkan sebanyak 3,586 jawatan tetap kepada pegawai perubatan bermula tahun ini dengan tambahan sebanyak 1,500 jawatan setahun bermula tahun hadapan sehingga tahun 2025. Justeru itu, saya ingin bertanya, berapa ramai Pegawai-pegawai Perubatan Kontrak yang belum diserap kepada jawatan tetap dan berapa lama mereka perlu menunggu untuk diserap ke jawatan tetap? Adakah kontrak mereka akan diperbaharui apabila tamat sebelum mereka diserap ke jawatan tetap? Apakah pelan jangka masa panjang kerajaan dalam menyelesaikan isu lambakan doktor pada masa hadapan?

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya membaca maksud Firman Allah SWT daripada surah Al-Baqarah Ayat 177, "*Dan janganlah kamu makan harta orang-orang lain di antara kamu dengan jalan yang batil dan janganlah kamu mengeluarkan harta kamu atau memberi rasuah kepada Hakim-hakim supaya kamu dapat mengambil sebahagian daripada harta orang dengan cara berbuat dosa, padahal kamu mengetahui salahnya*".

Jelaslah jenayah rasuah ini bukan sahaja satu kesalahan berat di sisi undang-undang dunia, malahan salah satu jenayah yang bakal mengundang azab Allah SWT di akhirat kelak. Kesalahan rasuah tidak hanya diukur pada kecil atau besar nilai yang diterima atau sama da seseorang itu pemberi, penerima atau menjadi orang tengah kepada perbuatan ini. Rasuah merupakan isu yang perlu diberi perhatian oleh kerajaan. Imej kerajaan menjadi rosak akibat perlakuan-perlakuan rasuah oleh pegawai-pegawai tinggi kerajaan ataupun swasta.

Pada tahun 2021, Malaysia telah mendapat skor *Corruption Perceptions Index* (CPI) dengan izin, sebanyak 48 dan kini berada di kedudukan tangga 62 daripada 180 buah negara yang terlibat. Pada tahun 2020, Malaysia telah menerima skor sebanyak 51 dengan kedudukan pada tangga 57. Amat mengecewakan apabila selama dua tahun berturut-turut, Malaysia menunjukkan trend penurunan.

Trend penurunan skor CPI Malaysia perlu dihentikan. Buat pertama kali sejak tahun 2012 dengan skor 48 untuk tahun 2021, Malaysia kini di kelompok antara dua pertiga negara dengan skor di bawah 50. Sesuatu yang memalukan. Kita bimbang CPI terbaharu ini akan memberi kesan negatif kepada keputusan pelabur untuk terus melabur di Malaysia. Dengan itu saya mohon penjelasan dari kerajaan, apakah faktor yang telah menyebabkan skor CPI makin menurun dan apakah inisiatif yang telah dilaksanakan oleh kerajaan untuk memastikan indeks ini semakin meningkat?

Kerajaan perlu memastikan komitmen dan usaha-usaha untuk memantapkan integriti serta mencegah perlakuan rasuah diteruskan dan ditambah baik. Langkah-langkah tegas perlu dilaksanakan bagi membanteras rasuah, bukan setakat kempen-kempen kesedaran sahaja. Tindakan yang tegas perlu diambil kepada pesalah-pesalah, manakala usaha-usaha untuk mencegah perlu dipergiatkan. Usaha menanam rasa benci dan jijik pada rasuah hendaklah dimulakan daripada usia muda atau peringkat sekolah dan jika perlu kerajaan boleh memasukkan dalam silibus sekolah.

Rasulullah SAW telah menegaskan dalam sabdanya yang bermaksud, "*Laknat Allah ke atas pemberi rasuah dan penerima rasuah. Perasuah dan penerima rasuah, tempatnya dalam neraka*". Akan tetapi gejala rasuah ini sangat tegar berlaku dalam kalangan masyarakat Islam di negara kita. Suatu yang menyedihkan apabila seorang Islam sudah tidak sensitif kepada hukum Islam, dosa dan pahala. Ingatlah kita tidak akan terlepas daripada hukuman Allah.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan saya, jumlah kes terkini yang sudah dibuka kertas siasatan dan daripada jumlah tersebut, berapakah kes yang berprofil tinggi dan sensitif yang sedang disiasat oleh SPRM? Apakah usaha SPRM atau pihak kerajaan dalam memastikan kes-kes berprofil tinggi ini dibicarakan dengan adil dan tidak akan terlepas jika terbukti bersalah?

Tuan Yang di-Pertua, junjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang juga telah membangkitkan isu-isu aliran pemikiran yang mengelirukan dan usaha-usaha menormalisasikan budaya yang bercanggah dengan budaya agama Islam. Justeru itu saya ingin bertanya, apakah usaha-usaha atau pelan perancangan yang sudah dan akan dilaksanakan oleh pihak kementerian bagi menangani isu ini? Saya juga ingin bertanya apakah tindakan kementerian ke atas sebaran media televisyen yang menyiarkan drama-drama yang seolah-olah mempromosikan normalisasi yang bercanggah dengan hukum Islam.

Tuan Yang di-Pertua, fenomena perubahan iklim yang telah mengakibatkan kejadian banjir yang luar biasa di Malaysia, banjir di luar musim khususnya di negeri Kelantan memberi kesan luar biasa kepada rakyat. Kalau sebelum ini rakyat Kelantan menghadapi bencana banjir dengan penuh persediaan, tetapi kali ini mereka hanya sempat menyelamatkan diri. Justeru itu saya ingin bertanya, adakah Bantuan Banjir Keluarga Malaysia juga dipanjangkan kepada rakyat Kelantan sama seperti yang diberikan kepada rakyat Selangor, Pahang dan Wilayah.

Kita berterima kasih kepada kerajaan yang telah memulakan projek tebatan banjir Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu di sepanjang Sungai Golok yang melibatkan tiga buah Parlimen iaitu Rantau Panjang, Pasir Mas dan Tumpat. Pada akhir tahun lepas, kejadian banjir termenung melebihi satu bulan telah berlaku di Parlimen Rantau Panjang akibat pembinaan tebatan banjir. Keadaan ini telah menyusahkan rakyat dan boleh mendedahkan penduduk di kawasan tersebut kepada risiko penyakit-penyakit berjangkit.



Banjir luar biasa yang berlaku di luar musim pada akhir Februari lalu juga bertambah teruk dengan projek tebatan banjir yang belum siap. Jadi, apa tindakan segera atau langkah jangka masa pendek yang telah diambil oleh kementerian bagi memastikan kejadian ini tidak berulang lagi.

Rakyat Kelantan amat berharap kerajaan dapat memberi keutamaan kepada projek pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Golok yang dilaksanakan secara berfasa ini dan dapat disejajarkan. Negeri Kelantan juga memohon supaya semua projek infrastruktur ECRL, *Central Spine Road*, Lebuhraya Kota Baharu-Kuala Krai dapat diberi keutamaan seperti janji kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ke-12.

#### ■1700

Saya juga membawa pertanyaan rakyat Kelantan, bila agaknya royalti minyak akan dibayar. Harapan kami tinggi menggunung bagaikan menunggu bulan jatuh ke riba. Sudah tiga Perdana Menteri pada penggal ini tetapi kami masih lagi menunggu.

Tuan Yang di-Pertua, Kelantan sebuah negeri yang mempunyai budaya yang unik yang diamalkan oleh rakyatnya yang berbilang bangsa, rakyat Melayu, Cina, India dan Siam sudah mengamalkan budaya cara hidup yang sama dan disatukan dengan medium bahasa loghat Kelantan walaupun agama mereka berbeza.

Sudah jelas bahasa boleh menyatukan bangsa, begitu juga negara jiran kita Indonesia yang menyatukan bangsa mereka dengan Bahasa Indonesia. Mereka fasih berbahasa kebangsaan. Justeru itu, saya ingin bertanya sejauh mana usaha kita dalam menjadikan bahasa kebangsaan kita sebagai alat perpaduan kaum.

Kita rakyat Malaysia seharusnya berbangga dengan bahasa kita dan semua kaum sepatutnya fasih berbahasa Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, Kelantan juga amat kaya dengan seni budaya yang menarik, antaranya budaya wanita warga emas Kelantan yang suka menghabiskan usia emas mereka di pondok-pondok.

Justeru itu saya ingin memohon Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya supaya menyediakan kajian dan peruntukan kepada pondok-pondok warga emas terutama dalam pembangunan prasarana untuk dijadikan destinasi pelancongan ilmu dan ibadat yang secara tidak langsung boleh memacukan ekonomi penduduk setempat.

Pihak kementerian mungkin sedar setiap kali tiba Ramadhan, hotel-hotel di sekitar Madinah Ramadhan Kota Bharu sentiasa penuh ditempah oleh pelancong-pelancong luar Kelantan. Pondok warga emas merupakan tempat yang baik sebagai pusat yang boleh merawat kesihatan mental dan spiritual di usia emas.

Tuan Yang di-Pertua, buat pertama kali saya melihat dengan mata kepala saya sendiri sebuah sekolah yang daif di kawasan yang jauh pendalaman. Semasa lawatan kerja Jawatankuasa Pilihan Khas Sosiobudaya Komunikasi dan Pendidikan ke Sarawak pada Februari yang lalu. Secara peribadi merasakan sudah tiba masanya kerajaan mengambil langkah drastik bagi menyelesaikan isu sekolah daif dan sekolah kurang murid terutamanya di negeri Sarawak dan Sabah.

Isu ini perlu ditangani segera dengan bijak supaya kanak-kanak sekolah luar bandar ini tidak diskriminasikan dalam pendidikan dan demi masa depan mereka. Jurang perbezaan pendidikan antara kawasan bandar dan luar bandar ini perlu dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong kementerian yang membangunkan modul tahfiz TVET yang membuka peluang kepada pelajar-pelajar tahfiz seluruh negara. Negeri Kelantan yang mempunyai banyak sekolah tahfiz, sama ada di bawah Yayasan Islam Kelantan atau persendirian seharusnya menyambut baik usaha ini.

Justeru itu, saya sebagai wakil dari negeri Kelantan memohon supaya peruntukan kepada sekolah-sekolah tahfiz ditambah lagi untuk merealisasikan pendidikan tahfiz TVET negara.

Saya amat berharap ia dapat direalisasikan dengan cepat seperti cita-cita Allahyarham Tok Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat untuk melihat seorang profesional Al-Hafiz sudah tercapai di Kelantan dengan wujudnya sekolah-sekolah atau Mahad Tahfiz Sains di Kelantan.

Oleh sebab masa tidak mengizinkan, saya rasa saya sudahkan ucapan perbahasan saya ini dengan sama-sama menyeru supaya semua kakitangan dan juga ahli-ahli politik bekerjasama bekerja untuk rakyat dan meminggirkan dahulu jangan berpolitik sentiasa, *insya-Allah*. Saya juga menjunjung kasih Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada sesi pembukaan Mesyuarat Pertama, Penggal Kelima, pada 28 Februari lalu. Dengan itu, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff.

Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz.

#### 5.04 ptg.

**Dato' Juhanis binti Abd Aziz:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Salam Keluarga Malaysia.

*Alhamdulillah* terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan sidang Dewan ini yang telah memberi kesempatan kepada saya untuk membahaskan Usul Menjunjung Kasih atas Titah ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada persidangan kali ini.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia dan politik sememangnya tidak boleh dipisahkan. Sebagai negara yang mengamalkan konsep demokrasi, kita tidak dapat lari dari berpolitik dan politik jugalah yang memacu pentadbiran negara meskipun kita kini dalam landskap politik baru.

Saya berharap agar kita dapat kurangkan berpolitik dan menumpukan fokus dan perhatian kita untuk membantu rakyat yang kian tertekan dan terdesak kesan daripada pandemik COVID-19 dan menyokong titah Tuanku.

Kita harus matang dalam berpolitik dan terus mengekalkan persefahaman dan kestabilan politik yang ada kini. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan, khususnya Kementerian Kewangan atas usaha melaksanakan pelbagai pakej bantuan dan rangsangan ekonomi bagi membantu rakyat dan memacu ekonomi negara.

Hasilnya, ekonomi negara berjaya mengembang sebanyak 3.1 peratus pada tahun 2021. Aliran masuk pelaburan asing, iaitu FDI pula meningkat 34.7 peratus daripada RM9.1 bilion pada suku pertama tahun 2021 daripada RM6.8 bilion pada suku sebelumnya.

Saya menggesa kementerian-kementerian lain untuk turut sama memainkan peranan masing-masing bagi membantu mengukuhkan ekonomi negara serta menggalakkan pelaburan luar untuk kembali melabur di dalam negara. Kita perlu mengembalikkan keyakinan pelaburan luar untuk melabur di dalam negara.

Tuan Yang di-Pertua, diam tidak diam sudah lebih dua tahun dunia dilanda COVID-19 dan tidak lama lagi kita akan berganjak kepada fasa endemik pada 1 April 2022 dan kita perlu belajar untuk hidup bersama virus ini. Tinggi harapan agar peralihan ke fasa endemik ini akan membolehkan kita kembali kepada cara hidup normal sebelum ini.

Namun begitu, dalam keadaan ini, semakin ramai yang mula mengambil ringan soal SOP. Makin ramai yang telah rasa jemu dan muak dengan pelbagai SOP yang diperintahkan. Namun KKM perlu tegas supaya virus COVID-19 dapat dikawal.

Saya cadangkan agar KKM terus melaksanakan kempen kesedaran di televisyen dan radio tempatan untuk mengingatkan rakyat agar kepentingan untuk mematuhi SOP sedia ada.

Saya juga ingin tahu usaha kerajaan dan kementerian yang berkaitan untuk memberi pemahaman kepada rakyat agar kepentingan vaksin memandangkan semakin ramai yang mula menolak vaksin, terutamanya dos penggalak serta apakah status sekatan ke atas mereka yang tidak divaksinasi dengan vaksin COVID-19 dalam fasa endemik nanti.

Saya harap kita tegas dengan pendirian untuk menyekat para anti-vaksin seperti sebelum ini, bukan untuk diskriminasi tetapi untuk mengawal penyebaran virus ini.

#### ■1710

Kesihatan mental. Isu kesihatan mental bukan lagi sesuatu yang asing di Malaysia. Kesedaran akan kepentingan untuk menjaga kesihatan mental kian meningkat. Namun begitu, melihat kepada jumlah kes bunuh diri yang makin kerap dilaporkan sama ada di media massa mahupun media sosial jelas menunjukkan bahawa tahap kesihatan mental rakyat Malaysia kini berada dalam keadaan yang semakin membimbangkan.

Antara faktor utama yang menyumbang kepada masalah ini merupakan krisis kewangan, tiada pekerjaan, tekanan pekerjaan, masalah keluarga, pengurusan emosi yang lemah serta faktor persekitaran. Sumber daripada Polis Diraja Malaysia mendapati terdapat peningkatan dalam kes bunuh diri yang dilaporkan pada tahun 2020 iaitu sebanyak 631 kes berbanding 609 kes pada tahun 2019. Sehingga Mac 2021 sejumlah 336 kes bunuh diri telah dilaporkan kepada Polis Diraja Malaysia.

Saya minta agar kerajaan memandang serius isu kesihatan mental rakyat. Saya amat berterima kasih dengan agensi-agensi kerajaan serta NGO yang melaksanakan perkhidmatan Talian Bantuan Sokongan Psikososial untuk membantu mereka yang memerlukan. Saya juga mohon agar kerajaan meminda akta memansuhkan seksyen 309 Kanun Keseksaan supaya kita dapat mendiskriminalisasikan cubaan membunuh diri, sebaliknya kita berusaha membantu mereka untuk bangun dan sihat semula daripada segi mental.

Saya amat menyokong tindakan Menteri Kesihatan menghantar memorandum memohon moratorium penangguhan segera agar tiada sebarang dakwaan atas seksyen 309, Kanun Keseksaan bagi kes cubaan bunuh diri sehingga pindaan atau pemansuhan seksyen tersebut dilaksanakan di Parlimen. Saya ingin tahu status memorandum ini sama ada telah diluluskan atau masih dalam perbincangan.

Tuan Yang di-Pertua, usaha memastikan Pelan Pemulihan Negara ini berjaya setelah sedikit terencat akibat daripada munculnya varian *Omicron* di seluruh dunia dan bencana yang melanda negara dua kali dalam setahun. Ramai rakyat yang baharu mendapat semangat untuk memulihkan ekonomi keluarga telah terkesan apabila muncul varian *Omicron* yang lebih mudah merebak dalam komuniti. Ada yang kuarantin dan tidak dapat menjalankan kerja atau perniagaan bagi yang bekerja sendiri hingga menjejaskan pendapatan bulanan keluarga. Ada juga rakyat yang terkesan dengan musibah banjir pada penghujung tahun 2021.

Ramai yang mengalami kerugian akibat musnah harta benda dan kini berusaha memenuhi keperluan asas keluarga. Kita memohon kepada kementerian yang berkaitan iaitu berkenaan dengan bantuan baik pulih rumah yang terkesan oleh banjir iaitu antara RM5,000 hingga RM15 ribu. Kerosakan yang serius adalah sebanyak RM56 ribu iaitu bagi rumah yang musnah, dapat disegerakan kerana Ramadhan akan bermula tidak lama lagi. Rakyat masih tertunggu-tunggu bantuan daripada kerajaan. Kita mohon kementerian berkenaan agar disegerakan bantuan-bantuan tersebut kepada yang terkesan oleh musibah banjir.

Dalam memastikan kesejahteraan Keluarga Malaysia kita mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia yang telah mendengar denyut nadi rakyat sehingga meluluskan caruman KWSP sebanyak RM10 ribu pada 16 Mac yang lalu. Saya menyampaikan salam kepada rakyat di seluruh negara kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia atas keprihatinan beliau.

Dalam membantu rakyat juga melalui Kementerian Kewangan, kita memohon agar Kementerian Kewangan mengkaji semula berkenaan dengan bantuan-bantuan perniagaan melalui Bank Simpanan Nasional, Agrobank dan beberapa buah agensi bank menerusi Program DanaNITA di bawah Majlis Amanah Raya, TemanNita melalui TEKUN Nasional. Walau bagaimanapun, usaha ini perlu dikaji semula, adakah dengan pembiayaan yang ditawarkan oleh kerajaan ini dapat membantu golongan wanita di dalam membina ekonomi atau tidak? Ini adalah kerana jika diberi bantuan pembiayaan, mereka perlu membayar semula tetapi jika bantuan ini berbentuk bantuan dengan pemberian geran. Walaupun hanya RM5,000 ia akan lebih membantu dan memberi kesan kepada suntikan dana perniagaan terutama khususnya kepada ibu-ibu tunggal.

Tuan Yang di-Pertua, selain usaha meningkatkan taraf ekonomi rakyat kerajaan juga harus fokus kepada keperluan asas bagi golongan B40 dan M40. Saya pohon kementerian mengkaji semula harga rumah yang lebih mesra pendapatan seperti menyediakan rumah mampu milik dan kaedah pembayaran rumah. Program rumah mampu milik ini juga boleh melibatkan pengurusannya antara kerajaan dengan syarikat-syarikat yang berkaitan kerajaan dan juga pertubuhan bukan kerajaan yang boleh membantu dalam usaha menyediakan perumahan kepada golongan yang memerlukan sebagai satu tanggungjawab sosial kepada masyarakat.

Bukan itu sahaja, kaedah pembiayaan rumah juga perlu dikaji sebaiknya kerana ia telah menimbulkan keresahan kepada rakyat terutamanya orang muda yang berpendapatan rendah atau orang muda yang tiada penyata gaji secara langsung telah mengakibatkan kesukaran mendapat kelulusan pembiayaan rumah dan seterusnya hilang kelayakan memiliki rumah. Sesungguhnya rakyat terutama golongan B40 dan M40 yang berkeluarga amat memerlukan tempat tinggal yang lebih baik dalam menjamin masa depan keluarga. Saya pohon Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan harus peka dan mengkaji berkenaan keluh kesah rakyat pada golongan B40 dan M40 untuk mendapat kelayakan memiliki rumah mampu milik.

Ketika negara berada dalam Fasa Pemulihan Ekonomi, isu kenaikan harga barang membelenggu rakyat sejak akhir tahun 2021. Berdasarkan tinjauan statistik semasa Indeks Harga Pengguna pada Disember 2021 meningkat 3.2 peratus melepasi purata inflasi negara bagi tempoh 2011 hingga 2021 iaitu 1.9 peratus, sebahagian besar kenaikan harga barang dan perkhidmatan di pasaran domestik. Rentetan isu kenaikan harga ini, penyelesaian holistik amat diperlukan bagi memastikan isu kenaikan harga ini boleh dirungkaikan dengan cara berhemah tanpa mengetepikan kebajikan semua pihak secara khusus dalam aspek pemulihan ekonomi.

#### ■1720

Fokus utama kerajaan adalah kepada pembekalan barang asas seperti makanan dan bahan mentah lain supaya mampu dibeli dengan harga berpatutan dan selari dengan pendapatan rakyat, sekali gus menjamin kelangsungan bekalan makanan serta melindungi perniagaan. Kerajaan perlu proaktif dalam membendung kenaikan harga barang dalam pasaran kerana harga barang keperluan harian yang semakin mahal dan telah merunsingkan rakyat terutama bagi golongan B40.

Senario ini mesti dikawal secara berterusan oleh pihak kerajaan dengan mengambil langkah-langkah berikut, mengenakan denda kepada peniaga yang tamak, yang menaikkan harga barang apabila stok telah kurang dalam pasaran. Akibatnya rakyat akan berebut membeli kerana takut kehabisan barang dan ini boleh menyebabkan rakyat berbelanja lebih kerana mereka menghabiskan banyak wang semasa membeli barang dan berlaku penindasan kepada golongan yang kurang berpendapatan.

Selain itu, pemeriksaan pihak berkuasa juga merupakan satu langkah penting untuk membendung masalah kenaikan harga barang. Jangan pula kekurangan kakitangan penguatkuasaan dalam kementerian dijadikan isu atau masalah dalam melaksanakan kawalan secara berterusan. Pemantauan harga barangan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna Malaysia (KPDNKK) di premis-premis perniagaan secara berkala ini penting untuk mengekang kenaikan harga barang dan mengelakkan berlaku penipuan dalam perniagaan yang memberi kesan kepada rakyat.

Kenaikan harga barang dapat dikawal jika semua pihak bekerjasama untuk menyelesaikannya. Dengan cara ini, kita mesti berpegang pada prinsip 'bersatu kita teguh, bercerai kita roboh'.

Menyahun Titah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 28 Februari yang lalu dalam menjayakan agenda pembangunan negara demi kepentingan rakyat, kestabilan politik sangat penting terutamanya memastikan negara terus berada di landasan. Ia bagi memastikan agenda pembangunan dan masa hadapan negara tercapai. Kerajaan perlu lebih komited dan sentiasa bermusyawarah antara satu sama lain bagi memastikan Pelan Pemulihan Negara untuk fasa seterusnya dapat dilaksanakan dan dapat memberi manfaat kepada rakyat. Ketepikanlah hal-hal politik kepartian yang boleh merencatkan usaha pembangunan ini yang tidak menguntungkan rakyat dan hanya dipolitikkan setiap keputusan kerajaan.

Akhirnya, saya amat berharap agar kita dalam Dewan yang mulia ini sedikit sebanyak dapat menyumbang kepada rakyat dan negara, mencari penyelesaian kepada masalah dan isu yang sedang rakyat hadapi. Semoga dengan adanya Sidang Dewan yang kali ini, kita dapat merumuskan sesuatu untuk diberi manfaat kepada rakyat.

Dengan ini, saya menyokong Titah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Yang di-Pertuan Agong. *Wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Waalaikumussalam.* Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Juhani binti Abd Aziz atas perbincangan tadi.

Seterusnya, saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip. Untuk ingatan Yang Berhormat Senator, kita akan tamat pada jam 5.30 petang dan saya boleh beri masa tambahan selama sepuluh minit. Kalau boleh, dapat patuhi ketetapan masa yang ditetapkan.

**Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan, Yang Berhormat Senator.

**Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip:** Tuan Yang di-Pertua, saya baharu balik dari IJN. Belum ada persediaan lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Oh! Belum ada persediaan ya.

**Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip:** Ya, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya jemput Yang Berhormat Senator Dr. Ahmad Azam bin Hamzah. Dipersilakan.

**5.24 ptg.**

**Dr. Ahmad Azam bin Hamzah:** *Bismillahi Rahmani Rahim.... [Membaca selawat ke atas Nabi Muhammad SAW]* Tuan Yang di-Pertua serta Ahli-ahli Yang Berhormat Senator sekalian.

Pertamanya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua atas ruang dan peluang yang diberikan kepada saya untuk melibatkan diri dalam perbahasan Menjunjung Kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bagi Sidang Dewan Rakyat dan Dewan Negara, Penggal Kelima, Parlimen Keempat Belas, baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, kerancangan ekonomi global sudah tentu terkesan dengan perseteruan geopolitik antara Rusia dan Ukraine, yang sehingga ke hari ini belum menemui jalan penyelesaian. Hal tersebut dapat dibuktikan dengan kenaikan harga secara mendadak bagi produk-produk pertanian keluaran kedua-ke dua negara republik tersebut.

Gandum merupakan antara produk tani yang telah mengundang kekhawatiran negara-negara pengimport yang selama ini banyak bergantung pada bekalan gandum yang dieksport oleh Rusia dan juga Ukraine.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, harga gandum dunia direkodkan paling tinggi dalam sejarah dunia pada awal minggu lalu. Rusia dan Ukraine merupakan pembekal terpenting gandum di peringkat global.

Secara hakikinya, 30 peratus gandum yang dikeluarkan oleh kedua-dua negara pengeksport tersebut selama ini merupakan penjana terpenting kepada kelancaran rantaian bekalan makanan asas dunia. Biarpun senario di Timur Eropah tersebut tidak mengundang risiko secara terus kepada aspek keselamatan makanan Malaysia, namun kerajaan menerusi Kementerian Pertanian dan Industri Makanan sewajarnya mempersiapkan negara dengan pelan jangka panjang bagi menghadapi apa jua bahana yang di luar jangka yang boleh merisikokan rantaian bekalan makanan global yang boleh memberi impak negatif kepada kelangsungan hidup rakyat.

Berdasarkan kenyataan terbaharu Program Makanan Dunia *United Nations* pada tahun 2019, angka bagi populasi dunia yang berhadapan dengan masalah kebuluran telah meningkat daripada 27 juta kepada 44 juta orang manusia. Angka tersebut membuktikan betapa seriusnya isu kesenjangan bekalan asas makanan di negara-negara miskin berikutan terputusnya rantaian bekalan makanan dari negara-negara pengeluar.

Perangkaan tersebut wajar dijadikan pengajaran buat kementerian yang seharusnya merencana segala bentuk inisiatif yang berteraskan pertanian tempatan yang boleh mengurangkan kebergantungan negara terhadap pengimportan produk-produk berasaskan makanan seperti yang dihasratkan dalam Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025.

Ironinya, Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara diwujudkan tidak berupaya meningkatkan pengeluaran ayam contohnya, sehinggakan kerajaan terpaksa membenarkan para pengusaha pasar-pasar besar terpaksa mendapatkan produk ayam beku dari negara-negara luar termasuk Thailand.

Saya dikhabarkan subsidi sejumlah RM528.52 juta bagi telur dan ayam hidup yang disediakan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna tidak lagi relevan. Seperti yang diakui oleh sebilangan golongan penternak, kemelut Rusia-Ukraine telah mengakibatkan peningkatan luar jangka bagi harga dedak. Hal tersebut sudah tentu memberi kesan kepada penambahan kos ternakan yang perlu ditanggung oleh golongan penternak yang kemudiannya terpaksa mengehendak output pengeluaran ayam bagi tujuan pasaran. Natiujahnya, harga ayam yang dijual di pasar-pasar akan meningkat dan hal ini akan memberi kesan lanjutan buat golongan peniaga makanan yang akan terpaksa menaikkan harga bagi makanan-makanan yang berasaskan ayam.

Kenaikan harga ayam menjelang Ramadan dan sambutan Aidilfitri kelak turut diramalkan oleh Persatuan Pengguna Negeri Kedah (CAKE). Golongan peniaga makanan berasaskan ayam seperti ayam percik dan nasi ayam akan turut mengenakan kenaikan harga kesan daripada peningkatan permintaan dalam pasaran. Peningkatan permintaan dalam keadaan penawaran yang terhad akan menyebabkan harga jualan meningkat.

Bagi saya, kebenaran mengimport ayam yang diberikan kepada syarikat-syarikat pembekal ayam tempatan yang memiliki permit kebenaran mengimport merupakan satu strategi kerajaan yang tempang biarpun ia dikatakan sebagai inisiatif sementara.

Meneladani krisis gangguan rantaian bekalan makanan global, rentetan daripada serangan rejim Vladimir Putin terhadap Ukraine, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan serta Kementerian Pembangunan Luar Bandar seharusnya mengenal pasti agensi-agensi serta syarikat-syarikat berkaitan kerajaan yang berpotensi untuk menjadi jaguh pembekal bagi produk-produk makanan asas termasuk pertanian dan ayam bagi pasaran tempatan sejajar dengan aspirasi yang dimuatkan dalam Rancangan Malaysia Ke-12.

#### ■1730

Tiada guna kerajaan menubuhkan Jawatankuasa Khas Kabinet serta mewujudkan pelbagai dasar berkaitan sekuriti makanan sekiranya kementerian yang bertanggungjawab gagal secara prinsipnya memahami faktor-faktor penting yang menjurus kepada terjadinya masalah kenaikan harga yang membebankan rakyat sebagai pengguna. Dalam masa terdekat, saya tidak menjangkakan akan berlakunya pertambahan dalam pengeluaran ayam dan telur disebabkan beberapa perkara iaitu:

- (i) makanan ternakan yang sebahagian besarnya diimport telah naik dengan begitu mendadak, terutamanya selepas berlakunya perang antara Ukraine dan Rusia;
- (ii) masalah kekurangan pekerja yang kritikal di ladang-ladang ternakan; dan
- (iii) masalah penyakit yang menyebabkan kematian tinggi serta penurunan kadar pengeluaran telur.

Dalam jangka masa sederhana ataupun jangka masa panjang pula, pertambahan ini tidak dilakukan dengan kadar segera kerana tempoh mendapatkan lesen ternakan adalah teramat panjang. Ini melibatkan dengan syarat-syarat ataupun kerenah-kerenah birokrasi tertentu, umpamanya dikehendaki mempunyai kebenaran merancang (KM). Sebagaimana disyaratkan kepada kilang-kilang ataupun industri.

Jadi, saya mencadangkan untuk mendapatkan- cara untuk mempercepatkan industri ini adalah bukan mengamalkan kebenaran merancang tetapi sebaliknya memberi permit khas untuk ternakan yang ditata kelolakan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar supaya tempoh yang singkat dapat dikenakan ataupun dapat dipraktikkan untuk pertambahan segera dalam ternakan ayam dan juga telur.

Kita jangan lupa bahawa di Malaysia, kita mempunyai tahap sara hidup sejak tahun 80-an untuk ternakan ayam dan juga telur. Jadi, bayangkanlah kalau dalam beberapa tahun akan datang kita terpaksa mengimport ayam. Bayangkanlah berapa harga yang kita terpaksa bayar untuk makanan tersebut?

Di samping itu juga, proses mendapatkan bekalan elektrik, semakin jauh ke pedalaman semakin lama masa yang diambil ataupun semakin tinggi kos. Di samping TNB terpaksa memohon bajet khas kerana kos untuk memasukkan bekalan elektrik di jarak yang jauh memerlukan modal yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, tatkala Lembah Klang berhadapan dengan musibah banjir awal bulan lalu, Negeri Sembilan juga turut menimpa mala petaka yang sama. Bencana banjir telah melanda Rumah Murah Bahau di Jempol, Empangan Gemencheh di Tampin, FELDA Titi di Jelebu dan juga Kampung Bembang Panas, Rumah Mesra Rakyat di Kuala Pilah. Tidak lain dan tidak bukan, masalah banjir yang berlaku di beberapa buah kawasan tersebut antaranya berpunca daripada masalah struktur jalan raya yang tidak teratur, selain daripada masalah saluran yang turut menjadi punca terjadinya hakisan tanah di kawasan sekitar.

Kelemahan dalam aspek pemantauan terhadap keadaan semasa infrastruktur jalan raya oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab, khususnya Jabatan Kerja Raya, wajar ditangani dengan segera. Keadaan cuaca yang tidak menentu di negara kita ini tidak boleh dipandang remeh oleh Kerajaan Persekutuan kerana ia boleh menjerumuskan kepada keadaan berlakunya hakisan tanah yang berpunca daripada kelalaian pihak tertentu dalam mengenal pasti jalan raya Persekutuan yang memerlukan penaiktarafan yang berkala.

Mengikut Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2022 bagi Kementerian Kerja Raya, sebanyak RM329.7 juta diperuntukkan bagi tujuan menaik taraf jalan raya dan juga laluan di Semenanjung. Boleh Yang Berhormat Menteri Kanan Kerja Raya menyatakan jumlah peruntukan yang telah diperuntukkan khas kepada JKR Negeri Sembilan bagi tujuan menaik taraf jalan raya di seluruh Negeri Sembilan bagi selama ini yang menjadi faktor kepada masalah hakisan tanah yang boleh merisikokan penempatan rakyat setempat? Secara kumulatifnya, kira-kira sebanyak RM1.497 bilion diperuntukkan untuk Kementerian Kerja Raya bagi menaik taraf jalan raya dan laluan, menaik taraf jalan-jalan dan memperelok dan membaik pulih jalan.

Sekiranya pihak kementerian menerusi JKR Persekutuan dan negeri-negeri benar-benar peka terhadap aspek keselamatan Jalan Raya Persekutuan yang perlu ditambah baik, agihan peruntukan yang sewajarnya telah mula dikhaskan buat Negeri Sembilan yang saban tahun berhadapan dengan masalah banjir dan hakisan tanah yang berpunca daripada struktur jalan yang tidak sistematik. Yang Berhormat Menteri pun sedia maklum, infrastruktur jalan raya ini adalah asas kepada pembangunan persekitaran yang turut merangkumi ekosistem alam sekitar seperti sungai.

Apabila jalan raya menjadi liabiliti yang menyumbang kepada berlakunya banjir kilat, ekosistem akan terencat dan seterusnya kehidupan rakyat sekitar akan terjejas. Kementerian Alam Sekitar dan Air tidak terkecuali dalam permasalahan ini. Kekerapan berlakunya banjir kilat di sepanjang rangkaian Sungai Linggi Negeri Sembilan berpunca daripada masalah keketekan dasar Sungai Linggi.

Hal tersebut telah dikenal pasti oleh pihak Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah menerusi kajian yang telah dijalankan. Secara hipotesisnya, keketekan dasar sungai tersebut tidak mampu menampung kenaikan paras takungan air secara mendadak, lebih-lebih lagi ketika musim hujan.

Limpahan daripada Sungai Linggi yang tidak terkawal itulah yang boleh merisikokan kehidupan penduduk di kawasan berdekatan sungai, termasuk Kampung Permatang Pasir, Kampung Tampin Linggi, Kampung Pengkalan Durian yang mempunyai kira-kira 3,000 orang penduduk. Oktober tahun lalu, masalah banjir yang berlaku di situ telah menjejaskan lebih 100 buah rumah. Kira-kira seramai 100 orang penduduk kampung yang terkesan terpaksa dipindahkan ke balai raya berdekatan yang dijadikan pusat pemindahan sementara di Kampung Pasir.

Berkaitan perihal Sungai Linggi, saya minta kementerian menerusi Jabatan Pengairan dan Saliran dapat mempertimbangkan cadangan bagi menambah kedalaman dasar Sungai Linggi, di samping mewujudkan sistem tebatan banjir yang berstruktur menerusi peruntukan kira-kira RM17.7 juta bagi tahun 2022 yang dikhaskan untuk tujuan tersebut.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Menteri, Kerajaan Negeri Sembilan sedang menumpukan pelaksanaan Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Linggi Fasa 4 sepanjang 10 kilometer. Projek yang menelan kos perbelanjaan sebanyak RM66 juta itu merupakan kesinambungan kepada Projek Perancangan Tebatan Banjir Sungai Linggi sepanjang 27 kilometer yang telah berjaya disiapkan.

Saya mengharapkan agar sinergi antara pihak kementerian dengan Kerajaan Negeri Sembilan dapat diwujudkan bagi menjayakan pelaksanaan Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Linggi Fasa 4. Projek tersebut merupakan usaha tambahan kerajaan negeri bagi menambah baik sistem tebatan banjir buat manfaat rakyat setempat pada tahun-tahun mendatang.



Di peringkat Negeri Sembilan, Rancangan Malaysia Ke-12 telah menumpukan rancangan tebatan banjir fasa 5 yang dianggarkan melibatkan kos sebanyak RM150 juta. Mewakili Kerajaan Negeri Sembilan, saya meminta perhatian daripada pihak kementerian agar permohonan peruntukan yang telah dibuat oleh kerajaan negeri bagi tujuan tersebut dapat diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, Januari lalu kita digemparkan dengan satu kenyataan yang tidak masuk akal oleh Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan yang menyatakan bahawa aktiviti pembalakan tidak menjejaskan *survival* harimau. Katanya hutan tebal menyukarkan harimau untuk mencari sumber makanan. Kononnya pembalakan boleh mendatangkan sumber makanan kepada harimau kerana haiwan-haiwan seperti kancil akan meneroka kawasan yang mendapat tumbuhan baharu selepas berlakunya pembalakan. Kenyataan tersebut seolah-olah mempamerkan sikap sebenar Jabatan Perhutanan negeri tersebut dalam perihal pembalakan yang secara terang-terang mengikis kehijauan alam sekitar yang sebelum ini menjadi habitat utama haiwan-haiwan liar seperti harimau dan orang utan.

Kejahilan atau ketidakpedulian kita dalam menilai sesuatu perkara yang melibatkan amanah Allah seperti hutan hijau boleh menghakis rasa tanggungjawab kita terhadap alam sekitar. Jika ia wujud dalam diri kita, maka tiada bezanya kita dengan binatang-binatang yang tidak dikurniakan akal untuk berfikir secara rasional dan waras.

Jika kita terlalu asyik memuja dasar pemodenan, sehinggakan hutan hijau yang kita ada pada hari ini semakin hari semakin menipis akibat ketamakan manusia yang hidupnya berkiblatkan wang dan harta. Kita lihat Indonesia, perancangan untuk memindahkan ibu kota negara tersebut ke Kalimantan bakal mengundang kisah tragis kepada usaha-usaha pemuliharaan dan pemeliharaan flora dan fauna bagi hutan-hutan di Riau, Jambi dan Selatan Sumatera.

#### ■1740

Ketiga-tiga wilayah ini juga menjadikan aktiviti perladangan kelapa sawit merupakan antara sumber pendapatan utama negara Republik tersebut...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh rumuskan, fasal kita tidak ada usul hendak lanjutkan perbahasan pada hari ini.

**Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah:** Okey, saya habiskan sikit lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Boleh.

**Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah:** Kumpulan aktivitis alam sekitar Indonesia, *Sustainable Madani Foundation* telah menyatakan kegusaran mereka terhadap undang-undang yang telah diluluskan oleh Parlimen Indonesia tersebut yang memperuntukkan bahawa tidak ada lagi keperluan bagi wilayah-wilayah di Indonesia untuk dilitupi hutan sekurang-kurangnya 30 peratus hutan hijau. Isu tersebut tidak diberi litupan meluas oleh media negara kita dan atas sebab itulah ada kalangan kita menganggap bahawa perpindahan ibu kota Indonesia ke Kalimantan merupakan satu berita gembira buat masa depan ekonomi Wilayah Borneo.

Pada hakikatnya perancangan tersebut bakal mengancam keindahan semula jadi Indonesia yang merupakan negara yang mempunyai keluasan hutan ketiga terbesar di dunia selepas Hutan Amazon dan Hutan *Congo Basin* di Afrika. Jadi persoalannya, adakah kita mahu mengikut jejak langkah mereka, pembalakan tidak kira ia dilakukan secara haram mahupun berlesen sewajarnya diperangi habis-habisan oleh Kerajaan Persekutuan khususnya Kementerian Tenaga dan Sumber Asli.

Jadi, saya rasa oleh sebab masa tidak diizinkan, Tuan Yang di-Pertua, jadi saya mohon menyokong Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, kepada Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah atas perbahasannya tadi.

Ahli-ahli Yang Berhormat, esok kita sambung lagi perbahasan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Oleh itu, saya ingin memberitahu Ahli-ahli Yang Berhormat untuk bersedia esok iaitu:

- (i) Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook;
- (ii) Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab Hamid;
- (iii) Yang Berhormat Senator Dato Dr. Nuing Jeluing;
- (iv) Yang Berhormat Senator Datuk Iskandar Dzulkarnain bin Abdul Khalid; dan
- (v) Yang Berhormat Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu.

Lain esok kita akan terangkan jadi ini merupakan pemberitahuan awal supaya Ahli-ahli Yang Berhormat boleh membuat persiapan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa, 22 Mac 2022. Sekian, terima kasih.

***[Mesyuarat ditangguhkan pada jam 5.43 petang]***